



ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM

# PENGAJIAN DAKWAH DAN USULUDDIN

PENYUNTING :

NOOR HAFIZAH BT MOHD HARIDI . MUSTAFA KAMAL BIN AMAT MISRA  
SITI NURBALQIS BINTI BAHARUDDIN

**ISU-ISU KONTEMPORARI  
DALAM PENGAJIAN DAKWAH  
DAN USULUDDIN**

**SIRI 4**

**(2023)**

*PENYUNTING*

**Noor Hafizah Binti Mohad Haridi  
Mustafa Kamal Bin Amat Misra  
Siti Nurbalqis Binti Baharuddin**

**PENERBIT FPPI  
Universiti Islam Selangor (UIS)**

## **HAK CIPTA**

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS, 2023

Hak cipta terpelihara. sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

**PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)**

Universiti Islam Selangor (UIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>  
03-89117000 ext: 7167

e ISBN 978-967-2808-37-4

**ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN DAKWAH DAN USULUDDIN SIRI 4 (2023)**

## KANDUNGAN

<b>HAK CIPTA .....</b>	iii
<b>KANDUNGAN .....</b>	iv
<b>KATA PENGANTAR.....</b>	v
<b>PRAKATA.....</b>	vi
<b>Bab 1.....</b>	7
<b>DAKWAH KONTEMPORARI KEPADA ANAK-ANAK MUALAF .....</b>	7
<b>Bab 2.....</b>	14
<b>Cabaran Dakwah Terhadap Non-Muslim Melalui Pertubuhan Jaringan Muallaf Malaysia .....</b>	14
<b>BAB 3 .....</b>	18
<b>DAKWAH NON-MUSLIM: ISU DAN CABARAN.....</b>	18
<b>Bab 4.....</b>	27
<b>Pemujukan Dalam Komunikasi Dakwah Kepada Komuniti Lesbian Berhijrah : Satu Sorotan Literatur. ....</b>	27
<b>Bab 5.....</b>	40
<b>Transgender: Satu Pengenalan.....</b>	40
<b>Bab 6.....</b>	47
<b>Elemen Pembangunan Hati Dan Jiwa Remaja Delinkuen Mendepani Cabaran Era Globalisasi Menurut Al-Ghazali .....</b>	47
<b>BAB 7 .....</b>	64
<b>Komponen Kepimpinan Dimensi Al-Aql Dari Perspektif Kepimpinan Islam.....</b>	64
<b>Bab 8.....</b>	73
<b>Manhaj Ithbat Ulama Salaf Dalam Berinteraksi Dengan Sifat Khabariyyah Menurut Penjelasan Imam Abu Al-Hasan Al-Ash'ari. ....</b>	73
<b>BAB 9 .....</b>	91
<b>HUKUM LOMPAT PARTI DARI SEGI PERSPEKTIF AGAMA ISLAM DAN HUKUM NEGARA. ....</b>	91
<b>BAB 10 .....</b>	101
<b>KEFAHAMAN AYAT AL-SIFAT MENURUT PANDANGAN BEBERAPA RUJUKAN ASHAIRAH NUSANTARA .....</b>	101

## KATA PENGANTAR

Segala pujian dan setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Ahli Keluarga Baginda dan Para sahabat. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukilkan sepatah dua kata dalam buku digital ini bagi mewakili pihak pengurusan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI).

Ucapan syabas dan tahniah kepada Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Penganjur *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2023) yang terus berusaha dengan sepenuh jiwa mendokong Fakulti dan UIS meneruskan program pengembangan akademik dan keilmuan serta jihad pendidikan bagi melaksanakan tanggungjawab memartabatkan ummah. Tahniah juga kerana berjaya menerbitkan buku digital *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin* bersempena dengan penganjuran *International Conference on Islamic Civilisational Studies* (IConICS 2023) oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS) pada tahun 2023. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku digital ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel.

Usaha untuk memartabatkan turath dalam pengajian Islam bukanlah suatu gerak kerja yang mudah. Setiap diri perlu memastikan bahawa nilai-nilai islami dan tradisi murni tidak hilang dalam arus globalisasi yang semakin mencabar. Mutakhir ini umat Islam di seluruh dunia berdepan dengan pelbagai isu kontemporari yang menguji keimanan, kepercayaan dan pegangan mereka terhadap Islam. Kesepaduan kebijaksanaan ilmuwan dalam mengangkat ketinggian turath, memenuhi keperluan semasa masyarakat dan mendukung pandangan Islami yang inklusif menjadi bekalan yang ampuh kepada umat Islam.

Dalam mendepani isu yang hangat diperdebatkan di kalangan umat Islam ialah isu kelemahan umat Islam, diharapkan penerbitan buku digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi yang sangat signifikan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian Islam. Semoga usaha ini akan menjadi peneraju tradisi ilmu dalam usaha memberikan pencerahan dan informasi kearah memperkasa usaha pembudayaan ilmu dan dakwah di jalan Allah SWT.

Sekian, Salam hormat.

DR. MD. NOOR HUSSIN  
Dekan,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

## PRAKATA

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kami panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya buku digital ini dapat diterbitkan dengan sempurna. Buku digital ini memfokuskan kepada perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam pengajian Dakwah dan Usuluddin. Buku digital ini sarat dengan hasil penyelidikan terkini sama ada kajian yang berbentuk teori mahupun yang berbentuk kajian lapangan. Penghasilan buku digital ini merupakan usaha pengembangan ilmu yang berterusan.

Bidang pengajian Dakwah dan Usuluddin diyakini akan terus relevan dalam mendepani isu-isu kontemporari. Penyelidikan yang berterusan merupakan platform terbaik oleh para akademia dalam mencari solusi tentang permasalahan isu-isu semasa dan menyebar luas serta berkongsi dapatan kajian yang memberi manfaat kepada semua pihak.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel dalam *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2023) serta sekretariat yang komited membantu usaha menerbitkan buku digital *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin* terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) pada tahun ini. Naskah ilmiah ini merupakan koleksi percambahan idea autentik para akademia dalam usaha menambah publikasi korpus pengajian Dakwah dan Usuluddin.

Adalah diharapkan dengan penerbitan buku digital ini para pembaca dan pengkaji dalam bidang Dakwah dan Usuluddin khususnya dan bidang pengajian Islam umumnya dapat menjadikannya sebagai bahan bacaan dan rujukan bagi kajian-kajian yang akan dijalankan. Mudah-mudahan hasil perkongsian para ahli akademik ini memberi sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan.

Sekian, wassalam

**Noor Hafizah Binti Mohad Haridi**

**Mustafa Kamal Bin Amat Misra**

**Siti Nurbalqis Binti Baharuddin**

**BAHAGIAN I**

**DAKWAH TERHADAP**

**MASYARAKAT**

**MARGINAL**

# BAB 1

## DAKWAH KONTEMPORARI KEPADA ANAK-ANAK MUALAF

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

### Pendahuluan

Islam telah memberikan panduan secara jelas jalan yang boleh menyelamatkan umat manusia di dunia dan akhirat sesuai dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah (5) ayat 3 menerangkan tentang kesempurnaan agama Islam sebagai cara hidup manusia.

اللَّيْوَمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya:

..... Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.....

Ayat ini menjelaskan tentang jaminan bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang disukai dan direndai Allah SWT sehingga mengutuskan seorang Rasul sebagai utusan terakhir untuk mengajar agama ini sehingga mencapai kesempurnaan kehidupan di dunia menuju akhirat. Seperkara yang menjadi kelebihan bagi generasi para sahabat adalah mereka mendapat tarbiah dan asuhan secara langsung daripada Nabi Muhammad SAW sehingga generasi mereka disebut di dalam Al-Quran sebagai generasi “*khayru ummah*” sesuai dalam firman Allah SWT dalam surah Ali Imran (3):110).

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرَجْتَ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءاْمَنَ أَهْلُ الْكِتَبِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِقُونَ

110

Maksudnya:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaularah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakannya mereka orang-orang yang fasik.

Salah satu contoh cara berdakwah kepada anak-anak adalah seperti kisah Luqman mengajarkan anaknya dan cerita ini disampaikan kepada kita melalui wahyu supaya dapat diambil pengajaran dan ikhtibar dalam kehidupan seharian. Merujuk kepada surah Luqman, ayat 13 hingga 19, kita akan memperolehi garis panduan yang jelas bagaimana untuk membina generasi yang bersifat Rabbani seperti generasi para sahabat.

وَإِذْ قَالَ لِقْمَنُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يُبَشِّرُهُ لَا تُشْرِكَ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِكَ أَظْلَمُ عَظِيمٌ  
وَوَصَّيْنَا أَلِإِنْسَنَ بِوْلَدِيهِ حَمَلَتُهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَىٰ وَهُنَّ وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ  
أَشْكُرْ لِي وَلَوْلَدِيَكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ۖ ۗ وَإِنْ جَهَدَكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ

لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِهِمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفٌ وَأَتَيْتُكُمْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَإِنْتُمْ تَعْمَلُونَ ۖ ۱۵ يَبْيَنِي إِنَّهَا إِنْ تُكَفَّرَ مِنْ قَالَ حَبَّةٌ مِّنْ حَرَدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَحْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِيَتْ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ حَبِيرٌ ۖ ۱۶ يَبْيَنِي أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهُ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصِيرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأَمْوَارِ ۖ ۱۷ وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ۖ ۱۸ وَأَقْصِدْ فِي مَشَيْكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتِ الْحَمِيرِ ۖ ۱۹

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar. Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuatkan denganKu sesuatu yang engkau dengan fikiran sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi. Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya. Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak somborg; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang somborg takbur, lagi membanggakan diri. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

Mesej dakwah yang terkandung di dalam ayat-ayat di atas adalah nasihat yang baik iaitu menekankan tentang aspek akidah yang sahih dan nilai-nilai akhlak yang baik, kedua ibrah atau pengajaran yang mengajak anak-anak supaya melihat kepada fakta dan kebenaran, ketiga ialah dialog yang berasaskan kebenaran, keempat adalah menjadikan ibu bapa sebagai role model kepada anak-anak dan kelima adalah perumpamaan yang membawa kepada mendidik untuk memudahkan memahami sesuatu ilmu yang diajarkan.

Melihat kepada peredaran zaman, antara cabaran dakwah terhadap anak-anak masa kini adalah penglibatan mereka terhadap jenayah dengan melibatkan pelbagai jenis kesalahan seperti yang direkodkan oleh statistik Polis Diraja Malaysia dalam jenayah

indeks Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2020. Antara jenis-jenis kesalahan tersebut adalah curi motosikal, kes curi, rogol, samun berkawan tanoa bersenjata api, mencederakan, samun tanpa senjata api. Bunuh, curi ragut, curi van/lori/jentera berat dan samun berkawan bersenjata api (<https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2022/03/22/5091/>). Menurut laporan tangkapan anak-anak bawah umur yang melakukan jenayah indeks Malaysia menyaksikan etnik Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 21735 orang, Cina (1757 orang), India (4602 orang), etnik Sabah dan Sarawak (2708 orang), Orang Asli (137 orang), Sikh (18 orang) dan selebihnya 324 orang bagi lain-lain bangsa. Punca anak-anak terlibat dengan jenayah ialah faktor rakan, pengaruh media sosial, desakan hidup, kurang didikan agama dan persekitaran keluarga. Bahkan ditambah lagi dengan isu-isu kontemporari yang dikaitkan dengan anak-anak khususnya isu melibatkan akidah yang sesat, normalisasi senario terkini yang tidak sihat, ideologi songsang, kehancuran akhlak dan pengaruh *public figure* dan *youtuber* yang menolak ajaran Islam. Dalam kes-kes seperti ini, ibu bapa memainkan peranan penting agar anak-anak terselamat daripada amalan-amalan yang bertentangan dengan ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

### **Kaedah Dakwah Kontemporari Kepada Anak-Anak Mualaf**

Dalam artikel ini terdapat beberapa kaedah dakwah kontemporari kepada anak-anak mualaf, antaranya ialah:

#### **i. Al-Hikmah**

Kata hikmah kebiasaannya diterjemahkan dengan bijaksana iaitu merujuk kepada kebijaksanaan seorang pendakwah menyampaikan dakwah kepada sasaran sehingga memberikan hasil yang baik. Manakala hikmah menurut istilah pula ia merujuk kepada Al-Quran, kenabian, ilmu yang dipimpin oleh wahyu, sunnah Nabi SAW dan ilmu kebenaran (al-Qahthani, 1994). Namun pun begitu, hikmah tersebut digambarkan dan dibuktikan melalui pertuturan dan perbuatan seorang pendakwah ketika berhadapan dengan sasaran dakwahnya. Pertuturan lemah lembut sehingga anak-anak merasa aman dan selesa bila berbicara dengan kedua ibu bapanya adalah satu kejayaan terbesar dalam ilmu *parenting*. Antara kaedah berkesan dalam berinteraksi dengan anak-anak ialah memanggil mereka dengan panggilan manja seperti babyku, sayangku, manjaku, anak kecilku, buah hatiku dan seumpamanya. Pangilan seperti ini akan menjadi biasa pada telinga anak-anak sehingga menanamkan kasih sayang kepada mereka. Jika tidak dibiaaskan dengan panggilan seperti ini akan mengakibatkan kejutan budaya kepada mereka apabila orang luar yang memanggil mereka dengan panggilan-panggilan seperti ini lebih-lebih lagi apabila berlawanan jenis sehingga menimbulkan perasaan cinta. Pertuturan ibu bapa kepada anak-anak mestilah jelas dan tegas seperti memberikan arahan menyembah Allah SWT dan menjauhi perkara syirik.

Manakala hikmah dari aspek perbuatan pula merujuk kepada pengamalan kedua ibu bapa terhadap agamanya. Ibu bapa menjadi cerminan bagi anak-anak dan sering diperhatikan sejauhmanakah ibu bapanya menjaga ibadah, beramal dengan undang-undang dan peraturan yang terkandung dalam Islam dan akhlak ibu bapa juga menjadi ikutan bagi anak-anak kerana pendidikan itu bermula di rumah. Memimpin tangan anak-anak ke arah kebaikan sangat berbeza dengan hanya ibu bapa menyuruh anak-anak supaya berbuat kebaikan.

Mengikut Hanny Muchtar Darta, pakar dalam emosional parenting menyatakan bahawa kata-kata negatif, seperti membentak, selalu menyalahkan dan anak-anak sering

mendengar makian akan membuatkan tumpuan dan daya ingatan mereka akan lemah(<https://regional.kompas.com/read/2010/03/10/14255786/berikan.pilihan.kepada.anak>) dan ini dibuktikan dengan satu kajian di Amerika yang dilakukan oleh Taks Force for Personal and Social Responsibilities dengan membuktikan bahawa anak-anak yang sentiasa mendengar sebanyak 432 kata-kata negatif dan hanya mendengar sebanyak 32 kata-kata atau perkataan positif maka sebanyak 80% dari kata-kata tersebut meninggalkan kesan negatif pada perkembangan psikologi seorang anak. Justeru itu, pertuturan dan perbuatan ibu bapa mestilah lebih terarah kepada positif agar anak-anak membesar dengan cergas dan cerdik.

### ii. Ibu Bapa Sebagai Qudwah Hasanah

Ibu bapa mualaf seharusnya menyedari bahawa mereka adalah *role model* bagi anak-anak mereka khususnya dalam mendidik dan menerapkan nilai-nilai ajaran Islam dari aspek akidah, syariah dan akhlak dalam kehidupan anak-anak mereka. Ibu bapa adalah ejen kepada pembentukan modal insan bagi generasi seterusnya untuk menjamin kesinambungan generasi yang dikehendaki dalam agama seperti golongan yang disebut dalam al-Quran dalam surah Ali Imran (3) ayat 110 iaitu golongan “*khayru ummah*” iaitu dapat melahirkan generasi sahabat Rasulullah SAW yang memiliki sifat-sifat seperti yang dinyatakan dalam surah Al-Mujadilah (58):22.

لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ أَلَاخْرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا أَبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ أَحْوَنَهُمْ أَوْ عَشِيرَتُهُمْ أَوْ لِئَلَّا كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمْ أَلِيمٌ وَأَيَّدَهُمْ بِرُوحٍ مِنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّتَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا أَلَانَهُرُ خَلِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ أَوْ لِئَلَّا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۚ ۲۲

Maksudnya:

Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka atau saudara-saudara mereka ataupun keluarga mereka. Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadaNya dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah reda akan mereka dan mereka reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberian-Nya. Merekalah penyokong-penyokong (agama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (agama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya.

### iii. Latih untuk Menjadi “Kader Dai”

Ibu bapa perlu berusaha supaya dapat meningkatkan pemahaman nilai-nilai ajaran agama Islam kepada anak-anak mereka dengan tujuan yang jelas supaya keturunan mereka dapat menjadikan ajaran agama sebagai pedoman dalam kehidupan mereka sehingga dapat melahirkan kader pendakwah dalam keluarga tersebut. Peranan ibu bapa mualaf dalam meningkatkan pendidikan dan penguasaan anak-anak terhadap agama Islam sangat penting khususnya dalam membantu dalam pengurusan waktu anak-anak, memberikan motivasi serta menyediakan kemudahan yang berkaitan dengan pendidikan anak (Muftihah, 2017).

Melatih dan menjadikan anak-anak sebagai kader dai perlu disemai dalam keluarga supaya anak-anak akan membesar dengan wawasan dan matlamat. Sekurang-kurangnya

anak-anak tersebut dapat mengenal pasti tugas sebagai seorang Muslim selain sebagai khalifah di bumi ini. Ini bersesuaian dengan ayat al-Quran dalam surah Taubah (9):122.

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُواْ كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فَرَقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَقَبَّلُهُواْ فِي الدِّينِ وَلَيُنَذِّرُواْ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ۚ ۱۲۲

Maksudnya:

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

#### iv. Berikan Maklumat Awal Mengenai Aktiviti Dakwah di Medsos

Sedikit sebanyak tidak dinafikan bahawa zaman kini sudah berubah berbanding 50 tahun yang lalu seperti kehadiran media masa dalam kehidupan kita. Justeru, anak-anak mualaf perlu diberikan maklumat awal berkaitan aktiviti-aktiviti dakwah di internet supaya diperingkat awal mereka sudah dapat input berkaitan isu-isu penting perihal strategi dan cabaran-cabaran dakwah ketika berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat, budaya dan status sasaran dakwah. Antara link website yang boleh dilihat ialah [www.zakirnaik.com](http://www.zakirnaik.com) dan seumpamanya.

#### v. Pendidikan Acuan Islam di Awal Usia

Pendidikan anak-anak mualaf di peringkat awal merujuk kepada satu proses mendidik dan melatih segenap kekuatan yang tersedia dalam diri mereka dengan berlandaskan kepada prinsip wahyu dalam kerangka Islam yang bersepada di mana akidah Islam merupakan asasnya (Ismail & Jasmi, 2016). Ini selaras dengan matlamat pendidikan Islam yang ingin melahirkan generasi yang luas pengetahuannya tentang Islam, berpegang teguh pada akidah yang sah, mengikut peraturan dalam acuan syariah Islamiah dan berakhlik mulia serta teguh keimanan dan bertakwa kepada Allah SWT dalam suatu proses sehingga peraturan tersebut berupaya diamalkan dalam kehidupan sehariannya.

Antara matlamat yang penting untuk diperolehi dalam pendidikan agama menurut Ismail et al. (2019) adalah bagi melahirkan modal insan yang memiliki sahsiah peribadi Islamiah dengan akidah, syariah dan nilai akhlak Islamiah serta bakal memegang amanah sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Kelahiran seseorang itu terkandung padanya fitrah untuk beragama di mana ibu bapa sebagai pendidik dan pembimbing utama dan hendaklah membekalkannya dengan lebih optimum agar dapat melahirkan generasi yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan-nya sesuai dengan acuan Islam. Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dinyatakan bahawa ibu bapa mualaf perlu sedar akan peranan mereka untuk menyeimbangkan pendidikan anak-anak berkaitan ukhrawi dan duniawi sejak di usia kecil mereka. Oleh yang demikian, jelaslah peranan yang dimiliki oleh para ibu bapa dalam mengasuh anak-anak mengikut acuan Islam agar nilai-nilai akhlak dapat praktikkan dalam kehidupan sehariannya mengikut kerangka syariat Islam.

Al-Qardhawi (1983) telah menghuraikan kesan dan pengaruh pendidikan akidah terhadap peribadi manusia, antaranya ialah akidah yang sah melahirkan manusia yang benar-benar merdeka. Ini kerana mereka hanya menyembah Allah SWT Tuhan yang Maha Kuasa, Tuhan yang Esa dan menjadi hamba kepadaNya. Kedua, akidah dapat

membentuk manusia yang seimbang kerana keimanan yang sepenuhnya kepada Allah SWT menjadikan matlamat dan cara kehidupan adalah jelas dan ia mampu melihat persoalan dunia dan akhirat secara tepat dan ketiga ialah akidah adalah sumber ketenangan. Hal ini kerana hati dan perasaan mereka yang berakidah dipenuhi dengan nilai-nilai positif serta mereka ini membina dan menjalani kehidupan dengan matlamat yang betul sesuai dengan fitrah kejadiannya.

#### **vi. Mengutamakan Mendengar Berbanding Bercakap**

Satu kesilapan biasa yang sering dilakukan oleh ibu bapa ialah sikap menjadikan anak-anak sebagai punching bag atau bakul sampah. Anak-anak adalah anugerah yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada ibu bapa yang terpilih untuk memiliki kerana bukan semua mempunyai pilihan seperti itu. Status anak tidak akan terpadam sampai bila namun bukan bererti mereka adalah tempat buangan masalah dalam keluarga sehingga merosakkan emosi dan tumpuan dalam urusan harian. Anak-anak sudah padat dengan jadual tersendiri seperti pelajaran dan kurikulum di sekolah begitu juga di rumah namun mendengar leteran, masalah urusan dewasa sehingga masalah mencari nafkah adalah tidak termasuk dalam jadual tersebut.

Anak-anak mempunyai perasaan yang perlu dijaga dan tanggungjawab yang perlu diselesaikan seperti ibu bapa juga yang mempunyai peranan dalam kehidupan ini khususnya mendidik dan memberikan yang terbaik untuk generasi anak-anak khususnya pendidikan agama, sokongan moral, bantuan material, bimbingan dan kasih sayang sehingga dapat melahirkan generasi “khayru ummah”.

#### **vii. Normalisasi Amalan Dakwah dalam kalangan Ahli Keluarga**

Dakwah kepada anak-anak perlu dijadikan amalan dalam keluarga sehingga menjadi norma dan berterusan. Amalan dakwah kepada anak-anak boleh dibahagikan dalam tiga peringkat antaranya ialah peringkat umur setahun hingga tujuh tahun iaitu ibu bapa perlu memberi kasih sayang dan perhatian sepenuhnya kepada anak-anak. Seterusnya, peringkat umur tujuh hingga empat belas tahun pula, ibu bapa perlu mendisiplinkan anak-anak mereka dengan memberi penjelasan dan keterangan yang sesuai dengan situasi setempat, seperti mengajak anak-anak menuaikan solat bersama-sama, berpuasa di bulan Ramadan, menunjukkan cara menghormati orang lebih tua, bersympati kepada orang ditimpa musibah dan sebagainya. Pada peringkat umur anak-anak menjangkau 14 hingga 21 tahun, ibu bapa disarankan supaya mendidik anak-anak secara rasional dan berhikmah. Pada waktu ini anak-anak perlu dijadikan sebagai teman dan mendidik mereka dengan lebih berlemah lembut serta berkasih sayang. Ibu bapa sewajarnya mengajar anak-anak untuk bersikap lebih bertanggungjawab, anak lelaki perlu didekati oleh bapa sebagai kawan, manakala anak-anak perempuan didekati oleh ibu kerana mereka lebih memahami naluri sebagai seorang wanita (Abdul Munir Ismail, Misnan Jemali & Mohd Noor Daud, 2016).

Sementara itu, Maznah dan Zakiah (2009) mengatakan bahawa anak-anak yang mencapai umur 21 tahun ke atas, ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak dengan kehidupan sebenar dan lebih matang yang bakal dilalui oleh mereka sebagai contohnya tanggungjawab dalam agama, keluarga, masyarakat dan bangsa. Ibu bapa perlu menanamkan fikrah dakwah dan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak supaya mereka boleh menempuh kehidupan mereka dengan penuh rasa kasih pada agama dan ummah.

## **Perbincangan Dan Kesimpulan**

Kegagalan ibu bapa mualaf menyediakan platform dakwah yang sesuai kepada anak-anaknya sedikit sebanyak akan menyumbangkan kepada sebarang bentuk gejala sosial, salah faham terhadap agama dan lebih malang lagi terpengaruh dengan ideologi songsang melalui kawan-kawan atau di medsos. Langkah-langkah pencegahan dan pemantauan terhadap keberkesanan kaedah dakwah yang diterima anak-anak mualaf daripada kedua ibu bapanya perlu updated sesuai dengan keadaan dan trend semasa. Justeru itu, kajian berkaitan keberkesanan dakwah kontemporari kepada anak-anak mualaf perlu diketengahkan. Oleh itu, artikel ini mencadangkan agar lebih banyak kajian yang dibuat untuk mengkaji mengenai dakwah kepada anak-anak mualaf sama ada dalam aspek kefahaman, pengetahuan, penghayatan agama dan sebagainya.

## **Rujukan**

- Al-Qahthani, Said Ali. (1994). Dakwah Islam Dakwah Bijak (Terj Masykur Hakim). Jakarta: Gema Insani Press.
- Maznah & Zakiah (2009). Persediaan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-Anak: Kajian Di Taman Batu Permai, Kuala Lumpur, Jurnal Ilmiah, Johor :Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Munir Ismail, Misnan Jemali & Mohd Noor Daud. (2016). [https://www.researchgate.net/publication/305475027\\_DAKWAH\\_IBU\\_BAPA \\_KEPADA\\_ANAK](https://www.researchgate.net/publication/305475027_DAKWAH_IBU_BAPA _KEPADA_ANAK), Tarikh akses 20/5 2023).
- al-Qardhawi ,Yusuf Abdullah. (1983). *Iman dan Kehidupan*. Jakarta: Publisher Bulan Bintang.
- Ismail A. M. & Jasmi, K. A. (2016). Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam. Skudai Johor:Penerbit UTM Press. ISBN: 978-983-52-1215-4..

## BAB 2

### CABARAN DAKWAH TERHADAP NON-MUSLIM MELALUI PERTUBUHAN JARINGAN MUALLAF MALAYSIA

*Mohd Hakim Arshad & Muhammad Rafiq Bin Rosli*

#### Pendahuluan

Kerja dakwah bukan satu perkara yang mudah, kerana ia melibatkan cabaran yang akan timbul dalam mengubah pegangan dan kefahaman hidup seseorang. Seperti yang disebut oleh al-Bahi al-Khawli “memindahkan manusia dari suatu persekitaran kepada suatu persekitaran yang lain”. Dalam usaha menjalankan misi dakwah ini, para pendakwah pasti akan menghadapi pelbagai sasaran dari pelbagai sisi bermula dari sudut pegangan, kepercayaan, tradisi, adat resam, taraf pemikiran, cara hidup, pendidikan dan sebagainya.

Selain itu, pendakwah juga akan berhadapan bukan setakat dengan perkara-perkara yang disebut di atas tetapi juga dalam bentuk halangan dan rintangan dari sekecil- kecil perkara sehingga boleh menyebabkan kepada pembunuhan. Oleh kerana itu, hal ini sangat menuntut agar para pendakwah dapat membuat persediaan yang mantap dari sudut keilmuan, fizikal juga kerohanian. Keilmuan yang dimaksudkan di sini adalah dari dua maksud yang berbeza iaitu pengetahuan yang baik terhadap Islam yang hendak disampaikan kepada mad'u, dan juga pengetahuan yang baik terhadap pegangan, kepercayaan dan apa- apa perkara yang berhubung dengan suasana sasaran atau persekitaran yang ingin diubah oleh pendakwah. Para pendakwah memerlukan pengetahuan yang kukuh tentang agama Islam agar mereka dapat menyampaikan dakwah Islam dengan jelas dan mudah kepada sasaran.

Menyelami dan memahami keadaan kehidupan mad'u dapat membantu pendakwah merangka suatu pendekatan yang sesuai untuk mereka. Oleh kerana misi yang dibawa oleh para pendakwah adalah berusaha sehabis mampu untuk membimbang mad'u nya ke jalan yang benar iaitu agama Islam bermula dari kepercayaan yang telah dipupuk dari zaman nenek moyang mereka, adat resam, budaya dan gaya hidup, dan lain-lain. Maka sudah pasti tugas sebegini akan berhadapan dengan dugaan, tentangan dan halangan serta pertembungan dalam berbagai bentuk cabaran dalam apa jua keadaan. Oleh itu, hal ini memerlukan pendakwah untuk memiliki daya ketahanan fizikal dan mental yang kuat untuk menghadapi mereka.

Secara asasnya, Islam memberikan kebebasan kepada setiap warga non-Muslim untuk menganut dan mengamalkan ajaran mereka tanpa sebarang paksaan untuk menukarannya kepada Islam. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang berikut:

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ فَمَن يَكْفُرُ بِالْأَطْعُونَتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدْ أَسْتَمْسَكَ  
بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا أُنْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِ ٢٥٦

256. Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barang siapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada bukul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (*Surah al-Baqarah* (2): 256)

Menurut Ibn Kathir (1997), tiada keperluan untuk memaksa golongan non-Muslim kepada Islam kerana agama ini telah disampaikan dalam keadaan yang terang dan jelas

sehingga tidak memerlukan kepada sebarang bentuk kekerasan terhadap seseorang untuk menganuti agama ini. Umat Islam hanya diperintahkan untuk menyeru mereka secara baik dan berhemah tanpa perlu kepada sebarang bentuk provokasi dan penghinaan. Mereka dibiarkan untuk bebas menentukan jalan keagamaan mereka sendiri dalam kehidupan.

### **Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pertubuhan Jaringan Muallaf Malaysia Dalam Berdakwah Terhadap Golongan Non-Muslim?**

Dakwah Islamiah merupakan suatu usaha untuk membentuk pemikiran dan sikap manusia supaya berada di dalam satu acuan yang ditentukan oleh Allah S.W.T. Untuk mencapai matlamat tersebut, banyak halangan yang terpaksa dihadapi oleh pendakwah yang dari pelbagai pihak. Namun keadaan tersebut tidaklah bererti bahawa ada kalanya dakwah tidak menghadapi apa-apa masalah. Jadi yang dimaksudkan dengan rintangan dakwah ialah masalah-masalah yang lahir disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu yang sepatutnya tidak ada. Hasil daripada temubual yang telah dilakukan, antara cabaran yang dihadapi Pertubuhan Jaringan Muallaf Malaysia dalam usaha berdakwah terhadap non-Muslim ialah:

#### *a. Sumber Kewangan Yang Tidak Mencukupi*

Antara cabaran utama dalam berdakwah terhadap non-Muslim adalah sumber kewangan yang tidak mencukupi. Dalam aktiviti setiap dakwah, ia memerlukan kewangan yang sangat mencukupi sebgaimana Rasulullah S.A.W sendiri dengan sahabatnya Abu Bakar dan lain-lain lagi yang sanggup mengorbankan harta benda demi menyebarkan agama Allah S.W.T. Oleh kerana sumber kewangan yang terhad, banyak aktiviti dakwah yang hendak dilakukan terbantut dan ada yang terpaksa ditangguhkan kerana masalah kewangan. Bantuan dari pihak kerajaan tidak mencukupi kerana sumber kewangan yang ada hanya cukup untuk membiayai beberapa program sahaja.

#### *b. Islamophobia*

Media massa tempatan dan di luar negara tidak henti-henti menyiarkan rencana, pemberitaan dan komen-komen yang memburukkan Islam. Mereka menggunakan istilah-istilah yang sengaja mengaitkan Islam dengan perbuatan jenayah, ganas, bermuslihat dan sebagainya untuk menutup mata terhadap perlakuan ganas regim penjajah, Israel dan negara kuasa besar yang sering melakukan keganasan terhadap negara-negara kecil di dunia. Oleh itu kesan daripada apa yang disiarkan dan pemahaman masyarakat dunia terhadap Islam, maka adalah sukar bagi pendakwah untuk menyebarkan Islam kerana masyarakat telah mempunyai pandangan terhadap Islam. Melalui adanya islamophobia ini, para pendakwah semakin sukar bagi mendekati masyarakat bukan islam kerana mereka lebih suka menjauhkan diri daripada masyarakat Islam. Hal ini kerana mereka terkesan dan terpengaruh dengan berita yang digemburkan oleh barat. Mereka beranggapan bahawa apa yang disampaikan adalah benar dan Islam merupakan agama yang menggunakan kekerasan dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Oleh itu, adalah penting bagi para pendakwah berusaha untuk mendekati golongan bukan islam bagi menyampaikan dakwah seterusnya menjelaskan kepada mereka keadaan yang sebenarnya. Hal ini kerana, pemahaman yang betul mengenai Islam harus disebarluaskan bagi menghilangkan keraguan tentang Islam dalam kalangan masyarakat bukan islam. Ini kerana segelintir masyarakat Islam tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya mengenai Islam.

## Kehidupan Masyarakat Islam

Islam merupakan agama yang mengajak kepada kebaikan. Islam telah meletakkan garis panduan yang lengkap kepada penganutnya merangkumi segala aspek seperti, ibadah, muamalah, jenayah, kehidupan sehari-hari dan sebagainya. Namun begitu, tidak setiap umat Islam mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Islam. Hal ini telah menyebabkan berlakunya masalah dan halangan dalam menyebarluaskan dakwah sekaligus menjadikan cabaran berdakwah semakin sukar. Kadang kala golongan bukan Islam merasa keliru dengan gaya hidup tidak Islamik sebilangan ahli komuniti Muslim khususnya orang Melayu-Islam.

Oleh itu, adalah penting bagi setiap masyarakat Islam untuk berusaha bagi memperbaiki diri serta menyelesaikan permasalahan dalam yang timbul bagi menunjukkan imej yang positif kepada masyarakat bukan Islam. Hal ini adalah penting bagi menarik masyarakat bukan Islam agar dekat kepada Islam sekaligus menjadikan mereka hamba yang beriman kepada Allah SWT. mengira bangsa dan agama.

## Kesimpulan

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pendakwah apabila berdakwah terhadap golongan non-Muslim merupakan liku-liku dalam proses penyampaian dakwah terhadap golongan sasaran. Walaubagaimanapun, para pendakwah tetap mengambil pelbagai inisiatif untuk menangani cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang timbul. Sungguhpun begitu, setiap perkara pasti ada cabaran-cabarannya yang tersendiri, ia pasti dapat diselesaikan jika pendakwah bersama-sama berganding bahu dalam menyampaikan dakwah kepada golongan non-Muslim dengan cara yang betul kerana dakwah kepada golongan non-Muslim ini sangat-sangat memerlukan komitmen daripada semua pihak baik daripada masyarakat, kerajaan mahupun swasta dan individu juga tidak ketinggalan. Dengan itu, penerimaan golongan non-Muslim terhadap dakwah yang dijalankan boleh meningkat dari masa ke masa berdasarkan pendekatan yang digunakan dalam dakwah kepada golongan non-Muslim. Ada segelintir yang menerima dakwah dengan hati yang terbuka, dan ada segelintir yang tidak. Sehubungan dengan itu, pentingnya untuk semua orang mempelajari cara-cara atau pendekatan dakwah agar dapat sama-sama berdakwah dengan cara yang tepat terutamanya dakwah kepada golongan non-Muslim.

## Rujukan

- Sohirin M. Solihin. (2008). *Islamic Da'wah: Theory and Practical*. Kuala Lumpur: IIUM Press International Islamic University Malaysia.
- Al-Bahī & Muhammad. (1973). *Al-Islām fi Hayāh al-Muslim*. Mesir: Maktabah Wahbah. Zulkiple
- Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don. 2009. Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Aziz Mohd Zin & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2006. Pendekatan Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. *Jurnal Usuluddin*, Bil 23-24 (2006): 163-184.
- Ab. Aziz Mohd Zin et al. 2008. Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 (2008): 109-119.
- Ahmad Redzuwan & Badlihisham. 2003. Persepsi Masyarakat India Terhadap Agama dan Komuniti Islam Taman Kajang Utama dan Taman West Country. *Jurnal Islamiyyat*. 24 (2003): 103-121.

- Mohd Azhar Abd Hamid et al. 2013. Perspektif Orang Cina Terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 60 (2013): 11-19.
- Mustafa Kamal & Jaffary Awang. 2012. Persepsi Wanita Buddha dan Wanita Muslim terhadap Dialog Agama: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal al-Hikmah* 4 (2012): 131-147.
- Syahrul Azman Shaharuddin & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. Tahap Kefahaman, Penerimaan dan Integrasi Golongan Mualaf Cina Terhadap Kebudayaan Masyarakat Melayu di Negeri Selangor. *Jurnal Al-Hikmah* 6 (2014): 66 – 77.
- Syed Abdurrahman Syed Hussin. (2005). “Pendekatan Targhib dan Tarhib dalam Penyampaian Dakwah”. *Jurnal Usuluddin*, 118.
- Khairul Azhar Meerangani et al. 2013. *Dakwah terhadap Bukan Muslim di Malaysia: Realiti dan Cabaran*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan 2013.
- Abd Hadi Bin Borham. 2016. Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof Dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam.
- Ab. Aziz Mohd Zin, A. R. (2006). Pendekatan Dakwah Masyarakat Orang Asli Di Negeri Pahang. *Jurnal Usuluddin*, 163-184.
- Abd Ghaffar Don (2000), Budaya Hedonisme: Corak dan Kesannya terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia, Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot (Ed.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd Hadi Bin Borham. 2016. Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof Dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah. Perspektif *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, Vol 9(3), 67 – 78.
- Abdul Ghafar Don dan Badlihisham Mohd Nasir. (2012). Cabaran Dakwah di Malaysia: Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal al-Hikmah* Vol. 4, 15-22.
- Ahmad Redzuwan & Badlihisham. 2003. Persepsi Masyarakat India Terhadap Agama dan Komuniti Islam Taman Kajang Utama dan Taman West Country. *Jurnal Islamiyyat*. 24 (2003): 103-121.

## **BAB 3**

### **DAKWAH NON-MUSLIM: ISU DAN CABARAN**

*Syarul Azman Bin Shaharuddin & Muhammad Yusuf Marlon Bin Abdullah*

#### **Pengenalan**

Dakwah non-Muslim merujuk kepada keupayaan menyampaikan dan menyebarluaskan ajaran agama Islam kepada golongan non-Muslim. Dalam konteks negara seperti Malaysia yang kaya dengan kepelbagaiannya etnik dan agama, dakwah kepada non-Muslim menjadi isu yang penting dan menarik perhatian. Meskipun banyak pendekatan yang telah diambil dalam usaha dakwah ini, terdapat isu-isu dan cabaran tertentu yang perlu diatasi untuk mencapai keberhasilan dalam menyampaikan pesan Islam kepada masyarakat non-Muslim.

Dalam pengenalan ini, kita akan menggali lebih dalam tentang isu-isu yang mungkin dihadapi dalam dakwah non-Muslim, termasuk masalah kewibawaan pendakwah, persepsi terhadap agama Islam, pemahaman rendah tentang Islam, dan isu-isu perundungan serta perbedaan budaya. Selain itu, juga akan dibahas cabaran dalam menciptakan pendekatan dakwah yang bersifat inklusif dan berkesan bagi golongan non-Muslim agar dapat memahami dan menerima ajaran Islam secara mendalam. Dengan memahami isu-isu dan cabaran ini, upaya dakwah non-Muslim dapat ditingkatkan untuk mencapai pemahaman yang sejagat dan memperkuat harmoni antara komuniti agama di dalam masyarakat yang berbilang agama.

#### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan isu dan cabaran dakwah terhadap *non-muslim* dalam usaha menyusun perancangan dan pendekatan berstrategi bagi membantu golongan pendakwah agar matlamat untuk menjinakkan hati non-Muslim terhadap agama Islam dapat dicapai.

#### **Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk kualitatif, menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui dokumen primer dan dokumen sekunder bagi mengkaji isu dan cabaran dakwah terhadap non-Muslim. Secara umumnya, bahan-bahan perpustakaan adalah rujukan asas yang digunakan dalam kajian ini.

#### **Isu Pemelukan Islam Dalam Kalangan Non-Muslim**

Isu pemelukan Islam dalam kalangan non-Muslim merupakan fenomena yang menarik perhatian dalam konteks masyarakat multi agama. Pemelukan Islam adalah proses di mana individu yang sebelumnya tidak beragama Islam memutuskan untuk memeluk dan mengamalkan ajaran Islam sebagai keyakinan agama mereka. Fenomena ini mencerminkan keragaman dan dinamika masyarakat di mana individu dapat merenungkan dan memilih agama yang sesuai dengan keyakinan dan kepercayaan pribadi mereka.

Kajian tentang pemelukan Islam dalam kalangan non-Muslim membawa pentingnya memahami motivasi dan faktor yang mendorong seseorang untuk mengambil keputusan begitu signifikan dalam kehidupan mereka. Dalam beberapa kes, pemelukan Islam dapat berlangsung dengan lancar dan diterima oleh keluarga dan masyarakat sekitar. Namun, dalam situasi lain, pemelukan Islam dapat dihadapkan pada cabaran dan ketegangan, terutama ketika keluarga atau masyarakat tidak sepenuhnya menerima atau memahami keputusan tersebut.

Justeru itu ini mengundang kita untuk lebih mendalami realiti kompleks pemelukan Islam di kalangan non-Muslim, serta mencari pemahaman tentang bagaimana masyarakat dapat berinteraksi dengan pengalaman ini secara positif dan inklusif. Antara isu-isu yang berkaitan iaitu;

### **Isu masuk Islam, ‘Masuk Melayu’**

Isu ini merupakan suatu isu yang utama di negara kita yang berbilang kaum sejak dahulu lagi. Menurut Che Ku Shalihah, 2004 (di dalam Syarul Azman & Razaleigh Muhamat, 2014), masyarakat bukan Islam melabel golongan mualaf dalam kalangan mereka sebagai mengkhianati asal-usul, keturunan, budaya, warisan dan agama nenek moyang mereka. Keluarga golongan mualaf yang bukan Islam berasa marah akibat daripada perbuatan mereka iaitu ‘masuk Melayu’ sama seperti meninggalkan kehidupan silam mereka. Zulkiple Abd. Ghani menyebut ianya merupakan satu kesilapan besar bagi masyarakat Cina khususnya yang menganggap agama Islam adalah milik orang Melayu. Memeluk Islam juga dilihat sebagai suatu perbuatan untuk memutuskan ikatan kekeluargaan. Sebahagian ahli keluarga menyingkirkan dan memulaukan ahli keluarganya yang masuk Islam dengan cara tidak mengaku anak kandung oleh ibu bapa, dihalau keluar rumah, memutuskan segala bantuan kewangan dan lain-lain (Syarul Azman et al, 2017). Menurut temu bual yang dilakukan oleh Syarul Azman et al (2017) dengan Hidayah Centre Foundation (HCF), didapati bahawa terdapat kes yang berlaku di Subang di mana ahli keluarga yang memeluk Islam dibunuhi. Di Malaysia, kaum Melayu dilihat sebagai sinonim dengan agama Islam sehingga apabila golongan mualaf memeluk agama Islam, secara tidak langsung, mereka perlu memahami dan menerima kebudayaan Melayu sedikit demi sedikit. Namun begitu, golongan bukan Islam perlu didedahkan dengan perbezaan antara budaya Melayu dan agama Islam bagi mengelakkan salah faham.

### **Isu Agama Islam Dilihat Sebagai Suatu Yang Membebankan**

Agama memberi kesan yang besar untuk mengarahkan manusia kepada perubahan. Islam mendidik umatnya menghadapi perubahan melalui pendidikan sepadu antara moral dan material serta fizikal dan rohani (Siti Rugayah, 1997). Bagi masyarakat bukan Islam, mereka menganggap bahawa memeluk agama Islam sebagai suatu perkara yang membebankan. Hal ini disebabkan oleh, wujudnya perbezaan adat resam, norma dan sistem nilai antara masyarakat bukan Islam dengan masyarakat Islam di negara ini. Contohnya, apabila orang Cina atau India memeluk Islam, mereka perlu mengubah tatacara kehidupan seperti yang dikehendaki Islam. Mereka terpaksa meninggalkan tabiat yang telah berakar sejak sekian lama seperti minum arak, berjudi, makan makanan tidak halal seperti khinzir dan sebagainya. Mereka juga dimestikan untuk menutup aurat, berkhatan dan berpuasa. Hal ini berbeza dengan agama Kristian, dimana Kristian tidak mencampuradukkan kepercayaan Kristian dengan kepercayaan lama Cina. Disebabkan

inilah, ianya menjadi daya tarikan yang utama bagi masyarakat Cina di negara ini untuk menganut agama Kristian daripada agama Islam (Mohd Azhar Abd. Hamid et al, 2013).

### **Isu Diskriminasi Di Tempat Kerja**

Isu diskriminasi terhadap umat Islam di negara ini bukan perkara baharu apatah lagi dalam sektor yang dikuasai oleh syarikat asing yang dimiliki oleh orang bukan Islam. Penindasan yang berlaku seperti rahsia terbuka dalam kalangan pemain industri tetapi dilaksanakan secara terang-terangan. Contohnya, seperti tindakan Persatuan Hotel Malaysia (MAH) yang mengumumkan sokongannya terhadap amalan industri melarang wanita Islam bertudung daripada bekerja di bahagian hadapan hotel (Utusan Online, 2017). Selain itu, jika dilihat dari sudut golongan yang memeluk Islam dimana selepas mereka memeluk Islam, mereka mendapat tekanan daripada majikan bukan Muslim sehingga dipecat ataupun berhenti sendiri kerana tidak mampu untuk menyerap tekanan-tekanan tersebut. Hasil temu bual dengan HCF menunjukkan bahawa sesetengah majikan beralasan dengan kenyataan "*I don't want to keep terrorist in my company*". Disebabkan isu ini, para mualaf banyak kehilangan sumber pendapatan. Kesannya apabila disebabkan isu seperti ini, sesetengah mualaf mengambil langkah untuk keluar daripada Islam (Syarul Azman et al, 2017).

### **Isu kefahaman rendah masyarakat *Non-Muslim* terhadap Islam**

Selain itu, kefahaman yang rendah oleh masyarakat *Non-Muslim* terhadap ajaran Islam menimbulkan salah faham. Di dalam Abdull Rahman et al (2009), Professor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim berpandangan ajaran Islam tidak banyak diberikan kepada orang bukan Islam. Ajaran Islam yang sampai kepada mereka hanyalah secara umum sahaja seperti tidak boleh minum arak, tidak boleh makan babi, sehingga perkataan babi pun takut untuk digunakan dan digantikan dengan perkataan khinzir. Apabila ini berlaku, maka orang bukan Islam akan memandang serong kepada agama Islam kerana mereka tidak memahami kenapa dan mengapa suatu perkara itu dilarang kerana tidak mendapat penjelasan yang terperinci.

Dalam Abdul Rahman et al (2009) juga menyatakan suatu kajian yang dijalankan oleh Osman Chuah Abdullah (2008) terhadap 100 responden yang terdiri daripada masyarakat Cina yang bukan Islam mengenai kefahaman mereka mengenai Islam. Daripada 100 orang responden, 82 daripadanya menafikan Islam adalah salah satu cara hidup, 88 responden tidak mengetahui rukun Islam dan 84 responden juga tidak mengetahui mengenai rukun iman. Melalui responden yang sama, 61 orang daripada mereka menafikan Muhammad sebagai pesuruh Allah SWT. Kira-kira 72 daripada mereka mendakwa Islam hanyalah suatu agama yang sama seperti agama-agama yang lain. 90 responden pula menyatakan tiada orang Islam yang datang kepada mereka untuk memberi penerangan tentang Islam dan 80 orang daripada mereka menyatakan Islam adalah agama yang ketinggalan zaman.

Selain itu, suatu kajian lain yang dijalankan oleh Aminudin Ruskam al-Dawamy (2002) di dalam Abdull Rahman (2009) berkenaan perspektif masyarakat Cina berpelajaran terhadap agama Islam di Malaysia mendapati bahawa responden bersetuju masuk Islam bermakna menjadi Melayu, masuk Islam memutuskan hubungan keluarga, amalan poligami tidak memberi keadilan kepada wanita, masyarakat bukan Islam diberikan maklumat yang kurang tepat mengenai ajaran Islam dan faktor orang Cina menganut Islam kerana tertarik dengan cara hidup orang Islam. Khairul Azhar (2013) juga

berpendapat bahawa kebanyakan golongan bukan Muslim sebenarnya masih keliru terhadap agama Islam dan bangsa Melayu. Doktrin Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu masih kuat bertapak dalam pemikiran sebahagian besar golongan bukan Islam di negara ini. Isu seperti menukar nama dan bin, amalan berpakaian, cara hidup dan terputus hubungan dengan keluarga asal masih menghantui mereka yang bukan Islam walaupun telah dijelaskan oleh sarjana Muslim di negara ini. Maka, segala prejudis terhadap masyarakat Melayu ini dikaitkan dengan agama Islam.

Tahap kefahaman *Non-Muslim* terhadap Islam di Malaysia yang masih rendah boleh dijelaskan berdasarkan tahap kefahaman mereka terhadap sistem dan gagasan yang berasaskan nilai Islam seperti proses Islamisasi dan pengenalan kepada gagasan Islam Hadhari oleh Tun Seri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2004. Berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh Abdull Rahman Mahmood (2009), menunjukkan bahawa secara umumnya masyarakat bukan Islam di negara ini masih belum boleh menerima dan memahami ajaran Islam secara jelas, buktinya adalah beberapa pandangan telah diberikan oleh tokoh agama seperti Setiausaha Majlis Uskup-uskup Katolik Malaysia, Brother Augustine Julian yang menyatakan kebimbangan tentang idea Islamisasi yang dilihat telah mengancam masyarakat *Non-Muslim* di negara ini dalam aspek kebebasan beragama dan merasakan perkara ini berasaskan politik. Abdul Rahman juga memperkuatkannya lagi tinjauan melalui petikan penulis buku *Bumi di Pijak* oleh Lee Ban Chen yang menyatakan golongan *Non-Muslim* di negara ini tidak menyenangi dengan idea penubuhan Malaysia sebagai negara Islam, Lee Ban Chen percaya idea ini adalah tidak praktikal jika diambil faktor-faktor jaminan Perlembagaan Persekutuan bahawa Malaysia adalah negara sekular.

### **Isu Proses Dakwah Dilihat Sebagai Mencabar Perlembagaan Persekutuan Malaysia**

Abdull Rahman et al (2009) menyebutkan bahawa perubahan yang berlaku di Malaysia pada waktu ini iaitu dengan proses dakwah Islam cukup merisaukan masyarakat bukan Islam. Hal ini diakui oleh Setiausaha Majlis Uskup-Uskup Katolik Malaysia, Brother Augustine Julian. Beliau mengatakan bahawa isu Islamisasi yang wujud ketika ini memang membimbangkan penganut bukan Islam. Proses penyebaran dakwah Islam ini menurut beliau mencabar fasal di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan beragama kepada rakyat Malaysia. Beliau juga melahirkan kerisauan terhadap masa depan cara hidup dan budaya masyarakat bukan Islam yang semakin terhakis akibat daripada proses ini. Penganut agama Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain berasa terancam dan bingung dengan masa depan agama serta budaya mereka.

Abdull Rahman et al (2009) juga menyebut berkenaan isu berkaitan negara Malaysia diletakkan sebagai negara Islam dilihat sebagai kurang disenangi oleh masyarakat bukan Islam di Malaysia. Menurut Lee Ban Chen iaitu penulis buku ‘*Bumi di Pijak*’, penubuhan negara Islam di negara ini tidak praktikal jika diambil kira faktor-faktor seperti jaminan Perlembagaan Persekutuan bahawa negara Malaysia merupakan negara sekular. Penulis juga menyebut bahawa masyarakat Malaysia terdiri daripada 40% masyarakat bukan Islam. Oleh hal yang demikian, bagi meletakkan negara Malaysia sebagai negara Islam adalah tidak wajar. Baginya, sebagai negara Islam, ia akan menimbulkan percanggahan dengan nilai-nilai sejagat zaman kini, seperti ideologi-ideologi kesamarataan kedudukan jantina, agama, bangsa, hak-hak asasi manusia dan prinsip kebebasan dan demokrasi. Selain itu, menurut Amaludin Abd Rahman et al (2011), masyarakat bukan Islam juga dilihat kurang senang dengan pendekatan ‘Islam

Hadhari' yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kelima semasa pemerintahannya. Penggunaan perkataan ‘Islam’ menimbulkan sedikit ketidakselesaan kepada mereka. Hal ini kerana, mereka menganggap dengan wujudnya perkataan ‘Islam’ menunjukkan proses Islamisasi sedang berlaku dan ditujukan kepada mereka.

### **Cabaran Pendakwah Dalam Mendekati Masyarakat *Non-Muslim* Di Malaysia**

Menurut Noor Amani (2011) pendakwah atau *da'i* merujuk kepada individu Muslim yang bertanggungjawab dalam menyampaikan mesej Islam secara menyeluruh kepada masyarakat umumnya. Dalam era globalisasi, aktiviti-aktiviti penyebaran dan penyampaian agama Islam kepada masyarakat tidak hanya terhad kepada golongan pendakwah yang diberi gelaran ‘ustaz’ dan ‘ustazah’ sahaja tetapi tugas dan aktiviti berdakwah ini juga melibatkan golongan yang datang dari pelbagai profesi seperti doktor, arkitek, peguam dan sebagainya. Oleh itu, setiap individu Muslim bertanggungjawab dalam menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat dan membentuk golongan sasaran ini agar seimbang dari segi intelektual dan spiritual. Dalam konteks dakwah di Malaysia, jika dilihat dengan perkembangan negara pada hari ini, kita sebenarnya masih mampu berbangga kerana berjaya menyatukan pelbagai bangsa dan agama untuk bersama-sama bernaung dalam satu negara. Namun, harus kita sedari bahawa suasana harmoni ini bersifat relatif di mana keadaan ini boleh berubah pada bila-bila masa sahaja mengikut peredaran masa dan keadaan masyarakat (Khairul Azhar, 2016). Meskipun Malaysia dianggap sebagai sebuah negara majmuk, namun segelintir sarjana seperti Khoo Kay Kim di dalam (Mohd Azhar et al, 2011) menyatakan Malaysia berada dalam keadaan ‘*worrying and fragile state*’, manakala Shamsul Amri (dlm Mohd Azhar et al, 2011) pula menyatakan ‘tegang tapi stabil’. Terdapat pelbagai fasa dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam mendekati golongan *Non-Muslim* di sini. Antaranya ialah;

#### **Masalah Kewibawaan Pendakwah Islam**

Menurut Burhanuddin Abdullah (dalam Abd Hadi, 2016), kewibawaan pendakwah amat penting dalam menarik *mad'u* yang terdiri daripada pelbagai bentuk mentaliti kecenderungan, status, ilmu pengetahuan dan penghayatan Islam. Pendakwah yang berjaya adalah yang mampu menangani keadaan, tabiat dan status dengan fikrah dan harakah. Sebaliknya, masalah kewibawaan pendakwah menyebabkan golongan *mad'u* lari daripada dakwah.

Pendakwah juga kurang penguasaan dalam ilmu-ilmu yang berkaitan dengan keperluan semasa dan tumpuan golongan *mad'u*. Yusuf al-Qadarawi menyebut berkenaan keperluan bagi pendakwah untuk mengetahui dan mempunyai maklumat yang baik berhubung dengan pengetahuan Islam keseluruhannya, pengetahuan berhubung dengan sejarah dan ketamadunan manusia, pengetahuan berhubung dengan kemanusiaan, pengetahuan asas berhubung dengan sains dan teknologi dan pengetahuan semasa dalam semua perkara.

Salah satu kajian oleh Ibrahim Che Noh iaitu ‘Program Dakwah Kepada Masyarakat Cina di Pulau Ketam’ (di dalam Zulkiple Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don, 2009) mendapati bahawa antara cabaran berdakwah ialah kurangnya kesungguhan oleh pendakwah itu sendiri atau daripada kalangan badan-badan dakwah. Hal ini terbukti dengan ketidaksungguhan tenaga pengajar yang dihantar untuk mengajar serta memberi penerangan kepada saudara baru. Pengajaran yang sepatutnya seminggu sekali telah

menjadi semakin berkurangan dan hampir tidak beroperasi. Oleh itu, berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa kewibawaan seorang pendakwah merupakan suatu perkara yang perlu diambil berat dalam menjalankan proses dakwah Islam kepada golongan *Non-Muslim*.

### **Masalah Pendakwah Dalam Kalangan Mualaf**

Zulkiple Abd. Ghani (2005) menyebutkan bahawa pendakwah dalam konteks dakwah kepada Non-Muslim sebaik-baiknya mestilah orang yang benar-benar memahami sosio-budaya dan tatacara kehidupan sasarannya. Sebagai contoh, Cina Muslim lebih memahami sosio budaya masyarakat Cina berbanding dengan orang lain. Namun begitu, Tan (2018), di dalam temu bualnya dengan Bro. Hanafi Vincent mengatakan bahawa kebanyakan mualaf tidak ada kesedaran untuk berdakwah kepada golongan *Non-Muslim*. Temu bual bersama Ustaz Aiman pula menyebut bahawa terdapat segelintir mualaf yang sepatutnya menyampaikan dakwah kepada golongan *Non-Muslim* merasakan bahawa mereka cukup sekadar memeluk agama Islam sahaja tanpa perlu menggalas tanggungjawab menyebarkan dakwah Islam dan mereka menyerahkan tugas berdakwah ini kepada pihak lain untuk menjalankannya. Ustaz Aiman juga menyatakan berkenaan alasan faktor masyarakat majmuk digunakan oleh sesetengah mualaf dengan mengatakan bahawa masyarakat sebelum ini sudah aman dan bersatu padu, akan tetapi apabila orang Islam berdakwah kepada masyarakat *Non-Muslim*, ianya seolah-seolah memisahkan dan memecah belahan suasana aman dan perpaduan itu.

### **Pendakwah Bersikap Cenderung Terhadap Kaumnya Sendiri**

Segelintir pendakwah atau organisasi-organisasi Islam bersikap cenderung terhadap kelompoknya sendiri. Hal ini dibuktikan menurut suatu kajian yang dilakukan terhadap barisan pimpinan dalam kalangan bukan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), hasil kajian menunjukkan wujudnya cara pendekatan atau cara pembawaan yang berbeza-beza dalam kalangan NGO Islam. Terdapat NGO Islam yang sangat mengalu-alukan hubungan baik dan beraktiviti bersama dengan golongan bukan Islam. Akan tetapi, wujud juga NGO-NGO Islam yang mengehadkan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti dakwahnya kepada golongan Islam sahaja. Oleh disebabkan itu, terdapat dua pendekatan dan pembawaan yang berbeza, ianya menghasilkan tanggapan yang berbeza dalam kalangan bukan Islam terhadap masyarakat Islam (Muhammad Haikal, 2016).

### **Penguasaan pendakwah Melayu terhadap kepelbagaian Bahasa**

Masalah penguasaan bahasa perlu juga dilihat dari sudut pendakwah ataupun masyarakat Melayu Islam khususnya. Hal ini kerana, walaupun bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi, namun pembelajaran bahasa tambahan seperti bahasa Mandarin dan bahasa Tamil oleh pendakwah dan masyarakat Melayu Islam perlu diusahakan bagi meluaskan lagi proses dakwah terhadap masyarakat *Non-Muslim* di Malaysia. Di dalam al-Quran juga disebutkan berkenaan dengan tanda kebesaran dan kekuasaan Allah ialah Dia menjadikan langit dan bumi, dan Dia juga menjadikan kepelbagaian bahasa serta warna kulit manusia. Hikmah Allah SWT. menjadikan manusia yang berbilang kaum dan bangsa agar kita saling kenal dan dapat hidup mesra serta aman damai di atas muka bumi ini. Antara contoh yang diberikan ialah berkenaan dengan penguasaan masyarakat

Malaysia terhadap bahasa asing seperti bahasa Jepun menyebabkan ilmu teknologi dari Jepun dapat dipindahkan ke negara kita (Ismail Ibrahim, 2005).

Menurut Ismail Ibrahim (2005), kita semua sebagai masyarakat Melayu haruslah juga menguasai bahasa kaum dan keturunan lain di dalam negara kita ini. Masyarakat Melayu perlulah mengambil peluang untuk menghadiri kursus-kursus bahasa Cina dan Tamil di sekolah-sekolah dan sebagainya. Beliau juga menyatakan bahawa alat komunikasi yang berkesan di dalam memberikan penjelasan kepada orang ramai iaitu dengan menggunakan bahasa ibundanya. Dalam menguasai bahasa asing, kita juga tidak seharusnya menganggap bahawa ia merupakan suatu ugutan kepada bahasa kita sendiri. Malah, jika kita lihat kembali akan sejarah Islam, umat Islam telah banyak memanfaatkan sumber-sumber bahasa Yunani bagi menbangunkan ilmu Islam dengan lebih global dan komprehensif.

Salah satu kajian oleh Ibrahim Che Noh iaitu ‘Program Dakwah Kepada Masyarakat Cina di Pulau Ketam’ (di dalam Zulkiple Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don, 2009) mendapatkan bahawa antara cabaran berdakwah ialah pendakwah tidak pandai berbahasa Cina. Kelemahan berbahasa Cina ini menyebabkan sesetengah maklumat tidak tercapai dan Islam tidak mampu disebarluaskan secara menyeluruh kerana sebahagian besar daripada kalangan *madu* tidak pandai berbahasa Melayu.

### Sikap Etnosentrisme (*Ethnocentrism*)

Salah satunya ialah apabila masyarakat Malaysia secara keseluruhannya kebanyakannya mengamalkan sikap etnosentrisme (*ethnocentrism*). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, etnosentrisme bermaksud pandangan atau sikap yang mempercayai bahawa golongan atau kebudayaan etnik sendiri lebih unggul daripada golongan atau kebudayaan etnik lain. Di dalam Abdul Rauf et al (2012) menyebutkan laporan surat khabar *The Star* yang menyatakan bahawa hanya 52% golongan remaja Malaysia mempunyai kenalan atau rakan yang berlainan etnik. Hal ini akhirnya akan menyebabkan sikap etnosentrisme semakin menjadi dalam kalangan etnik tertentu. Sikap ini akan membuatkan suatu golongan kurang menghargai serta tidak cuba untuk memahami akan budaya lain. Selain itu, kajian lain juga dinyatakan bahawa di internet, masyarakat Malaysia hanya suka berinteraksi sesama etnik atau bangsa sendiri daripada bangsa lain. Sikap etnosentrisme ini kemudiannya akan melemahkan motivasi seseorang untuk berinteraksi dengan kelompok etnik lain. Sehingga Chandra Muzaffar di dalam Abdul Rauf et al (2012) menyebut bahawa masyarakat Malaysia ini lebih tepat disebut sebagai masyarakat etnosentrisme daripada disebut sebagai rasis. Bahayanya sikap etnosentrisme ini akan memupuk kepada masalah perkauman (*communalism*) yang negatif sehingga berkelakuan cauvinis.

Salah satu contoh yang kita boleh lihat melalui sebuah kajian oleh Muhammad Haikal (2016) dengan pimpinan-pimpinan dalam kalangan bukan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil temu bual menunjukkan bahawa terdapat golongan *Non-Muslim* yang tidak tahu atau tidak cakna akan kewujudan NGO-NGO Islam. Hal ini kerana, kurangnya publisiti yang dilakukan oleh NGO Islam di Malaysia khususnya di kampus dan kurangnya aktiviti-aktiviti yang melibatkan percampuran mahasiswa yang berlainan agama yang dianjurkan oleh NGO Islam. Responden-responden juga menganggap bahawa NGO Islam sangat bersikap *exclusive* di mana mereka hanya menjalankan aktiviti-aktiviti sesama Muslim sahaja sehingga menyebabkan responden tersebut tiada peluang untuk mempunyai pengalaman bekerja bersama NGO-NGO Islam.

## Kesimpulan

Dakwah terhadap golongan non-Muslim merupakan tanggungjawab utama bagi setiap individu Muslim, sesuai dengan kemampuan dan pengetahuan mereka masing-masing. Isu dan cabaran yang dihadapi oleh para pendakwah dalam usaha dakwah sangatlah beragam, terutama dalam konteks era globalisasi dan realiti multicuture di Malaysia. Strategi dan mekanisme dakwah haruslah lebih ampuh dan fleksibel untuk menghadapi isu-isu dan cabaran-cabaran baru yang muncul di era globalisasi ini. Penguasaan dan pemahaman yang tepat tentang isu-isu dan cabaran-cabaran tersebut akan membantu para pendakwah merencanakan usaha dakwah mereka dengan lebih efektif dan sesuai dengan keadaan semasa. Dalam dunia dakwah, pendakwah akan menghadapi berbagai reaksi dan tantangan yang tidak selalu dapat dijangka sebelumnya. Namun, dengan usaha berterusan dan sistematik, dakwah dapat disampaikan dengan bijaksana tanpa adanya paksaan, sehingga dapat menjinakkan hati golongan non-Muslim dan membuka kesempatan bagi mereka untuk mendekati dan memahami ajaran Islam dengan lebih baik.

Dalam konteks Malaysia sebagai negara berbilang bangsa dan agama, dakwah haruslah dilaksanakan dengan penuh kesabaran, pengertian, dan rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya dan agama yang ada. Dengan demikian, pesan dakwah dapat disampaikan dengan lebih terbuka dan menghargai perbedaan yang ada dalam masyarakat. Penting bagi para pendakwah untuk terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang dakwah, serta beradaptasi dengan perubahan dan dinamika masyarakat agar dakwah dapat berjalan dengan lebih lancar dan memberikan dampak positif bagi golongan non-Muslim dan masyarakat secara keseluruhan.

## Rujukan

- Abd Hadi Borham et al. 2016. Metod Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Suku Kaum Masyarakat Murut di Pedalaman Sabah. *Al-Hikmah* 8(2) 2016: 60-80.
- Abdul Rauf et al. 2012. Social Media Contribution Towards Ethnocentrism. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*. 65 (2012): 517-522.
- Abdull Rahman et al. 2009. Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia. *Jurnal Hadhari*. Bil. 2 (2009): 33-51.
- Khairul Azhar Meerangani et al. 2013. *Dakwah terhadap Bukan Muslim di Malaysia: Realiti dan Cabaran*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan 2013.
- Mohd Azhar Abd Hamid et al. 2013. Perspektif Orang Cina Terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 60 (2013): 11-19.
- Noor Amani Mohamed Hussin et al. 2011. Kerangka Pembangunan Modal Insan Bagi Melahirkan Pendakwah Pada Abad Ke-21. Prosiding Seminar Media Dakwah. Fakulti Kepimpinan & Pengurusan USIM.
- Osman Chuah Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abd. Salam Muhamad Shukri 2008. *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*, Gombak: Int. Islamic Univ. Malaysia Press.
- Syarul Azman Shaharuddin & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. Tahap Kefahaman, Penerimaan dan Integrasi Golongan Mualaf Cina Terhadap

- Kebudayaan Masyarakat Melayu di Negeri Selangor. *Jurnal Al-Hikmah* 6 (2014): 66 – 77.
- Syarul Azman Sharuddin et al. 2017. Cabaran dan Permasalahan Mualaf dan Penyelesaiannya Oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Kertas kerja ini dibentang di ISRA 2017.
- Tan Nasrullah Zhong. 2018. Pendekatan Dakwah Pendakwah Mualaf Terhadap Golongan Bukan Islam. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Utusan Online. 2017. <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/boikot-terus-hotel-diskriminasi-islam-1.557007>. 12 Ogos 2018.
- Zulkiple Abd. Ghani & Mohd. Syukri Yeoh Abdullah.2005. *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zulkiple Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don.2009. Dakwah Kepada *Non-Muslim* di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **BAB 4**

# **PEMUJUKAN DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA KOMUNITI LESBIAN BERHIJRAH : SATU SOROTAN LITERATUR.**

Nur Us wah Ahmad Fauzi, Muhammad Syakir Sulaiman.

### **Pengenalan**

Komunikasi merupakan satu aspek penting dalam penyampaian mesej dakwah yang menjamin tahap profesionalisme seorang pendakwah. Perubahan positif sasaran dakwah dalam melaksanakan ajaran Islam sebenar dinilai melalui usaha pendakwah yang berterusan. Antara kemahiran komunikasi dakwah yang berkesan ialah penyampaian yang jelas, penuh keyakinan, memberi maklum balas dan penerangan yang meyakinkan bersesuaian dengan tahap pemikiran sasaran dakwah (Aini, 2014). Disiplin ilmu komunikasi telah dibincangkan oleh sarjana Barat seperti Lasswell, Everett Rogers, Wilbur Schramm dan David Berlo (Wok, Ismail & Hussain, 2003). Manakala, ilmu komunikasi dakwah juga mendapat perhatian sarjana Islam antaranya Tasmara (1997), Abd Ghani (2001) dan Ma'arif (2015). Perbincangan komunikasi dakwah dikaitkan dengan fungsi pendakwah sebagai sumber komunikasi yang menyampaikan tentang Islam, mesej-mesej Islam yang merupakan intipati dakwah, medium sebagai pendekatan, sasaran dakwah sebagai penerima dan matlamat akhir komunikasi yang berlangsung (Aini & Salahudin, S., 2016).

Dalam konteks berdakwah kepada komuniti lesbian di Malaysia, komuniti ini merupakan populasi yang berhadapan dengan stigma sosial disebabkan majoriti masyarakatnya mendominasi nilai-nilai kesopanan, tatasusila dan keagamaan yang kuat. Sama ada sedar atau tidak komuniti lesbian sering dipandang serong, tidak diraikan, dan dibiarkan tanpa sokongan dalam mengharungi cabaran hidup songsang. Lesbian adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan hubungan romantik, seksual dan emosi antara dua wanita atau homoseksual (Ahmad, M I; Adnan, Anuar, H., 2015; Brown, 1995; Irwin, 1987; Sophie, 1985; 1986). Kemunculan komuniti lesbian turut dikaitkan dengan persoalan jantina, etika dan psikologi terutamanya berkaitan dengan kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan, putus harapan dan bunuh diri akibat ketidakseimbangan kehidupan (Hagai, E. B. & Starr, C. R., 2023; Faulkner & Cranston 1998). Menurut Jamal, Amat & Subhi (2019) antara faktor kecenderungan membunuh diri dalam kalangan lesbian dan gay adalah faktor persekitaran sosial .

Hasil kajian Ahmad, M I; Adnan, Anuar, H., (2015) mendapati lemah dalam amalan keagamaan menjadi penyebab utama kepada penglibatan komuniti tersebut dalam dunia lesbian. Kenyataan ini membuktikan ada keperluan kepada peranan pendakwah terhadap sokongan selamat yang menepati sistem dan ajaran Islam yang benar bagi membantu proses penghijrahan mereka untuk kembali istiqamah kepada ajaran agama yang sebenar. Namun, komunikasi dengan komuniti ini memerlukan pendakwah mempunyai pengetahuan mendalam serta cakna tentang isu-isu lesbian yang melibatkan orientasi seksual, pembangunan identiti lesbian, penularan penyakit berjangkit daripada aktiviti homoseksual, pengetahuan kesihatan mental, latar belakang kehidupan dan masa lampau mereka (Jamal, Subhi & Amat, 2021). Selain itu, bantuan dan sokongan pendakwah sangat penting bagi mewujudkan sikap harmoni dan bertolak ansur kepada komuniti lesbian dan tidak bersikap negatif terhadap mereka. Kajian

Awang (2021) turut mendapati bahawa perkara ini turut diakui oleh golongan lesbian yang menyatakan sikap masyarakat yang prejudis terhadap mereka apabila mereka mengutarakan persoalan berkaitan agama di luar sana. Justeru, kajian dilihat mempunyai kepentingan kepada pihak-pihak yang berperanan dalam dakwah terutamanya terhadap komuniti homoseksual bagi mempertingkat kompetensi pendakwah.

### Konsep Komunikasi Dakwah

Al-Bayānūnī (1995) menyatakan pengertian dakwah ialah perbuatan mengajak, menyeru dan membimbing manusia agar memahami realiti kehidupan berlandaskan ajaran Islam. Manakala, pelaksanaan dakwah bertujuan membimbing *mad'ū* memahami Islam, melaksanakan segala ketetapannya, mengkhususkan segala bentuk ketaatan kepada Allah SWT, menyeru kepada kebaikan, menegah kemungkar dan berjihad pada jalan-Nya (al-Qaraḍawī 1979). Gabungan di antara istilah dakwah dan komunikasi mempunyai hubung kait yang rapat kerana agama Islam bersifat *missionary* dengan mementingkan penyebaran mesej dan ilmu melalui pelbagai medium, bermula daripada komunikasi antara individu sehingga komunikasi awam (Abd. Ghani, 2001).

Menurut Ahmad Ghalush (1978), dakwah yang dilakukan merupakan gabungan dua maksud iaitu ilmu tentang dakwah yang berbentuk teori dan praktikalnya melalui kegiatan dakwah di lapangan. Hal ini menunjukkan bahawa usaha dakwah memerlukan pertimbangan terhadap interaksi yang mampu mempengaruhi aspek kejiwaan, akal dan emosi sasaran. Aspek ini dapat dikenal pasti melalui pemerhatian terhadap tindak balas *mad'ū* untuk menerima mesej dakwah yang disampaikan dalam lapangan dakwah yang sebenar.

Selain itu, aspek penyampaian dakwah memerlukan pendekatan yang disebut dengan tiga istilah bahasa Arab iaitu *manhaj*, *uslūb* dan *wasīlah* (al-Bayānūnī, 1995). Ketiga-tiga istilah tersebut merangkumi perancangan, kaedah pelaksanaan dan penggunaan medium dakwah secara optimum sehingga mampu mencapai matlamat untuk mempengaruhi penerimaan dan penghayatan para *mad'ū* tentang mesej dakwah yang disampaikan. Oleh itu, Arifin (1977) menjelaskan perancangan dakwah sama ada secara lisan, tulisan atau tingkah laku perlu mempunyai matlamat untuk mempengaruhi perubahan, kesedaran dan sikap seseorang terhadap pengamalan ajaran Islam.

Berdasarkan Aini & Salahudin, S. (2016), istilah-istilah yang menggambarkan komunikasi dalam al-Quran iaitu *waṣṣala*, *al-bayān*, *qara'a*, *tablīgh*, *bashīr*, *qul* dan *sa'ala* menjelaskan bahawa komunikasi dakwah mementingkan prinsip dan penyampaian mesej yang dimulakan dengan *basmalah*, salam, niat yang baik, berlemah lembut, penggunaan perkataan yang baik, menyebut perkara yang baik berulang kali, bercakap benar, mesej yang disampaikan sesuai dengan pemikiran sasaran dan menepati janji. Elemen tersebut turut jelas menunjukkan fungsi utama pendakwah sebagai komunikator sepanjang komunikasi dakwah berlangsung. Ini sebagaimana pandangan Abd. Ghani, (2001) bahawa kualiti komunikasi Islam menekankan aspek, kebenaran, sederhana, kebaikan, kejuran, integriti, keadilan dan kesahihan mesej dan sumber.

Antara yang lain, Abd. Ghani, (2001) mengatakan hubungan komunikasi dakwah antara individu berlaku melalui pertukaran idea, nilai dan sikap. Penekanan dalam proses komunikasi dakwah ialah sumber mesti bersifat jujur, amanah dan bertanggungjawab. Manakala, sasaran pula terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan suku bangsa. Dalam hal ini, keberkesanannya komunikasi cenderung kepada kesejahteraan di dunia dan akhirat. Beliau juga mengatakan halangan dalam komunikasi individu

antaranya tiada paksaan dalam mengajak memeluk Islam, tidak terikut-ikut dalam berkongsi idea kerana setiap individu perlu berfikir dan berhujah seterusnya tidak mengikut hawa nafsu yang membawa kepada keburukan.

### **Pemujukan dalam Komunikasi**

Petty & Brinol (2008) mengatakan pemujukan ialah satu proses yang berlaku apabila seseorang berucap mempengaruhi nilai, kepercayaan dan sikap pendengar. Takrifan pemujukan sebagai fungsi komunikasi juga dikemukakan sarjana lain antaranya Hovland, Janis & Kelley (1953) yang berpandangan bahawa pengucapan berbentuk lisan kebiasaannya dilakukan dengan tujuan mengubah tingkah laku individu lain. Terdapat juga sarjana yang mengaitkan pengertian pemujukan dalam konteks ilmu psikologi seperti pandangan Smith (1982) yang mengatakan bahawa pemujukan digunakan sebagai simbol untuk mempengaruhi aspek dalaman dan kesedaran kognitif seseorang secara sukarela setelah menerima dengan baik mesej yang disampaikan.

Sehubungan itu, kefahaman tentang perubahan sikap dan tingkah laku individu memerlukan sumber mengenal pasti aspek psikologi. Aristotle (2014) menyatakan terdapat tiga ciri-ciri dalam komunikasi pemujukan iaitu personaliti pengucap (*ethos*), pujukan emosi pendengar (*pathos*) dan pujukan intelek atau rasional (*logos*). Setiap ciri-ciri tersebut terkandung di dalamnya elemen mesej yang menjadi tarikan pemujukan mengikut tafsiran individu tertentu. Petty & Brinol (2009) menyatakan sumber yang melakukan pemujukan menjadi faktor penting penerimaan individu lain terhadap mesej yang disalurkan. Antaranya, kredibiliti dan autoriti sumber yang terdapat dalam pemujukan seperti kepakaran, persefahaman, kejujuran, daya tarikan dan status dapat menyumbang keberkesanan pemujukan berbanding sumber yang tidak memiliki elemen tersebut.

Antara yang lain, Bettinghaus (1980) menjelaskan keberkesanan komunikasi pemujukan adalah bergantung kepada sejauhmana komitmen individu berpandu kepada perubahan tindakan sepertimana yang diinginkan. Perbezaan dari sudut latar belakang seperti umur, jantina, tahap pemikiran dan kerjaya merupakan faktor yang perlu diberi perhatian sebelum melakukan pemujukan. Kemudian, disokong dengan wujudnya persamaan di antara penyampai dengan pendengar, variasi mesej yang disampaikan, gaya penyusunan mesej yang teratur dan kepelbagaian medium yang digunakan secara tidak langsung dapat menyentuh perubahan sikap, emosi dan tingkah laku individu lain.

### **Konsep Pemujukan dalam Komunikasi Dakwah**

Istilah pemujukan dikaitkan dengan kekuatan dalam komponen komunikasi dakwah iaitu mempengaruhi dan meyakinkan *mad'ū* menggunakan pendekatan psikologi untuk meningkatkan kesedaran mereka supaya memahami dan melaksanakan ajaran Islam (Ma'arif, 2015). Sebagaimana perbincangan sebelum ini, dakwah disebut sebagai kegiatan komunikasi yang menyampaikan tentang ajaran Islam sama ada secara individu atau kelompok. Pendekatan pemujukan dalam dakwah menyentuh aspek psikologi yang dikaitkan dengan ilmu kejiwaan di antara pendakwah dengan *mad'ū* yang bersifat praktikal dan saling memberi pengaruh terhadap kecenderungan, perhatian, minat, perasaan dan keinginan untuk mengamalkan ajaran Islam tanpa ada unsur paksaan.

Menurut Ashaari & Ramlan (2012), pemujukan dalam dakwah melibatkan aspek hikmah atau kebijaksanaan seseorang pendakwah ketika bertindak mempengaruhi kesedaran *mad'ū*. Salah satunya, apabila penyampaian dakwah tersebut dipengaruhi

akal yang rasional dan akhlak budi berbanding emosi. Integrasi hikmah dengan komunikasi pemujukan membuka pilihan kepada seseorang untuk membuat penilaian berdasarkan ilmu dan kemahiran yang diketahui. Aspek ini perlu difahami kerana sekecil apa pun kemampuan berdakwah ia merupakan kesan daripada komunikasi dakwah yang berlangsung. Oleh itu, pendakwah mempunyai ruang dan peluang untuk memujuk *mad'ū* menggunakan pendekatan psikologi sehingga mesej yang disampaikan mendapat maklum balas yang positif daripada para *mad'ū*. Salah satunya, menurut Aini & Salahudin, S. (2016) ialah melalui kepercayaan, autoriti dan kredibiliti iaitu persepsi yang wujud tentang kelebihan yang ditampilkan sehingga pendakwah boleh diterima dan diikuti oleh *mad'ū*nya. Keadaan ini boleh diteliti melalui *manhaj* dakwah yang telah diamalkan Rasulullah SAW sama ada secara sembunyi (interpersonal) mahu pun terang terangan dan diterapkan dalam diri para sahabat ketika memikul tanggungjawab berdakwah di Mekah dan Madinah.

Mubarok (1999) turut mengaitkan pemujukan dakwah dengan penggunaan bahasa yang sesuai mengikut latar belakang atau situasi *mad'ū* sebagaimana yang disarankan di dalam al-Quran. Sebagai contoh, beliau menjelaskan perkataan yang mempunyai unsur pemujukan dakwah antaranya, i) *Qawlān layyinā* penggunaan kalimah *qawlān layyinā* bererti kata-kata yang lemah lembut. Komunikasi dengan menggunakan *qawlān layyinā* dapat mendorong kelembutan hati *mad'ū* di samping mempengaruhi pandangan, sikap dan tingkah laku orang yang diajak berkomunikasi. Manakala, (ii) *Qawlān balīghā* iaitu merupakan komunikasi menggunakan kata-kata yang menyentuh jiwa. Bahasa ini menurut Hamka (1987) ialah kata-kata yang sampai ke dalam lubuk hati dan sanubari *mad'ū* sebagai komunikasi yang fasih dan jelas pada maknanya. Mubarok (1999) mengatakan perkataan yang tajam, keras tetapi benar dapat membelenggu tingkah laku orang seseorang walaupun tingkah laku mereka sukar diubah. Seterusnya, (iii) *Qawlān maisurā*, Al-Marāghi (1971) menjelaskan *qawlān maisurā* ialah kata-kata indah yang menyenangkan, menyantuni, menggembirakan dan mudah difahami terutamanya kepada individu yang memerlukan pertolongan di samping mengendalikan tingkah laku mereka daripada terdorong melakukan kekufturan. Selain itu, (iv) *Qawlān karīmā* pula perkataan yang mulia digunakan kepada kelompok manusia yang telah lanjut usia sebagai tanda penghormatan (Mubarok, 1999). Ini disebabkan kemampuan psikologi fizikal yang semakin kurang menjadikan mereka mudah tersinggung terhadap kata-kata yang keras dan kasar. Akhir sekali (v) *Qawlān sadīdā* bermaksud kata-kata yang benar dan jujur berlandaskan ketakwaan ketika melaksanakan dakwah secara persuasif.

### Komuniti Lesbian di Malaysia

Isu lesbian yang juga termasuk di dalam akronim LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, Transeksual) sering diperkatakan dan diperdebatkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Yusof, Md. (2016) berpandangan bahawa prejedis terhadap komuniti LGBT disebabkan umumnya masyarakat Malaysia berpegang dengan nilai ketimuran yang menjaga agama, adat dan budaya setempat. Berbanding masyarakat Barat yang lebih terbuka menerima perlakuan LGBT. Berdasarkan kajian Shield (2012) komuniti ini cenderung menyembunyikan diri mereka menyebabkan kesukaran memperoleh statistik populasi, dan maklumat berkenaan mereka juga adalah terhad.

Terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk mengenal pasti golongan lesbian. Menurut Theophano (2004) sekitar abad ke-20 istilah lesbian merujuk kepada “butch”

dan “*femme*” sebagai penentuan identiti seksual dan perasaan dalam kalangan lesbian itu sendiri. Gelaran “*butch*” bermaksud wanita yang mempunyai perlakuan yang hampir sama dengan penampilan maskulin. Manakala, “*femme*” pula merujuk kepada ciri dan penampilan yang bersifat keperempuanan (Cooter, 2014; Eves, 2002). Kajian Jannah, N. (2019) turut mengenal pasti penggunaan istilah lain yang merujuk kepada lesbian antaranya “*lessy*”, “*less*”, “*penk*” dan “*trans men*”. Namun, beliau membuat kesimpulan bahawa lesbian merupakan wanita yang mempunyai keinginan dan perilaku seksual terhadap sesama jantina.

Berdasarkan kenyataan Juaini et.al, (2017) penyelidikan berkaitan lesbian dalam konteks Malaysia sangat sukar didapati kerana ketiadaan data yang tepat dan menyeluruh sebagai panduan. Hasil kajian beliau menunjukkan walaupun tiada statistik yang membuktikan peningkatan populasi lesbian di Malaysia namun gelombang kewujudan mereka semakin hari semakin terserlah di media-media sosial. Menyedari orientasi seksual mereka tidak diterima orang sekeliling golongan ini dilihat beralih kepada media sosial sebagai platform mereka sebagai medium untuk berkomunikasi sesama komuniti mereka. Sepertimana yang dinyatakan oleh Yusof, Md., et.al (2014) komuniti ini hanya dapat dikenalpasti melalui aplikasi media sosial contohnya *facebook*, *Youtube*, *Blog* dan badan-badan NGO yang sejajar dengan perjuangan LGBT.

Secara ringkasnya, jadual 1.1 menunjukkan peningkatan jumlah penyertaan sebagai ahli dan penglibatan komuniti ini dalam media sosial terutamanya menerusi laman *web*.

Jenis Aplikasi	Nama	Pengunjung/Pengikut (Bilangan Ahli)		
		Disember 2015	Mac 2016	Julai 2016
Laman web	OneLoveNet.com	1,700	4.0%	1,800 0.8% 3,900 1.6%
	Lesbian Dating Malaysia	40,861	96.0%	49,922 23.5% 57,202 23.8%
	Malaysia Lesbian Personals	-	-	161,000 75.7% 179,000 74.6%
	<b>JUMLAH</b>	<b>42,561</b> <b>100%</b>	<b>212,722</b> <b>100%</b>	<b>240,102</b> <b>100%</b>
Page Facebook	Lesbian Malaysia	12,977	33.8%	Ditutup
	Malaysia Lesbian	8,506	22.1%	13,470 47.3% 14,107 29.2%
	Malaysia Lesbian Club	7,207	18.7%	7,350 25.8%
	Persatuan Lesbian Malaysia Kebangsaan	9,676	25.2%	Ditutup
	Persatuan Lesbian Malaysia Kebangsaan 2	-	-	2,276 8.0% 2,318 4.8%
	Lesbian Malaysia	88	0.2%	1,491 5.2% Ditutup
	Lesbian Satu Malaysia	-	-	84 0.3% 226 0.5%
	Malaysian Lesbian Love	-	-	1,057 3.7% Ditutup
	Lesbian Club Malaysia	-	-	1,095 3.8% 11,722 2.4%
	Whatsapp Lesbian Malaysia	-	-	1,470 5.2% 17,117 3.6%
	Lesbian Malaysia	-	-	189 0.7% 255 0.5%
	Malaysian Indian	-	-	- 2,052 4.2%
	Malaysia Queer Girl	-	-	- 1,094 2.3%
	PLU Malaysia	-	-	- 1,401 2.9%
	Lesbian SG Confessions	-	-	- 15,771 32.7%
	Seksualiti Merdeka	-	-	- 555 1.1%
	<b>JUMLAH</b>	<b>38,454</b> <b>100%</b>	<b>28,482</b> <b>100%</b>	<b>48,297</b> <b>100%</b>
Komuniti Facebook	Lesbian Malaysia	634	14.0%	634 10.4% Ditutup
	Lesbian Malaysia	2,972	65.5%	3,225 53.1% 5,500 65.7%
	Lesbian Malaysia Official	759	16.8%	1,366 22.6% 1,600 19.1%
	Lesbian Malaysia	16	0.4%	16 0.3% 103 1.2%
	Malaysia Lesbian Club	68	1.5%	75 1.2% 77 0.9%
	Persatuan Lelaki Lesbian & Perempuan Gay	82	1.8%	82 1.4% 81 1.0%
	Pengkid & Lesbian Malaysia	-	-	670 11.0% 963 11.5%
	Club Lesbian Malaysia	-	-	- 50 0.6%
	<b>JUMLAH</b>	<b>4,531</b> <b>100%</b>	<b>6,068</b> <b>100%</b>	<b>8,374</b> <b>100%</b>
Twitter	Lesbian Malaysia @lesbianmalaysia	187	43.2%	194 2.3% 199 2.2%
	@sexyhornylebo	246	56.8%	258 3.1% 277 3.1%
	A Real Bad Lesbian @MalaysiaSalene	-	-	41 0.5% 43 0.5%
	Zati Lesbian @ZatiLesbian	-	-	2,685 32.3% 2,869 32.0%
	lesbian terengganu @LesbianTgAnu	-	-	30 0.4% 29 0.3%
	nana eonni @nana_lesbian	-	-	5,107 61.4% 5,540 61.9%
	<b>JUMLAH</b>	<b>433</b> <b>100%</b>	<b>8,315</b> <b>100%</b>	<b>8,957</b> <b>100%</b>

### 1.1 Statistik Kewujukan Aplikasi Media Sosial Berkenaan Lesbian di Malaysia dari 2015 sehingga Julai 2016 (Juaini, 2017)

Berdasarkan jumlah statistik di atas pengikut dan pengunjung pada Disember 2015 sehingga Julai 2016 dalam laman web berkaitan lesbian meningkat daripada 42,561 kepada 240,102 orang. Manakala, kategori *page facebook* mempunyai 38,454 orang pengikut dan pengunjung berkaitan lesbian meningkat sehingga 56,671 orang. Secara tidak langsung, kenyataan ini dapat membuktikan bahawa individu lesbian mula menonjolkan diri mereka melalui media sosial dan peningkatan jumlah komuniti ini dilihat berlaku secara perlahan-lahan tanpa disedari masyarakat sekeliling.

Seterusnya, kajian sedia ada di Malaysia bertajuk faktor dan cara gaya hidup serta kemungkinan kembali pulih dalam kalangan lesbian:satu kajian kes oleh Ahmad et al. (2015) mendapati majoriti responden menyatakan bahawa kelemahan mereka dalam pengamalan agama seperti meninggalkan solat dan ibadah lain menjadi faktor utama penglibatan dalam aktiviti seksual sejenis. Dapatkan menunjukkan tidak dinafikan majoriti responden juga mempunyai keinginan untuk kembali pulih tetapi belum ada usaha untuk perubahan dilakukan. Sebahagian mereka kesal di hujung usia, tetapi tidak kembali ke pangkal jalan. Oleh yang demikian, perlunya pendekatan dakwah sebagai sokongan bagi menyelesaikan permasalahan seksual sejenis dan masalah yang melibatkan spiritual (Jamal & Sulaiman, 2018). Pendekatan dakwah yang terbaik juga bertujuan mengawal penularan dan

Jenis Aplikasi	Nama	Pengunjung/Pengikut (Bilangan Ahli)			Disember 2015	Mac 2016	Julai 2016			
Laman web	OneLoveNet.com	1,700	4.0%	1,800	0.8%	3,900	1.6%			
	Lesbian Dating Malaysia	40,861	96.0%	49,922	23.5%	57,202	23.8%			
	Malaysia Lesbian Personals	-	-	161,000	75.7%	179,000	74.6%			
	<b>JUMLAH</b>	<b>42,561</b>	<b>100%</b>	<b>212,722</b>	<b>100%</b>	<b>240,102</b>	<b>100%</b>			
<i>Page Facebook</i>	Lesbian Malaysia	12,977	33.8%	Ditutup		Ditutup				
	Malaysia Lesbian	8,506	22.1%	13,470	47.3%	14,107	29.2%			
	Malaysia Lesbian Club	7,207	18.7%	7,350	25.8%	7,629	15.8%			
	Persatuan Lesbian Malaysia Kebangsaan	9,676	25.2%	Ditutup		Ditutup				
	Persatuan Lesbian Malaysia Kebangsaan 2	-	-	2,276	8.0%	2,318	4.8%			
	Lesbian Malaysia	88	0.2%	1,491	5.2%	Ditutup				
	Lesbian Satu Malaysia	-	-	84	0.3%	226	0.5%			
	Malaysian Lesbian Love	-	-	1,057	3.7%	Ditutup				
	Lesbian Club Malaysia	-	-	1,095	3.8%	1,172	2.4%			
	Whatsapp Lesbian Malaysia	-	-	1,470	5.2%	1,717	3.6%			
	Lesbian Malaysia	-	-	189	0.7%	255	0.5%			
	Malaysian Indian	-	-	-	-	2,052	4.2%			
	Malaysia Queer Girl	-	-	-	-	1,094	2.3%			
	PLU Malaysia	-	-	-	-	1,401	2.9%			
	Lesbian SG Confessions	-	-	-	-	15,771	32.7%			
	Seksualiti Merdeka	-	-	-	-	555	1.1%			
	<b>JUMLAH</b>	<b>38,454</b>	<b>100%</b>	<b>28,482</b>	<b>100%</b>	<b>48,297</b>	<b>100%</b>			
Komuniti Facebook	Lesbian Malaysia	634	14.0%	634	10.4%	Ditutup				
	Lesbian Malaysia	2,972	65.5%	3,225	53.1%	5,500	65.7%			
	Lesbian Malaysia Official	759	16.8%	1,366	22.6%	1,600	19.1%			
	Lesbian Malaysia	16	0.4%	16	0.3%	103	1.2%			
	Malaysia Lesbian Club	68	1.5%	75	1.2%	77	0.9%			
	Persatuan Lelaki Lesbian & Perempuan Gay	82	1.8%	82	1.4%	81	1.0%			
	Pengkid & Lesbian Malaysia	-	-	670	11.0%	963	11.5%			
	Club Lesbian Malaysia	-	-	-	-	50	0.6%			
	<b>JUMLAH</b>	<b>4,531</b>	<b>100%</b>	<b>6,068</b>	<b>100%</b>	<b>8,374</b>	<b>100%</b>			
	<b>Twitter</b>									
	Lesbian Malaysia @lesbianmalaysia	187	43.2%	194	2.3%	199	2.2%			
	lesbianmalaysia @sexyhornylesbo	246	56.8%	258	3.1%	277	3.1%			
	A Real Bad Lesbian @MalaysiaSalene	-	-	41	0.5%	43	0.5%			
	Zati Lesbian @ZatiLesbian	-	-	2,685	32.3%	2,869	32.0%			
	lesbian terengganu @LesbianTganu	-	-	30	0.4%	29	0.3%			
	nana eonni @nana_lesbian	-	-	5,107	61.4%	5,540	61.9%			
	<b>JUMLAH</b>	<b>433</b>	<b>100%</b>	<b>8,315</b>	<b>100%</b>	<b>8,957</b>	<b>100%</b>			

percambahan jaringan LGBT kerana mengancam akidah dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Setiap pendakwah perlu cakna tentang maklumat mengenai perkembangan LGBT, menguasai dan memahami pendekatan dakwah yang sesuai agar mesej dakwah yang disampaikan benar-benar diterima oleh komuniti ini (Mohd Haridi et.al, 2021).

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen dengan metode kualitatif melibatkan bidang berkaitan kefahaman tentang sesuatu fenomena secara mendalam melalui penerokaan terhadap konteks yang ingin dikaji. Justeru, pengumpulan data kepustakaan yang relevan diperolehi daripada huraian sistematik kajian literatur dan melalui penelitian kajian-kajian berkaitan tajuk dan objektif kajian ini. Kajian ini menganalisis data-data dan fakta-fakta yang diperolehi daripada pelbagai sumber seperti disertasi, tesis, jurnal, artikel, keratan akhbar, internet dan buku-buku, *journal article repository*, dan jurnal-jurnal lain.

### **Pendekatan Komunikasi Pemujukan Dalam Dakwah Kepada Komuniti Lesbian Berhijrah**

Seseorang pendakwah yang ingin melakukan pemujukan sebaiknya mempunyai pendekatan tertentu terutama aspek personaliti, bijak memilih mesej dakwah yang ingin disampaikan serta menepati keadaan psikologi dan penerimaan sasaran dakwah (Aini et.al, 2019). Hasil sorotan literatur mendapat terdapat tiga pendekatan pemujukan yang boleh digunakan oleh pendakwah ketika berkomunikasi kepada komuniti lesbian berhijrah dalam proses dakwah, iaitu dua perkara melibatkan pendakwah sebagai penyampai dan satu melibatkan komuniti lesbian berhijrah sebagai penerima mesej dakwah. Pendakwah sebagai penyampai dilihat dari aspek autoriti dan kredibiliti pendakwah, manakala pendekatan dari sudut lesbian berhijrah ialah berkaitan aplikasi perubahan yang berlaku dalam diri mereka.

#### **a. Autoriti Pendakwah**

Dalam konteks komunikasi pemujukan, Perloff (2003) menyatakan autoriti melibatkan seseorang yang mempunyai kedudukan dalam struktur sosial untuk menawarkan khidmat atau hukuman. Ini disebabkan komunikasi individu atau organisasi yang memiliki status dan reputasi dalam masyarakat turut mempengaruhi kepercayaan audiens. Autoriti juga merupakan bidang kuasa sah dimiliki oleh organisasi atau individu yang mempunyai status dan berhak memberi pandangan, hujah dan idea berdasarkan dalil al-Quran dan al-Sunnah untuk melaksanakan suatu tindakan dan melahirkan kepercayaan mereka yang didakwahnya dalam sesebuah komuniti (Tomeh, 2010).

Ia merupakan kepercayaan, mandat, tauziah atau pengiktirafan yang diberikan sebagai satu profesion dakwah. Di Malaysia, menurut Mohd Haridi et.al (2021) pihak kerajaan yang berfungsi memainkan peranan dalam pengurusan dan pentadbiran sebuah negara sangat penting dalam usaha menangani normalisasi LGBT yang sedang berleluasa. Usaha dakwah kepada komuniti ini telah dijalankan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam seperti JAKIM , MAIS dan penyertaan dan sokongan daripada pertubuhan NGO Islam seperti Usrah Fitrah, Insan Permata Disayangi, Islah Movement, My Hijrah My Adventure, Muhibah Wafiq, Pintas, Hijrah Republique dan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain Khas Komuniti Ipoh. Penglibatan agensi-agensi ini dalam melantik pendakwah yang berkemahiran sangat penting bagi tujuan mengurangkan jurang stigma dan memperbaiki persepsi komuniti lesbian yang cuba untuk berhijrah mereka memerlukan sokongan, kepercayaan dan bimbingan yang mantap daripada pendakwah (Mokhtar et.al, 2021).

Menurut pandangan Sham, Md. (2018), pemulihan bagi LGBT tidak boleh dilakukan secara sembarangan tanpa perancangan kerana tidak semua golongan agama mampu mengendalikannya dan ciri yang paling penting dalam pendekatan ini adalah kemampuan untuk menerima individu LGBT sebagai sasaran dakwah. Justeru, pendakwah yang mendapat kepercayaan dalam kalangan sasaran dakwah perlu mempunyai autoriti dan mengetahui sistem sosial komuniti tersebut sepertimana mereka juga perlu mendapatkan kepercayaan daripada pihak berautoriti dalam sistem tersebut. Lantikan para pendakwah oleh pihak yang berautoriti menunjukkan bahawa pendakwah dinilai sebagai individu yang bertanggungjawab menyokong dan membimbangi komuniti lesbian berhijrah.

#### *a. Kredibiliti Pendakwah*

Istilah kredibiliti bermaksud sifat yang terkandung dalam diri seseorang sumber yang boleh diyakini dan dipercayai oleh pendengar (Gass & Seiter, 2011). Menurut Hovland, Janis & Kelly (1953); Brinol & Petty (2009), sumber komunikasi yang berkredibiliti lebih mudah memujuk dan mempengaruhi perubahan tingkah laku individu lain. Dalam maksud yang lain, kredibiliti merupakan aspek kebolehpercayaan sebagai kualiti dalam diri seseorang sehingga mampu mempengaruhi tanggapan dan persepsi orang lain terhadapnya. Kebanyakan sarjana membincangkan faktor kredibiliti dengan mengaitkan pelbagai dimensi seperti ilmu pengetahuan, kecekapan, kejujuran, kepakaran, kebijaksanaan, imej dan empati (Berlo, Lemert & Mertz 1970; Applbaum & Anatol 1974; Aylor 1999). Faktor ini melambangkan elemen kredibiliti sumber menjadi aspek penting dalam proses komunikasi pemujukan.

Dalam konteks dakwah, menurut Aini et. al (2019), kredibiliti seorang pendakwah merangkumi ilmu pengetahuan, matlamat yang jelas, amalan kerohanian yang berterusan dan akhlak terpuji. Berkaitan ilmu pengetahuan, selain menguasai ilmu agama seperti tauhid, fekah dan akhlak, pendakwah yang berkomunikasi bersama komuniti berhijrah berkeperluan mengambil cakna tentang ilmu dan kemahiran berkaitan psikologi dan kaunseling khususnya berkaitan dengan komuniti lesbian (Jamal, Amat & Subhi, 2019). Sebagai contoh, isu-isu berkaitan latar belakang, fitrah, naluri, identiti seksual, kecelaruan gender dan gaya hidup golongan ini yang berlandaskan agama Islam. Pekara ini termasuklah ilmu berkaitan intervensi pemulihan melalui psikospiritual Islam (Abdullah et. al, 2018). Gagasan ilmu psikologi spiritual Islam atau psikospiritual Islam merupakan satu metode rawatan penyakit kejiwaan atau rohani dicetuskan melalui disiplin ilmu tasawuf daripada sunnah Rasulullah saw, para sahabat dan ahli sufi (Sa’ari & Borhan, 2006). Menurut pandangan Abdullah et. al (2018) pendekatan psikospiritual Islam dilihat sangat bersesuaian untuk diterapkan dalam proses berkomunikasi ketika membimbangi golongan LGBT untuk kembali kepada fitrah. Topik-topik berkaitan hukum alam, fitrah kejadian melalui konsep tadabbur dan penghayatan kisah-kisah dan ayat-ayat al-Quran secara lebih santai dapat menyuntik sifat ikhlas yang maksimum untuk istiqomah dalam hijrah yang ingin dilakukan oleh komuniti lesbian berhijrah.

Kajian Awang (2021) mendapati pendekatan kerahsiaan, penerapan ukhuwwah kekeluargaan antara pendakwah dan komuniti hijrah, membimbangi tanpa menghukum dan memahami psikologi komuniti lesbian berhijrah menjadi kredibiliti seseorang pendakwah ketika komunikasi atau bimbingan dijalankan bersama komuniti lesbian berhijrah. Hal ini dilihat lebih berkesan kerana komuniti ini sangat sensitif dan tidak terbuka seperti orang lain. Teknik komunikasi dakwah secara rahsia, berhemah dan nasihat yang baik telah diaplikasikan dalam kalangan sahabat terdekat ketika permulaan fasa dakwah Rasulullah SAW di Mekah, iaitu di rumah al-Arqam ibn Abi

al-Arqam (Al-Sibaie, t.t). Kejayaan teknik rahsia ini telah membawa hasil yang memuaskan kerana hampir 40 orang musyrikin Mekah telah memeluk Islam ketika itu. Menurut Kamaruddin (2015), proses komunikasi pemujukan menuntut kesabaran dan tahap fleksibiliti penyampai ketika membuat rundingan dengan orang yang ingin dipujuk. Justeru, penonjolan tingkah laku pendakwah yang mulia mampu membuat sasaran menerima maklum balas dengan hatinya yang terbuka dan dapat mengelakkan sasaran daripada bersifat defensif.

### c. *Aplikasi Perubahan Melalui Rangsangan Kognitif, Emosi Dan Tingkah Laku*

Berdasarkan kenyataan Greenwald (1968) aplikasi perubahan dalam pemujukan berfungsi untuk menunjukkan sejauhmana individu dapat dipengaruhi kesan daripada komunikasi yang berlaku. Menurut beliau antara kesan komunikasi pemujukan ialah sasaran dapat menerima hujah daripada sumber dan mesej sehingga berjaya menghasilkan tindakan yang kekal dan berterusan seperti yang diinginkan. Para sarjana psikologi juga membincangkan mengenai perubahan sikap seseorang diteliti melalui tiga komponen iaitu kognitif, emosi dan tingkah laku (Kruger, 2016). Perubahan salah satu daripada komponen tersebut akan memberi kesan perubahan terhadap komponen yang lain. Sehubungan itu, penyampaian mesej dalam komunikasi pemujukan tidak mampu membawa perubahan sikap dan tingkah laku sekiranya sasaran tidak mengetahui dan memahami makna maklumat yang disampaikan oleh sumber.

Dalam konteks aplikasi perubahan kognitif kepada komuniti lesbian berhijrah, aspek rasionaliti dihubungkan dengan penggunaan akal melalui ilmu pengetahuan ketika melakukan penghijrahan diri. Ia juga dikaitkan dengan meningkatkan potensi diri dan menjaga kepentingan kehidupan di dunia dan akhirat sehingga mampu memahami ketauhidan dan mencapai ketakwaan kepada Allah SWT (Kawangit, 2014). Merangsang pemikiran mereka dengan menggunakan hujah yang logik dalam skop baik dan buruk setiap perkara dan hukum yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Menurut Abdullah et. al (2018), penjelasan tentang fitrah kejadian akal bukan sahaja mempunyai kemampuan berfikir secara rasional bahkan akal mempunyai sisi rohani yang mengawal kekuatan untuk berfikir secara rasional sehingga mencapai ke tahap yang lebih tinggi. Usaha terhadap komuniti berhijrah ini adalah melalui penekanan tentang topik peraturan dan fitrah yang Allah SWT ciptakan bukan hanya untuk manusia tetapi juga kepada makhluk yang lain seperti binatang dan tumbuh-tumbuhan. Pelanggaran fitrah ini tidak pernah berlaku dalam konteks binatang dan tumbuh-tumbuhan atau makhluk yang lain, namun sejarah manusia telah mencatatkan sejarah perilaku songsang yang bertentangan dengan fitrah di luar tabi'i ini sebagaimana yang berlaku pada zaman Nabi Lut AS sehingga Allah SWT mendatangkan bala yang sangat dahsyat disebabkan kejahatan dan perbuatan keji termasuk perhubungan sesama jenis. Oleh itu, melalui proses mentadabbur, merasai, mendekati dan menghayati kisah-kisah dalam al-Quran dengan tidak ditujukan secara langsung kepada diri komuniti hijrah akan memberi kesan kepada mereka untuk terus berfikir secara rasional.

Perubahan dari aspek merangsang emosi pula melibatkan situasi ketika penyampaian mesej dakwah dilakukan mampu menyentuh perasaan-perasaan dalam diri manusia seperti sabar, gembira, takut, sedih, jijik dan sebagainya (Mohd Zin, 2001). *Mad'ū* seharusnya berasa gembira dengan kehadiran pendakwah apabila bersama mereka tanpa berasa terpaksa untuk melaksanakan sesuatu tindakan ketika diminta. Perbuatan yang melibatkan sentuhan keinsanan, mencari persamaan dan memberi penghargaan akan membuatkan pendakwah dihormati dan disayangi (Aini, 2014). Sebaliknya, perbuatan yang menyinggung perasaan dan penggunaan bahasa yang kesat akan menyebabkan *mad'ū* menjauhkan diri dengan pendakwah. Hamjah (2016) mengatakan

kecenderungan masyarakat hari ini menggunakan bahasa yang bersifat kasar dan tidak bersopan santun secara tidak langsung boleh menyinggung perasaan dan emosi orang lain. Justeru, kawalan emosi amat penting ketika berkomunikasi malah Islam menegah umatnya daripada berkata kesat seperti menghina, mencaci, mengherdik dan mencela orang lain.

Begitu juga pendakwah yang berkomunikasi bersama komuniti lesbian berhijrah. Berdasarkan kajian Awang (2021) pendekatan berbentuk usrah yang dijalankan oleh pihak Yayasan Ihtimam kepada komuniti hijrah adalah secara berhikmah iaitu dengan tidak menghukum, berdebat dengan cara yang baik dan sangat memahami serta menjaga emosi komuniti berhijrah ini. Ini kerana, sasaran golongan yang menyimpang mempunyai emosi yang lebih sensitif (Sayirah, 2018). Memupuk ukhwah seperti sebuah keluarga juga memberi kesan dan sokongan positif kepada emosi mereka untuk berhijrah. Menurut Ahmad et.al (2015), keluarga bermasalah dan mempunyai hubungan yang renggang dengan ahli keluarga merupakan antara penyebab utama golongan ini terjebak dalam dunia lesbian. Selain itu, aplikasi emosi untuk bersabar dalam menjalani proses mujahadah, berharap akan keampunan Allah SWT dan takut untuk kembali berbuat dosa turut membantu meningkatkan semangat dan istiqomah untuk berubah.

Perubahan dari aspek merangsang tingkah laku melibatkan sokongan kepada sasaran dakwah untuk melakukan perubahan diri khususnya untuk mula mengamalkan ibadah-ibadah dan kewajipan sebagai seorang muslim sejati yang selaras dengan fitrah asal manusia (Othman, 2014). Abdullah et. al (2018) mendapati aspek perubahan tingkah laku seperti mula memperbaiki solat, melakukan solat sunat, berzikir, mentadabbur al-Quran, berdoa, menghadiri kelas fardhu ain, melakukan kerja-kerja kebajikan dan menyantuni keluarga merupakan perubahan tingkah laku yang positif oleh komuniti berhijrah ini. Selain itu, mengelakkan perilaku negatif yang menghalang proses perubahan seperti berhenti melayari laman web pornografi dan LGBT yang boleh mendorong kepada zina serta mengelakkan diri dari terus bergaul dengan komuniti yang masih mengamalkan kehidupan lesbian.

## Kesimpulan

Meskipun agama Islam milarang segala bentuk paksaan memeluk agama, namun ketika seseorang dengan sedar dan benar-benar mempunyai kefahaman tentang kesan daripada syahadah yang dilafazkan maka individu tersebut terikat dengan seluruh sistem dan peraturan dalam Islam (Abdullah et. al 2018). Komunikasi pemujukan yang digunakan dalam dakwah perlu kepada usaha dan kesungguhan pendakwah untuk menyaksikan perubahan positif daripada para *mad'ū*. Usaha-usaha sebegini sangat dituntut berbanding dengan mengenepikan dan tidak mempedulikan mereka dengan harapan mereka boleh berubah untuk kembali ke kehidupan yang direhdai Allah SWT dan diterima dalam masyarakat Malaysia yang berpegang kepada ajaran agama dan tatasusila masyarakat.

## Rujukan

- Abd. Ghani, Z., (2001). Komunikasi Islam Sebagai Komunikasi Alternatif. *Islamiyat* (22):79-89.
- Abdul Lajis, S. (2018). Ust Ebit Lew dekati kumpulan LGBT. Sinar Harian. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/ustaz-ebit-lew-dekati-kumpulan-lgbt-1.869020> [25 Ogos 2019].
- Abdullah, Z., Sa'ari, C. Z., Chang, L. W., (2018). Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali kepada Fitrah dari Perspektif Psikospiritual Islam:

- Transgenderism in Malaysia. *Jurnal Afkar; Jurnal Akidah & Amp; Pemikiran Islam*, 20 (2), 279-322. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.9>.
- Ahmad, M. I., Adnan, H. A., Abd Satar, J., Wan Sulaiman, W. S., Wan Azreena, J. (2015). Faktor dan Cara Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih Dalam Kalangan Lesbian : Satu Kajian Kes. *e-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities* 10(1) : 1-15
- Aini, Z., & S. Salahudin Suyorno. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM.
- Aini, Z. (2014). Hubungan Antara Pendakwah dengan *Mad'ū* dalam Komunikasi Insan. <https://www.researchgate.net>. 1-15.
- Aini, Z., Don, A. G., Mokhtar, A. I., & Ahmad Fauzi, N. U. (2019). Strategi komunikasi pemujukan pendakwah dalam penyampaian mesej Islam kepada masyarakat Orang Asli di Selangor: Persuasive strategies used by Muslim preachers in delivering Islamic messages to the Orang Asli community in Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 12–26. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i1.43>
- Al-Bayānūnī, M. A. A. (1995). *al-Madkhāl ilā ‘Ilmi al-Da’wah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al- Marāghi, A. M. (1971). *Tafsir al- Marāghi*. Beirut : Dārul Fikr.
- Al-Qarādāwī, Y. (1979). *al-Thaqāfah al-Dīniyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Applbaum, R. L. & Anatol, K. W. E. (1974). *Strategies for Persuasive Communication*.
- Arifin, H. M. (1977). *Psikologi Da’wah: Suatu Pengantar Studi*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Aristole. (2014). *Rhetoric*. Roberts, W. R. South Australia: ebooks@Adelaide.
- Ashaari, M. F., & Ramlan, R., (2012). Aplikasi hikmah dalam Komunikasi Persuasif. Dlm. Muhamad Faisal Ashaari & Rosmawati Mohamad Rasit (pnyt.). *Dakwah Menerusi Teknologi Maklumat*, hlm. 54-70. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM.
- Al-Sibaie, M. (t.t). *Sirah Nabawiyyah : Pengajaran & Pedoman*. Konsis Media Publishing.
- Awang. N. N., (2021). Pendekatan Usrah Dalam Dakwah Kepada Golongan Lesbian Di Yayasan Ihtimam Malaysia. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aylor, B. (1999). Source Credibility and Presidential Candidates in 1996: The Changing Nature of Character and Emphaty Evaluations. *Communication Research Reports* 3(16): 296: 304.
- Berlo, D. K., Lemert, J. B. & Mertz, R. J. (1970). Dimensions for Evaluating the Acceptability of Message Sources. *Public Opinion Quarterly* 33(4): 563-576.
- Bettinghaus, E. P. (1980). *Persuasive Communication*. United State: Library of Congress.
- Cooter, J. F. (2014). *Butch, femme, or neither? What owning these identities means*. Unpublished Master Dissertation. Johnson City : East Tennessee State University.
- Hagai, E. B. & Starr, C. R. (2023) International perspectives on lesbian psychology, *Journal of Lesbian Studies*, 27:1, 1-6, DOI: 10.1080/10894160.2023.2156059
- Eves, A. J. (2002). *Contemporary lesbian genders : A queer/sociological approach. unpublished doctoral dissertation*. England : University of Leeds.
- Faulkner, A. H. & Cranston, K. (1998). Correlates of Same-Sex Sexual Behaviour in a Random Sample of Massachusetts High School Students. *American Journal of Public Health*, 88, 262-266.

- Gass, R. H. & Seiter, J. S. (2011). *Persuasion, Social Influence and Compliance Gaining*. United States: Pearson Education, Inc.
- Ghalush, A. (1978). *al-Dawah al-Islamiyyah: Usuluhā wa Wasāiluhā*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣr.
- Greenwald, A. G. (1968). *Psychological Foundations of Attitudes*. New York: Academic Press INC.
- Hamjah, S. H., (2016). *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamka. (1987). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hovland, C. I., Janis, I. L. & Kelley, H. H. (1953). *Communication and Persuasion*.
- Irwin, J. A. (2009). *Stress and support among southern lesbians : An application of the stress process model* (Unpublished doctoral dissertation). Birmingham : University of Alabama.
- Jamal, N. H., Amat, S. & Subh, N. (2019). Keperluan Latihan & Progaram dalam Pengendalian Kaunseling Klien Gay dan Lesbian. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*. 164-184.
- Jamal, S. H. & Subhi, N. (2021). The Gay and Lesbian Counseling Process: An Alternative Religious Approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6), 982–992. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i6/10228>
- Jamal. S. H., Farhana Sulaiman. N. N. (2018). Pendekatan Islam Sebagai Satu Alternatif Untuk Membantu Kaunselor Dalam Pengendalian Kaunseling Terhadap Gay Dan Lesbian Di Malaysia In Rahimah Embong, Hanif Md Lateh @ Junid, Mustafa Che Omar, Mohamad Zaidin Mohamad & Abdul Hakim Abdullah, *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*. (pp. 985-992). <http://www.unisza.edu.my/medc2018>
- Kamaruddin, A. (2015). *Komunikasi dan Seni Pemujukan*. Sintok: Penerbit UUM Press.
- Kawangit, M. K. (2014). Dakwah kepada Muallaf Orang Asli: Tanggungjawab dan Peranan PERKIM Pahang. <https://www.researchgate.net>. 1-14.
- Kruger, F. (2016). Attitude change through understanding (cognition) of the influence of the persuasive language of liturgy. *Theological Studies* 72(2):1-11.
- Ma'arif, B. S. (2015). *Psikologi Komunikasi Dakwah: Suatu Pengantar*. Bandung: Penerbit Simbiosa Rekata Media.
- Md Yusof, M. I. (2016). Perspektif Komuniti Lesbian, Gay Dan Transgender Muslim Di Malaysia Terhadap Perlakuan Homoseksual Dan Konsep Perkahwinan Di Dalam Al-Qur'an. Tesis Ijazah Sarjana Doktor Falsafah. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Yusof, M. I., Abdul Kadir, M. N., Ibrahim, M. & Tengku Puji, T. I. Z. (2014). *Malaysian Muslim Gay and Lesbian Community's Perspective on the Concept of Domestic Partnership and Marriage in the Quran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md. Sham, F. (2018). Pendakwah Khusus Tangani LGBT. UKM. Berita Harian. [https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/04/411066/pendakwah-khusus-tangani-lgbt \[12 April\]](https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/04/411066/pendakwah-khusus-tangani-lgbt [12 April]).
- Mohd Haridi, N. H., Ismail, A. M., Subhi. N., Hussin, H. (2021). Komponen Dalam Model Pemulihan Holistik Terhadap Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (Lgbt) Di Malaysia. *Jurnal Al-Ummah* 3: 165-188.
- Mohd Juaini. N. J. & Abd. Halim, M. S., (2017). Inclination Of Teenagers to Become Involved In Lesbianism In Kuala Lumpur. *International Journal of Academic*

- Research in Business and Social Sciences*, Vol. 7, No. 12. 1087-1094. ISSN: 2222-6990. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i12/3739>
- Mohd Zin, A. B. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mokhtar, A. A., Marlon Abdullah, Y. M., Arshad, M. H. & Nordin, N. A. (2021). Bahagian Pemulihan Al-Riqab: Peranan Dan Cabarannya Dalam Menyantuni Komuniti Lgbt. *Jurnal Pengajian Islam.*, Vol. 14, Special Edition, 218-230.
- Mubarok, A. (1999). *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Othman, M. S., (2014), *Psikospiritual Islam*. Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Petty, R. E. & Brinol, P. (2008). Psychological Processes Underlying Persuasion A Social Psychological Approach. *SAGE Journals* 55(1): 52-67.
- Sa'ari. C. Z. & Borhan, J. T. (2006), Psikospiritual dan Metodologi Pengaplikasiannya dalam Kehidupan, dalam *Koleksi Kertas Kerja Isu Semasa: Menghurai Permasalahan Islam Semasa* Putrajaya: JAKIM
- Shield, J. P., Cohen, R., Glassman, J. R., Whitaker, K., Franks, H. & Bertolini, I. (2012). Estimating population size and demographic characteristics of lesbian, gay, bisexual, and transgender youth in middle school. *Journal of Adolescent Health*, 52(2), 248-250. doi: 10.1016/j.jadohealth.2012.06.016.
- Smith, M. J. (1982). *Persuasion and Human Action*. Belmont: Wadsworth.
- Tasmara, T. (1997). *Komunikasi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- Theophano, T. (2004). Butch-femme. *Encyclopedia copyright*. Dicapai daripada [http://www.glbtarchive.com/ssh/butch\\_femme\\_ssh\\_S.pdf](http://www.glbtarchive.com/ssh/butch_femme_ssh_S.pdf). well-being of lesbian and bisexual women in western australia. Western
- Wok, S., Ismail, N. & Hussain, M. Y. (2003). *Teori-Teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. (2015). Faktor dan cara hidup serta kemungkinan kembali pulih dalam kalangan lesbian : Satu kajian kes. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10 (1), 1-15. ISSN: 1823-884x.

## **BAB 5**

### **TRANSGENDER: SATU PENGENALAN**

*Mohd Safarudin Bin Rahim, Mustafa Kamal Bin Amat Misra & Muhammad Yusuf  
Marlon Bin Abdullah*

#### **Pengenalan**

Perkataan *gender* membawa maksud perbezaan antara lelaki dan perempuan yang telah diciptakan oleh tuhan (Puspitawati, 2013) yang di perkenalkan oleh para ilmuan sosial. Mengenalpasti *gender* ini amat penting agar tidak mengalami perbezaan kecelaruan identiti diri. Menurut kamus dewan Edisi keempat (2005) *gender* atau dikenalpasti jantina membawa maksud golongan jenis kata dalam tatabahasa sesuatu Bahasa seperti maskulin, feminine dan neuter.

#### **Latar Belakang Kajian**

Laporan tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2018 bertajuk *Global AIDS Response Progress Report Malaysia 2016 In Ending AIDS by 2030* menyenaraikan empat golongan yang direkodkan sebagai golongan berpotensi tinggi terkesan dengan epidemic AIDS dan HIV di mana kadar jangkitan empat golongan tersebut iaitu:

1. Penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan (PWID)
2. Pelacur Wanita atau Female sex worker (FSW)
3. Pengamal homoseksual (men sex men atau MSM)
4. Mak nyah atau transgender (TG)

Dalam konteks statistik peratusan pengamal homoseksual men sex men (MSM) yang terkesan dengan epidemic HIV dilihat daripada empat tahun iaitu 2009, 2012, 2014 dan 2017. Msm sebanyak 3.9% pada tahun 2009, 7.1% pada tahun 2012, 8.9% pada tahun 2014 dan 21.6% pada tahun 2017. Manakala TG pula sebanyak 9.3% pada tahun 2009, 4.8% pada tahun 2012, 5.6% pada tahun 2014 dan 10.8% pada tahun 2017.

Dalam konteks kajian men sex men (MSM), kumpulan yang dituju sebagai subjek adalah komuniti gay (hijrah) dan komuniti biseksual (hijrah). Gay adalah lelaki yang mempunyai kecenderungan sex hanya dengan lelaki, manakala biseksual adalah lelaki yang mempunyai kecenderungan sex terhadap lelaki dan juga Wanita. Manakala, transgender pula adalah lelaki menyerupai Wanita atau juga diistilahkan sebagai komuniti mak nyah.

Mengikut fatwa Negeri Selangor yang diwartakan pada tahun 7 Jun 2012, golongan LGBT termasuk dalam kategori asnaf Riqab dan golongan ini perlu dibantu untuk dipulihkan dengan menggunakan wang zakat asnaf Riqab sebagai hak mereka. Justeru, pihak MAIS melalui Sektor Pembangunan Sosial, Bahagian Pemulihan Riqab melaksanakan tanggungjawab terhadap golongan LGBT berkenaan berdasarkan visi utama iaitu Membangunkan asnaf al-riqab kea rah mendapatkan keredaan Allah. Tujuannya bukan sekadar memberikan perlindungan atau pemulihan, tetapi juga menyampaikan dakwah dan ilmu Islam kepada golongan berkenaan.

Terdapat empat fasa program yang dilaksanakan MAIS dan salah satunya adalah Pengukuhan Agama dan Rawatan Spiritual Islam iaitu Aktiviti yang dilakukan menitikberatkan penghayatan dalam pelaksanaan amalan Islam, Rukun Islam dan Rukum Iman.

Rafidah Hanim (2022) menjelaskan bahawa isu HIV perlu ditangani dengan jelas dan tegas sebelum melarat sehingga merosakkan generasi akan selamat daripada jangkitan penyakit seperti HIV dan amalan songsang sehingga akhirnya kerajaan akan berhadapan dengan dana dan kos yang besar sepertimana yang dihadapi oleh negara-negara maju. Dalam konteks Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), kepekaan MAIS dalam menangani pemasalahan komuniti LGBTQ bersifat menyeluruh seperti dari sudut penyediaan peruntukan dana kewangan dan juga aktiviti serta silibus pengajaran dan bimbingan. Ini dilihat daripada kelolaan MAIS terhadap 12 kategori Rumah Pemulihan Riqab. Salah satu kategorinya adalah rumah kategori LGBT dengan tiga (3) rumah pemulihan iaitu Pertubuhan Insan Permata Di Sayangi (PINTAS), Pertubuhan Usrah Fitrah Klang dan Rumah Pemulihan Akhlak Insani (<https://eriqab.mais.gov.my/rumah.,> 2022).

### **Transgender Pada Sudut Pandang Barat Dan Islam**

Perkataan transgender memberi pelbagai maksud. Sebahagian definisi yang diberikan mengatakan bahawa transgender merupakan sesuatu identiti yang menggambarkan perwatakan yang sebenar. Bagi sesebahagian definisi yang lain pula, transgender membawa maksud perwatakan yang samar-samar. Selain itu, transgender juga ditakrifkan dengan lebih meluas sehingga *cross-dressers* juga termasuk dalam golongan ini (Siti Amirah Akilah Abd Rahima, 2020).

Antara definisi transgender yang lain, mereka merupakan komuniti atau individu yang mempunyai masalah isu jantina mereka sendiri. Ini seperti yang dinyatakan oleh Brown dan Rousley (1996). Ia juga disebut sebagai individu yang akan melalui pelanggaran jantina dan cenderung kepada wanita sempurna (Boswell, 1997). Justeru, berdasarkan definisi-definisi di atas, pandangan barat memahami, golongan transgender adalah komuniti yang mempunyai kesamaran perwatakan identiti.

Dalam konteks Islam, pengkaji memilih definisi transgender seperti yang diberikan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (2016) adalah seseorang lelaki yang berpenampilan seperti wanita pada umumnya. Ia seperti penampilan dari sudut pakaian mahupun penampilan dari sudut perlakuan. Bahkan, penampilan pada perlakuan boleh berlaku pada bentuk badan.

Menurut Imam Nawawi, jantina manusia boleh dibahagikan kepada empat kumpulan, pertama lelaki dan perempuan, kedua khunsa, ketiga mukhannas dan keempat mukhannis. Khunsa bermaksud seseorang yang mempunyai dua alat kelamin secara semulajadi iaitu sejak dilahirkan. Mereka ini mempunyai kecelaruan identiti.

Khunsa dari sudut istilah para *fujahah* ialah: Seseorang yang mempunyai dua kemaluan iaitu kemaluan lelaki dan juga kemaluan perempuan. Ataupun seseorang yang tidak memiliki kedua-duanya dan dia mempunyai lubang yang keluar daripadanya air kencing. Rujuk *Hasyiah Ibn Abidin* (5/464), *Nihayah al-Muhtaj* (6/31).

Manakala golongan *mukhannas* ialah golongan lelaki yang berkeinginan menjadi wanita. Keinginan mereka ini diluahkan dengan penampilan pemakaian wanita. Malahan segelintir daripada mereka mengambil tindakan perubatan dan pembedahan untuk menukar alat sulit wanita dan pembesaran payu dara. Golongan ini dianggap bersalah dan berdosa. Bagi golongan *mukhannis* pula, mereka adalah golongan lelaki yang beperwatakan lembut secara semulajadi. Mereka juga mempunyai sifat kewanitaan namun tidak berhasrat untuk melakukan sebarang pembedahan jantina. Menurut Imam Nawawi, golongan ini tidak salah dan tidak perlu malu dengannya, selagi mana mereka tidak melakukan perbuatan haram, atau mengeksplorasinya untuk wang (pelacuran dan lain-lain) (Selangor, 2016).

Justeru boleh disimpulkan bahawa transgender adalah lelaki yang telah berpenampilan seperti wanita dari sudut tubuh badan dan juga perwatakan. Manakala lelaki yang berpenampilan seperti wanita pada pemakaian dan perwatakan disebut dengan istilah pondan dan mak nyah. Namun lelaki yang berpewatakan lembut secara semulajadi tanpa terlibat dengan budaya negatif seperti pembedahan alat kelamin lelaki, pembesaran payu dara, berpemakaian serta berperwatakan wanita adalah tidak menjadi fokus dalam kajian ini.

### Transgender Dalam Penilaian Sejarah

Secara khusus, kajian mengenai transgender boleh difokuskan dengan penamaan pertubuhan *Trangender Nation* yang ditubuhkan pada tahun 2000. Pertubuhan ini aktif di barat dengan mendapat sokongan daripada ahli-ahlinya di samping di promosikan menerusi ikon-ikon dalam dunia hiburan dan perubatan (Marziana, 2014).

Lebih awal daripada iaitu sekitar tahun 1970, gerakan feminis di barat dengan slogan ‘persona politik’ telah memperjuangkan golongan transgender. Antara bukti perjuangan mereka sehingga diperkenalkan jurnal akademik peer-reviewed berkaitan transgender pada tahun 1990. Gerakan ini terus mempromosikan Gay dan Lesbian sehingga tahun 1995.

Kini, pertubuhan yang menjadi ‘payung’ kepada komuniti transgender seperti International Lesbian, Gay, Bisexual, Trans and Intersex Association (ILGA) dan di peringkat Asia dengan nama ILGA ASIA.

Lazimnya kumpulan ini menggunakan medan hak asasi manusia (HAM) sebagai landasan perundungan untuk bersuara. Melalui HAM ini juga pertubuhan seumpama ‘memaksa’ Majlis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengiktiraf hasrat dan kehendak mereka. Situasi yang sama juga berlaku di Malaysia. (Marziana, 2014) menyatakan kumpulan Seksualiti Merdeka telah mengadakan satu acara tahunan mengenai hak seksualiti dan jantina di Kuala Lumpur. Mereka bukan sahaja perjuangkan hak asasi manusia, malah sanggup memanipulasikan perlembagaan Malaysia berdasarkan pandangan mereka sendiri.

Justeru, dalam konteks di Malaysia, boleh difahami bahawa kumpulan Seksualiti Merdeka dilihat sebagai organisasi yang giat mempromosikan agenda transgender.

Sejarah transgender di Malaysia pada awalnya diambil daripada sejarah LGBT iaitu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender. Pada tahun 1980 pada peringkat awal golongan ini bermula dengan wujudnya mak nyah dan fatwah di dalam persidangan Raja-raja kali ke-126 telah menyebut kelas LGBT sebagai perlakuan haram untuk diamalkan sebagai gaya hidup. daripada fatwah yang ditetapkan, golongan transgender secara individu yang ingin membuat permohonan menukar jantina pada dokumen asal pengenalan diri telah dihalang oleh fatwah (Marziana, 2014).

Selain itu, komuniti ini juga telah melakukan kontroversi di media sosial seperti Facebook, Instagram, twitter dan sebagainya dengan meletakkan slogan bendera berwarna warni (pelangi) sebagai simbol gambar profil komuniti mereka dan menyokong pernikahan antara sejenis serta merayakan momentum kemenangan komuniti sesama jenis di Amerika Syarikat pada tahun 2015 (Amirah A. Aziz, 2017).

Sejarah Transgender melalui pengaruh barat membuktikan kelahiran komuniti Transgender di Malaysia. Mana-mana penulis berkaitan sejarah tiada spesifik yang ditetapkan kelahiran transgender di Malaysia.

Zaman Nabi Luth A.S juga telah membuktikan telah terjadi sejarah peristiwa hubungan sejenis antara lelaki dengan lelaki. Ketika itu kaum Nabi Luth telah mengancam Nabi Luth untuk membenci beliau keran mengajak agar beriman kepada Allah. Allah telah berfirman (Kami juga telah mengutus) Luth (kepada kaumnya). (Ingartlah) tatkala dia

berkata kepada mereka: “Mengapa kamu mengerjakan perbuatan fahisyah itu, yang belum pernah dilakukan oleh sesiapa pun (di dunia ini) sebelummu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melampiaskan nafsumu (kepada mereka), bukan kepada wanita, malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas. Jawab kaumnya tidak lain hanya mengatakan: “Usir lah mereka (Luth dan para pengikutnya) dari kota mu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berpura-pura mensucikan diri.” (Surah al A’raf, 7: 80-82)

Jelas dalam ayat Al-Quran membuktikan kewujudan komuniti songsang ini telah dilaknat Allah dari zaman Nabi Luth A.S. Komuniti Transgender telah di kategorikan sebagai komuniti songsang yang jauh daripada sayriat hidup islam oleh pengkaji.

Komuniti transgender sama ada lelaki yang menyerupai Wanita atau sebaliknya akan dilaknat oleh Allah SWT. Berdasarkan karya kitab “Al-Mu’jam al-Awsat” dijadikan sumber bahawa nabi melaknat komuniti transgender. Dari Ibnu Abbas Radliyyaahu’anhу, baginda berkata: “Allah melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki” (Hadis Imam Bukhari).

Dalam kesimpulan ini transgender bermaksud individu atau komuniti yang mempunyai kecelaruan identiti dan mengikut nafsu shahwat yang bertentangan dengan aktiviti luar tabi’in manusia yang mengubah sifat yang diciptakan dan ditetapkan oleh Allah SWT. Selain itu, dalam kajian ini telah dirumuskan bahawa isu golongan transgender perlu diambil perhatian dan dititikberatkan agar ia tidak terus berkembang dan tidak menyalahi tuntutan agama dan tatasusila dari budaya luar di dalam kalangan masyarakat Malaysia atas kelakuan menyalahi tabi’in manusia.

### **Faktor Kecenderungan Kepada Transgender**

Pada tahun 2016 menurut hasil sumber R&D Jabatan Agama Islam Selangor (Selangor, 2016) faktor yang mendorong antaranya pendorong gejala ini berlaku perubahan hormon, faktor genetik, persekitaran, biologikal, akhlak dan moral, kekurangan ilmu pengetahuan dan naluri sejak zaman kanak-kanak serta faktor keluarga.

Dalam hal ini boleh mendatangkan tentang kekeliruan identiti mereka sekaligus akan mendorong komuniti ini untuk menjadi lain jantina. dari sumber R&D menjelaskan komuniti transgender berpunca disebabkan ibu bapa mereka yang menginginkan anak mereka sendiri yang berlainan janitna.

Tindakan dan perhatian sangat penting bagi komuniti transgender ini kerana kawalan sosial perlu dijaga dan diambil dengan sepenuhnya agar masyarakat sentiasa dalam satu anjakan norma hidup yang lebih baik. selain itu, kekurangan iman seseorang menjadi satu kelemahan yang perlu di bendung agar gejala ini tidak terus berleluasa tambahan pula akhlak serta moral seseorang sangat penting untuk dididik dari kecil lagi.

Pengetahuan dan kefahaman ilmu agama sangat penting dalam setiap kehidupan ini kerana dalam kajian sarjana muda dari UKM pada tahun 2015 mendapati bahawa pentingnya kefahaman ilmu agama dan kelemahan dalam ilmu agama faktor menjadikan perkara transgender ini berlaku. ibu bapa yang tidak memberi perhatian dalam isu ini kepada anak-anak dari zaman kanak-kanak lagi akan mengakibatkan keinginan seseorang itu untuk menjadi wanita sangat kuat.

## **Hak Kesihatan Transgender Menurut Undang-Undang Kesihatan di Malaysia**

Sejak kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, sistem kesihatan negara ini telah berjaya memberikan rawatan kesihatan yang terbaik buat masyarakat di seluruh negara. Sehingga kini, Malaysia telah mencapai taraf kesihatan yang hampir sama dengan negara-negara maju. Kerajaan telah memainkan peranan yang penting untuk mencapai sehingga ke taraf ini dengan menyediakan kemudahan kesihatan yang terbaik buat rakyat (Abdullah, 2002) Namun, masih ada individu yang tidak mendapat layanan yang sewajarnya diberikan Ketika ingin mendapatkan rawatan kesihatan di Malaysia. Hal ini berbangkit kerana sesetengah pengamal perubatan tidak mengamalkan piawaian yang telah diperuntukkan ketika merawat penyakit. Antara kes yang berlaku, golongan transgender di Malaysia yang dilayan secara negatif oleh pengamal kesihatan. Salah satu sebab mengapa hal ini berlaku adalah kerana penyakit HIV yang sering kali dikaitkan dengan golongan transgender sehingga mereka berasa hak kesihatan mereka dinafikan. Bahagian ini akan membincangkan piawaian hak kesihatan tertinggi yang ditetapkan oleh KKM untuk dipraktikkan oleh semua pengamal perubatan di Malaysia.

Untuk mencapai perkhidmatan penjagaan kesihatan yang selamat dan kompeten di negara ini, Majlis Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council - MMC) telah ditubuhkan melalui Akta Parlimen yang diluluskan pada 27 September 1971 dan diwartakan pada 30 September 1971. MMC mempunyai bidang kuasa tatatertib terhadap semua doktor yang berdaftar berdasarkan seksyen 29A (1) Akta Perubatan 1971. Segala aduan dan maklumat yang diterima oleh MMC akan disiasat bagi mengesahkan bahawa seseorang doktor itu telah melakukan kesalahan seperti yang aduan. Sebagai panduan, MMC telah mengeluarkan beberapa Ethical Codes bagi menangani masalah ini. Jika pengamal perubatan melanggar sebarang Ethical Codes yang diperuntukkan oleh MMC, maka menurut Seksyen 30 Akta Perubatan 1971, MMC mempunyai kuasa untuk mengenakan denda serta membuang nama daripada senarai doktor yang berdaftar.

## **Analisis Dakwaan Diskriminasi Terhadap Golongan Transgender Di Malaysia**

Selain kesukaran mendapatkan rawatan HRT, golongan transgender juga menghadapi stigma apabila mereka ingin mendapatkan rawatan HIV dan penyakit jangkitan bawaan seksual (sexually transmitted infections-STI). Menurut Malaysia Aids Council (MAC), seramai 111,916 rakyat Malaysia menghidap HIV dari tahun 1986 sehingga setakat 2016 (Siti Amirah Akilah Abd Rahima, 2020) dan golongan transgender lebih terdedah kepada penyakit ini kerann jangkitan boleh disebar melalui suntikan dan hubungan kelamin luar tabii seperti male-to-male sex. Selain itu, golongan transgender juga sering dimomokkan oleh pengamal kesihatan kerana perwatakan dan pemakaian golongan ini tidak sama seperti yang tertera dalam dokumen mereka. Misalnya, dalam kad pengenalan individu itu, berpakaian seperti seorang lelaki tulen namun apabila ingin mendapatkan rawatan, mereka berpakaian seperti seorang perempuan dan berperwatakan feminin (Selamat, 2020). Menurut Selamat (2020), hal ini adalah bertentangan dengan etika seorang doktor dan jururawat, kerana mereka seharusnya memberikan rawatan yang terbaik tanpa menilai status sosial pesakitnya itu.

Tambahan itu, Nisha Ayub, seorang aktivis transgender telah menyatakan bahawa terdapat sesetengah doctor yang tidak mahu memeriksa pesakit transgender ketika mereka ingin mendapatkan rawatan dan hanya menyentuh mereka dengan menggunakan pen sahaja (Noor., 2018). Hal ini terjadi, disebabkan perkara yang sama, iaitu pandangan negatif masyarakat terhadap pesakit HIV dan STI yang dikaitkan dengan golongan ini. Perkara ini semestinya bertentangan dengan etika moral yang telah digariskan dalam Good Medical Practice 2019 bahawa seorang pengamal perubatan harus mematuhi

piawaian tingkah laku peribadi yang betul pada setiap masa serta melayan pesakit dengan penuh tatatertib dan tidak menyinggung perasaan pesakit.

Stigma terhadap pesakit yang hidup dengan HIV atau AIDS adalah sangat ketara di Malaysia. Walaupun terdapat garis panduan yang seharusnya diamalkan oleh pengamal perubatan, antara penghalang golongan ini untuk mendapatkan rawatan kesihatan adalah disebabkan stigma. Sebagai contoh, hal ini dapat dilihat dengan suatu online cross-sectional survey yang dijalankan oleh 1296 pelajar perubatan dan pergigian di tujuh buah universiti di Malaysia pada tahun 2012.

Tambahan pula, disebabkan undang-undang Syariah yang jelas melarang perbuatan lelaki menyerupai wanita dan sebaliknya, golongan ini menerima diskriminasi yang ketara ketika ingin mendapatkan akses kepada rawatan kesihatan tidak kira rawatan hormon, fizikal maupun mental. Pada pendapat Responden 1 (2020), selagi pengamal perubatan sedar bahawa agama adalah perkara peribadi, dan berpegang teguh kepada sumpah Hippocrates, mereka tidak akan bersikap diskriminasi terhadap golongan transgender. Selain itu, Responden 1 juga berpendapat bahawa polisi dan undang-undang sedia ada harus digubal dan dilaksanakan berdasarkan fakta dan bukanlah *dogma* semata-mata (Selamat, 2020). Disebabkan dogma dan stigma, golongan transgender berasa terpinggir, sunyi dan keseorangan (KKM & Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, 2017).

## Kesimpulan

Rumusan yang dibuat berdasarkan hasil analisa ini sangat meluas. *Transgender* mempunyai keinginan yang kuat untuk menjadi jantina bertentangan dengan jantina asal mereka. Jika dilihat pada faktor-faktor berlaku gejala transgender secara keseluruhannya seseorang tidak dapat mengawal “naluri bertentangan” sejak zaman kanak-kanak maupun sudah dewasa. Tidak lupa juga kurang sokongan moral dan kurang pengetahuan serta iman lemah sehingga akhirnya mendorong mereka menjadi transgender. Antara masalah golongan *transgender* ini boleh dilihat daripada pelbagai perspektif iaitu isu pekerjaan, kesihatan, agama Islam, identiti diri dan komuniti masyarakat. Manakala cabaran seperti hak asasi manusia dan psikologi golongan *transgender* perlu diambil perhatian agar golongan ini kembali ke fitrah yang sebenar. Pandangan Sains dan pandangan Islam telah membuktikan bahawa golongan *transgender* disifatkan sebagai suatu penyakit yang lahir hasil pencarian mereka yang keceluaran identiti. Gejala sosial ini, bukan sahaja melibatkan pelajar atau orang awam, malah juga golongan profesional. Penulis menyeru agar pelbagai pihak dapat mengatasi masalah transgender yang tumbuh mekar bagai bunga ini supaya bala’ tidak menimpa kita seperti mana berlaku pada kaum zaman Nabi Allah Luth.

## Rujukan

(18 Oktober, 2022). Retrieved from <https://eriqab.mais.gov.my/rumah.: https://eriqab.mais.gov.my/rumah>.

Abdullah, N. R. (2002). Medical Regulation In Malaysia: Towards an Effective Regulatory Regime. *Science Direct*, 96-124.

Marziana, A. m. (2014). Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita? *Journal Of Business and Social Development*, 2(2), 48-61.

Noor., M. H. (10 August, 2018). *Transgender Tidak Harus Ditindas*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.who.int/mediacentre/news/statements/>

- Puspitawati, H. (2013). *Konsep, Teori Dan Analisis Gender*. Institut Pertanian Bogor, Indonesia: Departemen Ilmu Keluarga Dan Konsumen Fakultas Ekologi Manusia.
- Selamat, M. (7 May, 2020). Hak Kesihatan Transgender Di Malaysia. (I. Jasri, Interviewer)
- Selangor, J. A. (2016). R&D, Sumber. *Isu Transgender: Suatu Tinjauan Umum*.
- Siti Amirah Akilah Abd Rahima, H. A. (2020). Transgender Di Malaysia. *UMRAN International Journal Of Islamic and Civilizational*, vol. 6, No. 3-2, pp. 67-77.

## **BAB 6**

### **ELEMEN PEMBANGUNAN HATI DAN JIWA REMAJA DELINKUEN MENDEPANI CABARAN ERA GLOBALISASI MENURUT AL-GHAZALI**

*Mariam Abd Majid, Abur Hamdi Usman, Nurzatil Ismah Azizah, Noor Hafizah Mohd Haridi, Noraini Mohamad, Zainab Ismail & Aisyah Humairak Abdul Rahman*

#### **Pengenalan**

Pada era globalisasi ini, teknologi berkembang pesat dalam pelbagai bidang dan membawa perubahan terhadap keseluruhan landskap dunia. Perubahan era globalisasi ini memberi tumparan hebat terutama kepada golongan remaja. Ledakan dunia teknologi digital membawa cabaran dan impak yang besar terhadap pegangan dan penghayatan nilai-nilai agama serta akhlak remaja selain pengaruh negatif yang merubah minda serta gaya hidup insan. Secara tidak langsung ia menghakis dan mengubah paradigma tauhid, syariah dan akhlak sehingga mengikis nilai-nilai agama dan keinsanan. Hasil daripada perkembangan, kemajuan teknologi dan kemudahan asas yang sempurna menjadikan kesan dan pengaruh media bukan sahaja dirasai oleh remaja di kawasan bandar sahaja, malah ianya turut melibatkan golongan remaja di kawasan luar bandar (Ab. Halim 2005). Terdapat pelbagai jenis hiburan, bahan bacaan, bahan audio video dalam media sosial yang boleh mencetuskan ketidak stabilan dalam emosi dan psiko-sosial remaja masa kini. Pada kebiasaannya, atas alasan kebebasan dan globalisasi, bahan-bahan tersebut telah disebar secara terbuka kepada khalayak seolah-olah tanpa mengikut peraturan dan tanpa menyalahi etika yang sedia ada dalam masyarakat. Kepesatan perkembangan media sosial kini menjadikan semua orang boleh memiliki media sendiri. Seseorang pengguna sosial dengan rangkaian internet tanpa bayaran besar, tanpa alat mahal boleh menyunting, mengubah suai baik tulisan mahu pun gambar, video, grafik dan sebagainya serta boleh menyebarluaskan kepada masyarakat (Nor Azaruddin Husni, 2017). Namun, tidak dinafikan bahawa perkembangan teknologi maklumat sangat penting dalam dunia globalisasi sehingga ia menjadi penentu dan penggerak kepada masa hadapan negara.

Golongan remaja kini yang sedang membesar dengan kecanggihan teknologi dan media massa dari segi pembentukan akhlak dan fisiologi persekitaran hidup mereka. Anak-anak khususnya golongan remaja pada abad ke-21 ini atau dikenali sebagai generasi Y dan Z ini mudah terdedah dengan pelbagai bentuk pengaruh luaran. Fenomena dunia hari ini disebut sebagai ‘borderless world’ memberi kesan dalam perubahan tingkah laku manusia sama ada dalam impak positif atau negatif (Nor Fazilah Noor Din dan Hishamudin Isam, 2019; Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, 2019). Kesan ini dilihat lebih ketara terhadap pembentukan tingkah laku anak-anak terutama pada tahap usia remaja (Yuli & David, 2019). Oleh itu, kecanggihan dunia digital kepada golongan remaja dilihat telah memberi kesan yang baik maupun yang buruk. Apa yang dibimbangkan adalah dari segi cabaran dalam membentuk akhlak mereka dengan mendepani era dunia digital. Pada peringkat ini seseorang itu akan mula bertindak balas kepada tuntutan emosi untuk mencari identiti dan penampilan tersendiri. Pada peringkat remaja, masing-masing mencari identiti, mereka sering berhadapan dengan konflik diri bahawa wujud dua pertembungan iaitu antara sifat kanak-kanak dan keinginan serta keimbangan untuk menempuh alam dewasa. Hal ini menjadi persoalan kerana adakah dunia digital pemodenan ICT telah membawa anjakan paradigma yang lebih baik terhadap pembangunan akhlak remaja atau pun disalahgunakan oleh remaja pada masa

kini. Seperti mana yang sedia maklum, akhlak remaja pada masa kini boleh dikatakan berada di tahap yang amat membimbangkan dan sedikit sebanyak mengeksplorasi pemikiran remaja. Anak-anak mudah terpengaruh kerana sifat ingin tahu atau ingin mencuba yang tinggi. Remaja mudah terdedah dengan laman-laman yang tidak bermoral selain terdedah kepada ketidaksahihan maklumat yang diperolehi sedangkan mengenalpasti sumber sesuatu maklumat itu adalah tuntutan agama. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “*Wahai orang-orang Yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum Dengan perkara Yang tidak diingini - Dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa Yang kamu telah lakukan*”.(al-Hujurat: 6)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan kepada umat manusia untuk menyelidik (*tabayyun*) terlebih dahulu tentang kesahihan sesuatu maklumat yang diterima bagi mengelak penyesalan apabila mendapat sesuatu maklumat yang diterima tanpa diselidik terlebih dahulu (Hamka, 2018). Sekiranya maklumat yang diterima daripada media sosial tidak ditapis dengan sebaiknya, maka akan menjurus kepada salah laku delinkuen. Bukti penglibatan remaja dalam salah laku delinkuen adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu ibu bapa, rakan sebaya, persekitaran dan juga media sosial. Menurut Ab. Halim & Nur Hanani (2017) dalam zaman ledakan globalisasi, pengaruh media massa dan juga media sosial adalah amat besar ke atas generasi muda, khususnya golongan pelajar dan remaja. Penggunaan media sosial merupakan satu elemen baru yang sedang berkembang dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda. Menurut pandangan Islam, remaja telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam dan mereka mempunyai tanggungjawab yang penting kepada diri mereka, keluarga dan masyarakat (Mashuq Ally, 1997; Hassan al-Anani, 1990; Abu Dawud, 1989). Kewujudan media sosial kini merupakan cabaran baru dalam dunia pendidikan kerana ia yang telah digunakan secara amat meluas dalam generasi muda. Media sosial yang popular seperti *Facebook*, *YouTube*, *Instagram*, *Whatsapp*, *Telegram*, *Wechat*, *Google*, *Linkedin*, *Skype*, telah digunakan secara meluas di negara ini. Penggunaan media sosial menjadi semakin popular di Malaysia sama ada di kawasan bandar maupun di luar bandar. Ini kerana, kewujudan alat mudah alih tanpa wayar seperti broadband, Streamyx, P1 Wimax dan Unifi semakin meluas dikalangan masyarakat telah berkembang kepada peningkatan pengguna di negara ini (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Husin, 2017).

Berbanding dengan generasi terdahulu, proses sosialisasi dan kematangan pada masa kini berlaku dengan keadaan yang berbeza-beza berdasarkan kepada faktor persekitaran yang ada. Pada asasnya, gaya kehidupan remaja Islam tidak boleh disamakan dengan gaya hidup remaja barat kerana remaja Muslim perlu dididik dengan nilai-nilai keislaman dan yang berteraskan kepada tauhid dan akhlak Islam (Ab. Halim, 2015). Mereka perlu diberikan pengetahuan dan juga maklumat yang sesuai dengan prinsip-prinsip dasar hukum Islam melalui media massa dan sosial bagi memastikan mereka mempunyai perkembangan rohani, emosi, dan intelektual yang mantap serta boleh membezakan perlakuan yang halal atau haram. Kewujudan bahan-bahan negatif dari dalam atau luar negara menerusi lawan web dan berbagai aplikasi sosial yang ada telah menimbulkan masalah yang serius kepada perkembangan remaja masa kini. Keadaan ini menjadi lebih kritikal akibat kesibukan ibubapa yang menyebabkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan kepada pendidikan anak-anak bahkan mereka secara bebas menonton dan melayari laman-laman web tanpa pemantauan, bimbingan dan kawalan (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Husin, 2017).

Kajian Buerah et. al. (2015) mendapati antara faktor utama ialah sikap pelajar sendiri, faktor latar belakang keluarga, rakan sebaya, pengaruh media massa dan persekitaran. Ini sejajar dengan dapatan Hasbullah et. al. (2020) yang mengemukakan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi akhlak remaja antaranya ialah persekitaran pelajar iaitu ibu bapa, guru, rakan sebaya, masyarakat dan media massa. Manakala, Nursahidah (2021) turut menyatakan bahawa lima faktor sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku individu iaitu keluarga, rakan sebaya, persekitaran, sekolah dan media massa. Oleh yang demikian, gejala delinkuen dalam kalangan remaja yang berlaku ini penting diberi perhatian serta memerlukan usaha dan sokongan pelbagai pihak. Ini bertujuan untuk membendung tingkah laku delinkuen ini daripada terus berleluasa (Buerah et. al, 2015). Sebaliknya, jika ianya tidak ditangani dengan segera, tingkah laku delinkuen yang berlaku dalam kalangan remaja ini menjadi semakin sukar untuk diubati.

Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk mengemukakan elemen-elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen bagi mendepani cabaran era globalisasi pada masa kini menurut Al-Ghazali.

### **Pembangunan Hati dan Jiwa Menurut Al-Ghazali**

Asas penting bagi merawat penyakit sosial atau keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja yang ditekankan al-Ghazali adalah melalui pendekatan akidah dan kerohanian. Menurut al-Ghazali (2012), pembersihan jiwa boleh mendatangkan kesan yang baik dalam memperbaiki akhlak seseorang. Proses penyuburan iman boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti melakukan amal salih dan melazimi sunnah Nabi SAW (al-Qurtubi 2009).

#### **Pembangunan Hati (Al-Qalb)**

*Al-Qalb* mempunyai potensi yang luar biasa mampu mengetahui dan memahami sesuatu. Ia juga merupakan kunci terpenting, berpengaruh dan berperanan bermula dari proses pembangunan *al-Qalb* secara spiritual sehingga terbentuk akhlak mulia insan secara fizikal. *Al-Qalb* insan dapat dihidup dan dibangunkan bagi meneguhkan keimanan kepada Allah SWT. Potensi *al-qalb* banyak dijelaskan dalam al-Quran dan hadis (Mokhtar et al., 2016). Proses membangun jati diri adalah dengan mendidik hati (*Al-Qalb*) supaya mempunyai kekuatan untuk mengawal tingkah laku individu. Hati merupakan ketua kepada beberapa gagasan personaliti, apabila hati boleh mengawal nafsu syahwat maka akan lahirlah tingkah laku dan personaliti yang baik. Dalam membina personaliti perlu kepada proses pemberian dengan melalui mujahadah (bersungguh-sungguh) dan latihan jiwa (*riyadah*) yang akan mengubah personaliti individu yang ke arah mematuhi suruhan agama (Azizan, 2018).

Menurut al-Nawawi (1989), *al-qalb* berfungsi sebagai pembentuk kehidupan seseorang dan berperanan untuk menggerak, memberhenti atau memperelokkan perbuatan seseorang insan. Hati yang baik adalah hati yang sentiasa ingat akan kebesaran Allah SWT, mematuhi perintahnya, menjauhi larangannya serta menjauhi perkara syubhat kerana bimbang terjerumus dalam perkara yang haram. Seorang insan yang baik bermula dengan memiliki *al-qalb* yang baik di dalam diri. Setiap orang perlu menjaga serta memelihara *al-qalb* untuk mendapatkan peribadi yang baik dan cemerlang (Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama, 2020).

Asas pertama dalam pembangunan jati diri insan adalah perlu memiliki sifat keberanian dalam diri sebagaimana contoh kisah pemuda-pemuda yang diceritakan di dalam surah al-Kahfi. Kisah pemuda *Ashab al- Kahfi* telah menggambarkan bahwa

proses pembangunan jati diri insan perlu dibangunkan dengan mewujudkan sifat berani dalam menegakkan dan mempertahankan kebenaran. Firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 14,

Maksudnya: “*Dan kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian), semasa mereka bangun (menegaskan tauhid) lalu berkata: "Tuhan Kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi. Kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain dari padanya. Jika Kami menyembah yang lainnya bermakna kami memperkatakan dan mengakui sesuatu yang jauh dari kebenaran”.*

(Surah Al-Kahfi:14)

Menurut Ibnu Kathir, ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT telah meneguhkan hati mereka, menyatu padukan mereka dengan satu pendirian yang sangat bertentangan dengan pendidikan kaum mereka dan negeri tempat mereka tinggal. Mereka tekad dan berani membuat keputusan untuk meninggalkan kehidupan yang senang dan mewah yang penuh kemesraan dan kebanggaan (Ibnu Kathir,1994). Menurut Hamka (2018), ayat ini menjelaskan pemuda *ashab al-kahfi* diteguhkan hati menyatakan pendirian yang sama, jawapan yang sama dengan berkata, “Tuhan kami ialah Tuhan dari sekalian langit dan bumi ini. Tidak ada satu Tuhan pun selain Allah, yang kamu akui dan kami sembah. Kerana kalau kami menyembah Tuhan yang lain, ertinya kami telah sesat dari jalan yang benar, atau dari fikiran kami yang waras”.

Ini menunjukkan kehebatan pemuda-pemuda *Ashab al-Kahfi* yang bersikap berani dalam menegakkan iman dan akidah mereka kepada agama dan Allah SWT. Oleh itu, sifat keberanian ini perlu ditanamkan dalam diri setiap insan agar dapat membangunkan jati diri muslim yang unggul dan sejati. *Al-Qalb* yang teguh dalam meyakini sesuatu dapat membangunlan jati diri insan. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 38:

Maksudnya: “*Dan Aku menurut agama bapa dan datuk nenekku, Ibrahim dan Ishak serta Ya'akub. Tidaklah sepatutnya kita mempersekuatkan sesuatu pun dengan Allah. Mentaqid mengesakan Allah ialah hasil dari limpah kurnia Allah kepada kita dan kepada umat manusia. tetapi kebanyakkan manusia tidak bersyukur”*. (Surah Yusuf: 38)

Ayat ini menjelaskan bahawa Nabi Yusuf AS memiliki *al-qalb* yang teguh mengimani keesaan Allah SWT (Hamka, 2018). Keteguhan hati Nabi Yusuf AS dapat dilihat dengan jelas dan nyata apabila baginda mengikut agama yang benar dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap agama sehingga tidak menyekutukan Allah SWT dengan yang lain. Ini membuktikan bahawa dengan mempunyai keyakinan yang teguh di dalam hati dapat membantu proses kepada pembangunan jati diri insan. Manusia perlu sentiasa yakin dan percaya terhadap keesaan Allah SWT. Yakin bahawa segala yang berlaku dalam kehidupan manusia telahpun ditetapkan oleh Allah SWT mengikut kehendakNya (Hamka, 2018).

Manusia perlu memelihara *al-Qalb* agar sentiasa bersih dan tidak dikotori dengan kaedah menjauhi maksiat. Dosa yang dilakukan oleh seseorang insan kepada Allah SWT akan menjadi beban dan memberatkan timbangan kejahatan manusia di akhirat kelak (Azizan, 2018).

Kisah Nabi Yusuf AS dirakamkan dalam al-Quran apabila baginda begitu hebat diuji dengan kecantikan seorang wanita namun, baginda tetap teguh menegakkan hati dan iman yang kuat dalam menjauhi maksiat. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 24,

Maksudnya: “*Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhan (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir kami) untuk menjauhkan dari Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya ia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa*”. (Surah Yusuf: 24)

Ayat ini menjelaskan, inilah puji yang amat tinggi dari Allah SWT terhadap rasul-Nya telah dibentengi dengan iman dan ihsan sehingga teguh dan tabah menghadapi ujian yang sangat hebat. Aspek ihsan yang wujud dalam diri nabi Yusuf AS berupaya mengekang hawa nafsunya. Inilah suatu kemenangan besar buat baginda Nabi Yusuf AS (Hamka, 2018).

Berdasarkan kisah ini, telah membuktikan bahawa pembangunan jati diri insan perlu dibangunkan dan dibina dengan keteguhan hati dalam menjauhi maksiat. Nabi Yusuf AS sangat takut untuk melanggar segala perintah dan larangan Allah SWT iaitu melakukan zina walaupun wujud ruang untuk melakukannya. Namun, baginda memilih untuk menjauhi maksiat dan tetap berpegang teguh dengan segala perintah Allah SWT.

### Pembangunan Jiwa (*Al-Nafs*)

Perkataan *al-Nafs* membawa makna kekuatan atau daya kemarahan yang terdapat dalam diri manusia. Makna ini kebiasaannya digunakan oleh ahli tasawuf. Makna *al-Nafs* seterusnya ialah rahsia *lathifah* yang lembut yang terdapat dalam diri manusia. Ia mempunyai beberapa ciri mengikut keadaan. Antara makna yang disebut di dalam al-Quran ialah jiwa yang tenang, jiwa yang menyesali dirinya sendiri dan jiwa yang menyuruh kepada kejahatan. Dan termasuk dalam makna *al-Nafs* ialah kekuatan amarah dan syahwat serta sifat-sifat tercela. Manusia mempunyai musuh yang berada di dalam rongga tubuh manusia dan nafsu adalah wajib diperangi (al-Ghazali, 2000).

Perbahasan berkenaan *al-Nafs* telah membawa *al-Nafs* yang disebut di dalam al-Quran iaitu *Al-Nafs al-Mutmainnah*, *Al-Nafs al-Lawwamah* dan *Al-Nafs al-Ammarah*. *Al-Nafs al-Mutmainnah* bermakna jiwa yang tenang dalam naluri seseorang individu. Ia digambarkan dengan ketenangan dan kemuliaan. *Al-Nafs al-Lawwamah* ialah jiwa penyesalan yang berada di tengah naluri manusia. Ia keadaan jiwa yang tidak mencapai ketenangan yang sepenuhnya. Ia disifatkan sebagai jiwa yang tidak tetap dan cenderung untuk bergerak dalam dua arah yang sama iaitu ke arah kebaikan dan kejahatan. Ia adalah pengawal antara dua ekstrim dalam naluri seseorang manusia. Manakala *Al-Nafs al-Ammarah* adalah naluri kejahatan dan ia sentiasa menuntut individu melakukan kejahatan dengan hasutan syaitan (Md Sham, 2015). Jiwa yang berpenyakit akan membangkitkan huru hara manakala jiwa yang sihat akan membantu manusia mengharungi ujian (Abi Hamid, 1980). *Al-Nafs* dapat difahami dengan makna lahiriah dan batiniah sesuai dengan diri manusia juga mempunyai ruh dan jasad. Secara lahiriah, nafsu dalam diri manusia mendorong manusia bertindak secara tidak balas hormon dalam tubuh badan manusia, manakala secara batiniah pula terdapat al-hawa yang mendorong manusia melakukan sesuatu berdasarkan hasrat organ batiniah (Azizan, 2018).

Menurut Azizan (2018) berdasarkan kisah atau sirah nabi yang terdahulu membuktikan bahawa proses pembangunan jati diri insan adalah melalui ujian dalam kehidupan. Insan-insan terpilih yang diangkat darjatnya juga diberikan ujian yang berat. Manusia yang diuji melalui fasa pentarbiyan yang hebat iaitu berbaik sangka dengan Allah SWT atas ujian yang dihadapi. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 7 hingga 8 memaparkan ujian getir yang dilalui oleh Nabi Yusuf AS, walaupun berat ujian

yang dihadapi Baginda AS sentiasa berbaik sangka dengan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 7 hingga 8,

Maksudnya: “*Demi sesungguhnya! (Kisah) Nabi Yusuf dengan saudara-saudaranya itu mengandungi beberapa pengajaran bagi orang-orang yang bertanya (tentang hal mereka untuk mengambil iktibar). (Kisah itu bermula) ketika saudara-saudara Yusuf berkata (sesama sendiri): "Sesungguhnya Yusuf dan adiknya, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, padahal kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna). Sesungguhnya bapa kita adalah dalam keadaan tidak adil yang nyata".* (Surah Yusuf: 7-8)

Ayat ini menjelaskan tentang kisah Nabi Yusuf AS iaitu baginda telah diuji oleh Allah SWT dengan mengalami penderitaan akibat daripada timbulnya rasa dengki dan perbuatan oleh saudara-saudaranya terhadap baginda sehingga memasukkannya ke dalam sumur. Pokok pangkal daripada kisah ini ialah disebabkan perasaan dengki saudara-saudaranya kepada baginda AS dengan saudara seibunya yang bernama Bunyamin, kerana dicintai oleh sang ayah, Nabi Ya'qub nescaya mereka tidak akan sanggup untuk memasukkan adik kandung mereka ke dalam sumur. Dengan ujian ini, membuatkan Nabi Yusuf AS lebih kuat dan dapat menambahkan iman baginda serta percaya bahawa segala yang berlaku adalah kerana kekuasaan dan takdir Allah SWT. Setiap perkara yang berlaku, pasti ada hikmahnya. Selain itu, ini juga adalah tanda-tanda yang jelas tentang Maha Kayanya Allah SWT dalam menentukan segalanya, bahkan manusia hanya berjalan dan melalui segala yang ditentukanNya. Kewajipan manusia ialah sentiasa waspada dalam menjaga jiwanya agar jangan sampai jauh daripada Allah SWT yang telah mengatur setiap perjalanan kehidupan manusia di muka bumi ini. Sebagai manusia perlu sentiasa tanamkan sifat bersangka baik kepada Allah SWT kerana percayalah bahawa Dialah Sebaik-baik Pengatur (Hamka, 2018).

Usaha pembangunan jati diri insan dapat dilakukan dengan mengawal hawa nafsu. Al-Quran telah menceritakan bagaimana Nabi Yusuf AS sedaya upaya mencuba untuk mengawal nafsu baginda daripada melakukan dosa kepada Allah SWT walaupun baginda mempunyai kesempatan dan ruang untuk melakukannya. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 53,

Maksudnya: “*"Dan tiadalah Aku berani membersihkan diriku, sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahanan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

(Surah Yusuf: 53)

Hamka mentafsirkan bahawa nafsu manusia selalu mendorong kepada kemungkaran kecuali bagi orang yang dikasihi oleh Allah SWT yang diberi petunjuk dan hidayah serta terlepas daripada rangsangan hawa nafsunya. Ayat ini jelas menunjukkan kehebatan sikap Nabi Yusuf AS dalam melawan kehendak syahwatnya apabila digoda dengan kecantikan seorang wanita namun baginda tetap berpegang teguh keimanan terhadap Allah SWT dan takut untuk melakukan maksiat maka baginda tidak mengikut nafsunya. Mengawal nafsu merupakan satu bentuk didikan daripada Allah SWT dan sebagai proses dalam pembangunan jati diri insan sebagai seorang muslim yang unggul dan sejati. Kisah Nabi Yusuf AS ini menunjukkan bahawa proses pembangunan jati insan adalah memerlukan kepada latihan mengawal nafsu (Azizan, 2018).

Pembangunan jati diri insan juga perlu kepada nilai akhlak yang baik. Salah satu contoh akhlak seorang peribadi yang diceritakan dalam al-Quran ialah Nabi Yusuf AS

kerana baginda mempunyai sifat sabar yang sangat tinggi apabila diuji dengan pelbagai ujian tatkala baginda masih di usia kanak-kanak lagi. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 90 hingga 91,

Maksudnya: “*Mereka bertanya (dengan hairan): "Engkau ini Yusufkah? "* ia menjawab: *"Akulah Yusuf dan ini adikku (Bunyamin). Sesungguhnya Allah telah mengurniakan nikmatNya kepada kami. sebenarnya sesiapa yang bertaqwa dan bersabar, maka Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan."* Demi Allah! Sesungguhnya Allah telah melebihkan dan memuliakan Engkau daripada Kami (disebabkan taqwa dan kesabaranmu); dan Sesungguhnya Kami adalah orang- orang yang bersalah”.(Surah Yusuf: 90-91)

Allah SWT telah berjanji kepada Nabi Yusuf AS bahawa sebaik sahaja baginda dimasukkan ke dalam sumur oleh saudara-saudaranya, kelak hal itu akan disebutkan kepada mereka dan sekarang telah dipenuhi. Mereka benar-benar tidak sedar ketika itu dan mulai timbul kesedaran dalam hati mereka dan akhirnya mereka telah pun bertemu kembali setelah Nabi Yusuf AS hilang lebih seperempat abad (Hamka, 2018). Kisah ini menggambarkan bahawa Nabi Yusuf AS mempunyai jati diri yang dibentuk melalui akhlak yang baik dalam diri baginda. Baginda AS selalu berbuat kebaikan dalam suka dan duka, mewah dan sengsara, dalam menghadapi ujian batin yang berat, dan dengan keteguhan baginda mempertahankan kebaikan itulah yang menyebabkan mereka bertemu kembali.

Pembangunan hati dan jiwa merupakan antara elemen penting dalam usaha untuk membangunkan jati diri remaja delinkuen dari aspek spiritual. Ini disokong oleh Safiah, Che Zarrina & Syed Mohamad Hilmi (2021) yang menyatakan bahawa hati dan jiwa seseorang individu serta masyarakat perlu dihiasi dengan nilai-nilai yang baik agar sentiasa memiliki kekuatan untuk menentang nafsu diri sendiri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membinaikan diri sendiri, agama dan negara.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi dalam pengesahan elemen pembangunan hati dan jiwa menurut perspektif Islam. Proses pembentukan elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen di Malaysia diperolehi menerusi konsensus pakar menggunakan Teknik Fuzzy Delphi. Kaedah Fuzzy Delphi atau *Fuzzy Delphi Method* diasaskan daripada Teori Set Fuzzy oleh Zadeh (1965) yang diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch (1985). Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi memperolehi data kuantitatif hasil penilaian dan pengesahan setiap elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen di Malaysia.

Pemilihan pakar bagi kajian ini dilaksanakan secara *purposive sampling* (persampelan bertujuan). Ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Hasson *et al.* (2000) yang menyatakan bahawa teknik persampelan bertujuan sangat sesuai digunakan dalam FDM. Terdapat beberapa pandangan sarjana terhadap saiz bilangan pakar FDM. Phillips (2000) mencadangkan bilangan pakar adalah antara tujuh hingga 12, manakala Delbecq *et al.* (1975) dan Adler dan Ziglio (1996) antara 10 hingga 15 orang. Clayton (1997) pula mencadangkan antara 5 hingga 10 orang, dengan syarat pakar yang dipilih itu adalah berlatar belakangkan disiplin ilmu yang pelbagai. Sejak dengan itu, bilangan pakar yang dipilih bagi kajian ini adalah seramai 10 orang yang terdiri daripada latar belakang bidang kepakaran yang signifikan dengan kajian iaitu bidang pembangunan sahsiah, pembangunan akhlak dan remaja bermasalah, psikologi remaja, pembangunan spiritual, pelaksanaan pemulihan remaja dan psikologi remaja. Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat demografi pakar-pakar yang dipilih.

**Jadual 1: Maklumat Demografi Pakar**

Pakar	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran
<b>P1</b>	Doktor Perubatan	Akademi Dr Har Alam Damai, Cheras Kuala Lumpur	Pembangunan Sahsiah
<b>P2</b>	Ahli Akademik	Jabatan Kluster Pendidikan dan Sains Sosial Open University Malaysia	Pembangunan Akhlak dan Remaja Bermasalah
<b>P3</b>	Pegawai	Bahagian Pengukuasaan & Inspektorat Kementerian Pengajian Tinggi	Psikologi Remaja
<b>P4</b>	Ahli Akademik	Jabatan Dakwah dan Usuluddin Universiti Islam Selangor	Pembangunan Spiritual
<b>P5</b>	Ahli Akademik	Jabatan Dakwah dan Usuluddin Universiti Islam Selangor	Pembangunan Spiritual
<b>P6</b>	Mantan Pegawai Al Riqab Majlis Agama Islam	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Pelaksanaan Pemulihan Remaja
<b>P7</b>	Pengasas	Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah	Pelaksanaan Pemulihan Remaja
<b>P8</b>	Pegawai Psikologi	Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka	Psikologi Remaja
<b>P9</b>	Pengasas	Pusat Perlindungan dan Bimbingan Darul Wardah	Pelaksanaan Pemulihan Remaja
<b>P10</b>	Pengasas	Tarbiyyatul A'la Centre	Pelaksanaan Pemulihan Remaja

Maklumat demografi pakar diperoleh daripada set soal selidik yang telah diberikan kepada setiap pakar. Set soal selidik dibina sama seperti soal selidik biasa yang menggunakan Skala *Likert* bagi mengukur apa yang hendak diukur. Item-item yang dibina adalah berdasarkan sorotan literatur, kajian rintis, dan pengalaman (Skulmoski *et al.*, 2007). (Skulmoski, G. J., Hartman, F. T., & Krahn, J., 2017). Proses ini dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada pakar-pakar semasa bengkel diadakan. Penukaran semua boleh ubah linguistik yang menggunakan aras persetujuan melalui Skala *Likert* 7 poin kepada Skala *Fuzzy* iaitu pernomboran Segitiga *Fuzzy* (*Triangular Fuzzy Numbers*) (Jamil & Noh, 2020). Pernomboran Segitiga *Fuzzy* terdiri daripada nilai purata nombor *fuzzy* iaitu m1(nilai minimum), m2 (nilai paling munasabah), dan m3 (nilai maksimum).

**Jadual 2: Aras persetujuan dan nilai skala Fuzzy**

Aras persetujuan	Skala Fuzzy	Skala Likert
Teramat Tidak Sesuai	(0.0, 0.0, 0.1)	1
Sangat Tidak Sesuai	(0.0, 0.1, 0.3)	2
Tidak Sesuai	(0.1, 0.3, 0.5)	3
Sederhana Sesuai	(0.3, 0.5, 0.7)	4
Sesuai	(0.5, 0.7, 0.9)	5
Sangat Sesuai	(0.7, 0.9, 1.0)	6
Teramat Sesuai	(0.9, 1.0, 1.0)	7

Sumber: (Mohd Ridhuan, 2016)

Data yang diperoleh daripada Skala Likert dianalisis menggunakan *Microsoft Excel* melalui teknik yang dinamakan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM).

## Dapatan dan Perbincangan

Dapatan ini mengemukakan elemen-elemen bagi pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen yang dinilai oleh kumpulan pakar. Jadual 3 berikut adalah keputusan penilaian pakar terhadap elemen-elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen.

**Jadual 3: Elemen Pembangunan Hati dan Jiwa Remaja Delinkuen di Malaysia**

ELEMEN PEMBANGUNAN HATI DAN JIWA	
a.	Pupukan Niat Ikhlas
b.	Mandi Taubat
c.	Uzlah (diasingkan)
d.	Muhasabah
e.	Taubat
f.	Solat Fardhu
g.	Solat Sunat
h.	Membaca Al-Quran
i.	Pelaksanaan Puasa Wajib
j.	Pelaksanaan Puasa Sunat
k.	Qiamullail
l.	Banyakkan Berzikir
m.	Amalan Sunnah Nabi
n.	Berakhlek Mulia
o.	Menyedari Kuasa dan Kehendak Allah SWT Dalam Taat Dan Maksiat
p.	Menyedari Kuasa dan Kehendak Allah SWT Dalam Musibah dan Nikmat
q.	Amalan Ayat Syifa'/Ruqyah
r.	Banyakkan Berdoa
s.	Tadabbur Al-Quran
t.	Faham Sirah Rasulullah SAW

Kesemua elemen bagi pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen iaitu pupukan niat ikhlas, mandi taubat, uzlah (diasingkan), muhasabah, taubat, solat fardhu, solat sunat, membaca al-Quran, pelaksanaan puasa wajib, pelaksanaan puasa sunat, qiamullail, banyakkan berzikir, amalan sunnah nabi, berakhlek mulia, menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam taat dan maksiat, menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam musibah dan nikmat, amalan ayat syifa'/ruqyah, banyakkan berdoa, tadabbur al-Quran dan faham sirah rasulullah SAW mendapat konsensus kumpulan pakar. Proses penilaian dan pengesahan setiap elemen dianalisis menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Jadual 4 menunjukkan indikator konsensus pakar terhadap elemen pembangunan hati dan jiwa.

**Jadual 4: Analisis Kaedah FDM Konsensus Pakar Terhadap Elemen Pembangunan Hati dan Jiwa**

Bil	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Fuzzy Evaluation Process				Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	Aliran/Keutamaan
		Nilai Threshold, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)			
1	Mandi Taubat	0.027	100.0%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	1
2	Muhasabah	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
3	Taubat	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
4	Solat Fardhu	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	

5	Puasa Wajib	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
6	Puasa Sunat	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
7	Banyakkan Berzikir	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
8	Amalan Sunnah Nabi	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
9	Menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam taat dan maksiat	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
10	Menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam musibah dan taat	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
11	Amalan ayat Syifa' / ruqyah	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
12	Banyakkan Berdoa	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
13	Faham Sirah Rasulullah SAW	0.027	100.00%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	
14	Pupukan Niat Ikhlas	0.027	100.0%	0.8 80	0.9 90	1.0 00	0.957	TERIMA	0.957	2
15	Solat Sunat	0.049	100.0%	0.8 60	0.9 80	1.0 00	0.947	TERIMA	0.947	3
16	Qiamullail 1	0.049	100.0%	0.8 60	0.9 80	1.0 00	0.947	TERIMA	0.947	
17	Berakhla k Mulia	0.049	100.0%	0.8 60	0.9 80	1.0 00	0.947	TERIMA	0.947	
18	Tadabbur Al-Quran	0.049	100.0%	0.8 60	0.9 80	1.0 00	0.947	TERIMA	0.947	
19	Membaca Al-Quran	0.064	100.0%	0.8 40	0.9 70	1.0 00	0.937	TERIMA	0.937	4
20	Uzlah (Diisingkan)	0.064	100.0%	0.8 40	0.9 70	1.0 00	0.937	TERIMA	0.937	

Berdasarkan jadual 4, kesemua elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen diterima apabila memenuhi syarat penerimaan item yang ditetapkan iaitu nilai *threshold* (*d*) kurang atau sama dengan 0.2 (*d* < 0.2) dan kesepakatan kumpulan pakar melebihi 75%. Analisis data diperolehi menunjukkan semua elemen ini mendapat kesepakatan pakar sekaligus menunjukkan kesahan elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen. Dapatan ini membuktikan kepentingan dan keperluan elemen-elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen menerusi pupukan niat ikhlas, mandi taubat, uzlah (diisingkan), muhasabah, taubat, solat fardhu, solat sunat, membaca al-Quran, pelaksanaan puasa wajib, pelaksanaan puasa sunat, qiamullail, banyakkan berzikir, amalan sunnah nabi, berakhhlak mulia, menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam taat dan maksiat, menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam musibah dan nikmat, amalan ayat syifa'/ruqyah, banyakkan berdoa, tadabbur al-Quran dan faham sirah rasulullah SAW.

## Turutan Kedudukan Keutamaan Elemen Pembangunan Hati dan Jiwa

Dapatan kajian dalam jadual 5 menunjukkan kedudukan keutamaan elemen-elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen melalui proses *defuzzification* dengan nilai a-cut melebihi 0.5 (a-cut > 0.5). Jadual 5 di bawah menunjukkan turutan kedudukan aliran keutamaan elemen bagi pembangunan hati dan jiwa remaja tersebut;

**Jadual 5: Analisis Kaedah FDM Konsensus Pakar Terhadap Kedudukan Keutamaan Elemen Pembangunan Hati dan Jiwa**

Bil	Item / Elemen	Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	Aliran/Keutamaan
1	Mandi Taubat	TERIMA	0.957	1
2	Muhasabah	TERIMA	0.957	
3	Taubat	TERIMA	0.957	
4	Solat Fardhu	TERIMA	0.957	
5	Puasa Wajib	TERIMA	0.957	
6	Puasa Sunat	TERIMA	0.957	
7	Banyakkan Berzikir	TERIMA	0.957	
8	Amalan Sunnah Nabi	TERIMA	0.957	
9	Menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam taat dan maksiat	TERIMA	0.957	
10	Menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam musibah dan taat	TERIMA	0.957	
11	Amalan ayat Syifa' / ruqyah	TERIMA	0.957	
12	Banyakkan Berdoa	TERIMA	0.957	
13	Faham Sirah Rasulullah SAW	TERIMA	0.957	
14	Pupukan Niat Ikhlas	TERIMA	0.957	2
15	Solat Sunat	TERIMA	0.947	3
16	Qiamullail	TERIMA	0.947	
17	Berakh�ak Mulia	TERIMA	0.947	
18	Tadabbur Al-Quran	TERIMA	0.947	
19	Membaca Al-Quran	TERIMA	0.937	4
20	Uzlah (Diasingkan)	TERIMA	0.937	

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan item-item yang diterima oleh pakar untuk membangunkan hati dan jiwa remaja delinkuen dalam mendepani cabaran era globalisasi. Sub elemen mandi taubat, muhasabah, taubat, solat fardhu, puasa wajib, puasa sunat, banyakkan berzikir, amalan sunnah nabi, mentaati kuasa dan kehendak Allah SWT dalam taat dan maksiat & menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam musibah dan nikmat, amalan syifa'/ruqyah, banyakkan berdoa dan faham sirah Rasulullah SAW berada pada kedudukan keutamaan yang paling utama dalam turutan kedudukan keutamaan. Kaedah mandi taubat biasanya dilaksanakan di pusat pemulihan

khususnya bagi rawatan pemulihan dadah. Kajian Abdullah et. al. (2017) menjelaskan tentang kaedah pemulihan mangsa penyalahgunaan dadah, masalah sosial remaja, serta mereka yang mengalami ketidak tenteraman jiwa untuk kembali ke jalan yang benar menurut perintah Allah yang dilaksanakan oleh Pondok Remaja Inabah (1)M. Setiap mereka akan menjalani tiga kaedah rawatan utama iaitu mandi taubat, solat dan zikir. Kaedah ini menekankan konsep pembinaan serta bimbingan rohani dan jasmani. Sehingga kini PRI(1)M telah merawat lebih daripada 7000 remaja yang bermasalah dan sekitar 70% dengan izin Allah telah berjaya dipulihkan. Walaupun PRI(1)M berhadapan dengan masalah kewangan, pihak PRI(1)M berkemampuan untuk membentuk anak-anak bina yang berwibawa selepas menjalani program pemulihan secara kerohanian.


Seterusnya, diikuti dengan turutan kedudukan keutamaan elemen yang kedua iaitu pupukan niat ikhlas. Menurut Sahlawati, Nurzatil, Nazneen & Zanariah (2017) mengemukakan pendekatan pemulihan yang diamalkan oleh penghuni di Pusat Baitul Iman salah satunya ialah niat. Niat yang ikhlas beserta keyakinan dan kebergantungan yang kukuh kepada Allah SWT dapat membantu remaja untuk tidak terjebak dengan salah laku delinkuen. Kajian Shahidah, Shaifah Basirah & Mohd Syukri (2021) juga menyatakan bahawa proses pembentukan hasrat dan niat merupakan salah satu aspek penting dalam motivasi pembangunan diri remaja. Ini kerana pembentukan niat yang betul dan ikhlas kerana Allah SWT bukan sahaja dapat membantu remaja memiliki kekuatan dan kesedaran rohani bahkan ia juga membantu remaja membina komitmen, rasa tanggungjawab dan juga kesungguhan pada diri mereka. Kesemua ini akan menjadikan motivasi pembangunan diri remaja lebih kuat dan stabil meskipun terpaksa menempuh apa jua situasi, halangan dan cabaran diri selaras dengan kehendak Islam (Md Noor, 2011; Nur Shahidah et. al., 2021).

Selain itu, turutan kedudukan keutamaan elemen yang ketiga ialah solat sunat, qiamullail, berakhhlak mulia dan tadabbur al-Quran. Kajian Sahlawati et.al. (2017) mengemukakan bahawa pendekatan ibadah dalam membangunkan jati diri remaja adalah penting dengan menekankan kepada ibadah solat dan membaca al-Quran. Kedua-dua ibadah ini merupakan perkara utama dalam membentuk jati diri remaja delinkuen dan seterusnya menjadi pendinding daripada segala kejahanatan dan kemungkaran. Kajian Mardziah, Nik Khatijah & Mohd Ridzuan (2018) yang berpendapat bahawa ibadah qiamullail boleh membantu menguatkan jiwa remaja Muslim menghadapi mehnah dan tribulasi dalam kehidupan semasa secara tidak langsung boleh membangunkan jati diri mereka.

Akhir sekali, baca al-Quran dan uzlah merupakan elemen keempat dalam turutan kedudukan keutamaan. Menurut Nazneen, Nurzatil & Siti Mursyidah (2021) uzlah dierangkan sebagai pengasingan diri secara fizikal daripada masyarakat awam dengan niat ikhlas kerana Allah SWT dan menjauhkan masyarakat daripada niat buruk diri sendiri. Faktor uzlah dilakukan ialah rasa tawaduk kerana kekurangan diri sendiri dan bukan menudung jari kepada orang lain yang dipandang sebagai punca keburukan diri. Selain itu, uzlah juga boleh dilakukan dalam bentuk pengasingan rohani dan menjauhkan diri daripada perilaku tercela. Dengan erti kata, walaupun seseorang itu hidup bergaul dalam masyarakat, tetapi hatinya tetap mengingati Allah SWT. Secara tidak langsung, orang yang melazimi kehidupan begini cenderung untuk mengurangkan pergaulannya dengan masyarakat. Dia lebih memilih untuk menyendiri dan berdiam diri melainkan jika terdapat hajat yang memerlukannya keluar bertemu masyarakat. Antara tatacara beruzlah adalah melengkapkan diri dengan akidah tauhid agar tidak diperdaya oleh syaitan.

Rajah 1 di bawah menunjukkan hubungan kuasa memandu (*driving power*) dan kuasa pergantungan (*dependence power*) terhadap elemen pembangunan hati dan jiwa.

Dalam Rajah 1 ini jelas menunjukkan bahawa sub elemen *mandi taubat*, *muhasabah*, *taubat*, *solat fardhu*, *puasa wajib*, *puasa sunat*, *banyakkan berzikir*, *amalan sunnah nabi*, *menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam taat dan maksiat*, *menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam musibah dan nikmat*, *amalan ayat syifa' /ruqyah*, *banyakkan berdoa dan faham sirah Rasulullah SAW* menjadi sub elemen paling utama yang seharusnya diberi perhatian dan diutamakan oleh pengusaha, pengetua dan guru-guru dan ia berakhir dengan sub elemen *uzlah (diasingkan)* dan *membaca al-quran*. Turutan adalah berasaskan kedudukan (*ranking*) panel pakar dengan menggunakan Fuzzy Delphi (FDM).



Rajah 1: Digraf Model Pembangunan Hati dan Jiwa

## Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa elemen pembangunan hati dan jiwa remaja delinkuen dalam mendepani era globalisasi menurut Al-Ghazali ialah memerlukan penekanan kepada pupukan niat ikhlas, mandi taubat, uzlah (diasingkan), muhasabah, taubat, solat fardhu, solat sunat, membaca al-Quran, pelaksanaan puasa wajib, pelaksanaan puasa sunat, qiamullail, banyakkan berzikir, amalan sunnah nabi, berakh�ak mulia, menyedari kuasa dan kehendak Allah SWT dalam musibah dan nikmat, amalan ayat syifa' /ruqyah, banyakkan berdoa, tadabbur al-Quran dan faham sirah rasulullah SAW. Hasil kajian ini dapat membantu pihak pelaksana dalam memberi bimbingan kepada golongan remaja delinkuen bagi memulih dan membangunkan semula jati diri mereka agar memperoleh kehidupan yang sejahtera, diredhai dan diberkati oleh Allah SWT.

## Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk ‘Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam’.

## Rujukan

- Ab Aziz Yusof & Mutiara Dwi Sari. (2017). Pembangunan Modal Insan daripada Perspektif Islam: Impak kepada Pengurus. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 2, Issue 1, 40-52.
- Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Husin. (2017). Cabaran Pendidikan Islam di Era Media Sosial. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, Vol. 1, No. 2, 37-43.
- Abdul Mukti Baharudin. (2018). Peranan Akal Dalam Mengenali Allah SWT: Kajian Terhadap Surah Al-Nahl. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2018 (THIQAH 2018)* (pp. 235-248). ILIM, Bangi, Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- al-Ghazali, Abdul Hamid Muhammad. (1988). *Minhaj al-'Arifin*. Kaherah: Matba'ah al-Babi al- Halabi wa Awladih.
- Al-Qurtubi. (2008). *Tafsir Al-Qurtubi*. Jakarta, Indonesia : Pustaka Azzam.
- Aminudin Mansor. (2012). *Akal Budi Melayu Dalam Pantun dan Sajak*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dasman Yahya Ma'ali & Hidayatullah Ismail. (2010). *Tawjihat al-nabawiyyat (Muslim ideal dalam perspektif Sunnah)*. Pekanbaru: Susqa Press.
- Fariza Md Sham & Azzyzati Mohd Nazim. (2015). Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, Vol. 7 (2), 63-73.
- Fuadi. (2013). Peran Akal Menurut Pandangan Al-Ghazali. *Jurnal Substantia* Vol. 15, No. 1, 81-90.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17 (9), 75-89.
- Ibnu Katsir . (1994). *Tafsir Ibnu Katsir* . Mesir: Muassasah Daar al-Hilal Cairo.
- Jasmi, K.A., Mustari, M.I. & Chik, N.A.B. . (2017). *Membina Remaja Cemerlang Dengan Kerohanian*. Retrieved from Remaja Hebat Siri 1: Dasar Remaja Hebat: Kamarul\_Azmi\_Jasmi/publication/317209757\_Membina\_Remaja\_Cemerlang\_dengan\_Kerohanian/links/593b6353aca272c4d93b04c7/Membina-Remaja-Cemerlang-denganKerohanian.pdf.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Muhammad Saifullah Mamat, Khairulnazrin Nasir & Rahim KZ. (2019). Kaedah Pendidikan Anak-Anak menurut Abdullah Nasih Ulwan dalam Membentuk Jati Diri: Suatu Analisis. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-4 (PASAK 4 2019)*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Khairani Omar et. al. . (2010). Adolescent Pregnancy Outcomes and Risk Factors in Malaysia. *International Journal of Gynecology and Obstetrics*, 111, 220-223.
- Mardziah Kamarudin, Nik Khatijah Nik Mustaffa & Mohd Ridzuan Abdul Rahman. (2018). Kerangka Pembangunan Modal Insan Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Menurut Perspektif Islam. *Journal Of Technical And Vocational Education*. Volume 1, 110-120.
- Mohamad Faisal Mohammad & Mohd Zaki Ishak. (2014). Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga*

- (SKIK2014) (pp. 1-10). Universiti Malaysia Sabah, Sabah: Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS.
- Mohd Aderi Che Noh & Asmawati Suhid, Z.A.R. (2018). Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Islam Dalam Mendepani Globalisasi. *International Seminar On Islamic Education*. Ponogoro.
- Mohd Faeez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi. (2011). Peranan pendidikan islam dalam pembangunan modal insan kelas pertama . *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil . (2016). *Pembangunan Model Kurikulum Latihan SkiVes Bagi Program Pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan Kerja*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Amin. (2018). Kedudukan Akal Dalam Islam . *TARBAWI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, Vol. 3, No. 1, 80-92.
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin. (2021). Pembangunan akhlak menurut karya ulama silam: tumpuan terhadap Al-Risāla Al-Qushayriyya. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, Volume 6, No. 1, 628-639.
- Nooraini Othman . (2008). *The development and validation of the ummatic personality inventory*. International Islamic University Malaysia.
- Nor Azaruddin Husni Nuruddin. (2017). Cabaran Media Sosial Dalam Menangani Fahaman Penyelewangan dan Melampau. In *Fiqh Tabayyun: Mendepani Cabaran dan Fitnah Media Sosial*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Nur Anis Abdullah, R.E.& A.Y. (2018). Pembinaan Modul Pemantapan Sahsiah Ulul Albab bagi Pelajar Islam. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1), 8-20.
- Nur Shahidah Paad, Sharifah Basirah Syed Muhsin & Mohd Syukri Zainal Abidin. (2021). Implementasi Psikospiritual Islam Dalam Pembentukan Model Motivasi Pembangunan Diri Remaja. *Afkar Vol. 23 Issue 2* , 405-444.
- Nurul Dwi Tsoraya, Ika Ainun Khasanah, Masduki Asbari & Agus Purwanto. (2023). Pentingnya Pendidikan Karakter Terhadap Moralitas Pelajar di Lingkungan Masyarakat Era Digital . *Literaksi: Jurnal Manajemen Pendidikan*, 7-12.
- Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohamad Jodi. (2020). Program Pemulihian Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol. 7, Issue 2, 219-234.
- Rahmah Iberahim, A., Mahamod, Z. & Muna Ruzanna Wan Mohamad, W. . (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 7(2), 2180-4842.
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 8, No. 2, 83-99.
- Sahlawati Abu Bakar , Nurzatil Ismah Azizan , Nazneen Ismail , Zanariah Dimon . (2017). Kaedah Al-Quran dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam*, Vol. 10, Isu 1, 57-77.
- Said Hawwa. (2010). *Tarbiyah Ruhiyah: Konsep Pembersihan Hati Aktivitas Dakwah* . Jawa Tengah: Aulia Pustaka.
- Shahidan Shafie & Ying-Leh Ling. (2017). Pembentukan Sahsiah Berkualiti Melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam: Satu Kajian Korelasi Di Politeknik. *National Conference on Thinking Culture (ICTC) 2017*. Kota Samarahan, Sarawak: 1-9.
- Siti Masliah Mohd Nuri et. al . . (2016). Akal Budi. *Jurnal Reflektika*, Vol. 11, No. 11, 91-105.
- Syamila Syamim Mohd Yatim & Che Zarrina Sa'ari. (2020). Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian dalam Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. *Bitara International Journal Of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1),, 130-144.

- Wan Abdul Fattah Wan Ismail et. al. (2021). Tinjauan Awal Terhadap Punca-Punca Yang Menyebabkan Remaja Islam Di Malaysia Terlanjur. *International Convention on The Basic Structure of Constitution 2021 (ICOBAC2021)*, (pp. 212-222).
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail et. al. (2022). Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remajamuslim Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, Vol. 26, No. 2, 48-61.
- Wan Haslinawati Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. (2020). Pendidikan Kerohanian Untuk Membina Kemampanan Identiti Remaja Muslim. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*. 482-292: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor .

# **BAHAGIAN II**

## **ISU DAN CABARAN**

### **DAKWAH**

## **BAB 7**

### **KOMPONEN KEPIMPINAN DIMENSI AL-AQL DARI PERSPEKTIF KEPIMPINAN ISLAM.**

*Halim Mokhtar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra,  
Zulkefli Aini, Abdul Haiy Mahmod & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin.*

#### **Pengenalan**

Sumber pimpinan Islam ialah al-Quran dan al-Sunnah. Pemimpin Islam hendaklah mengetahui, memahami dan mengamalkan segala dasar ajaran Islam pada setiap masa dan tempat. Rujukan utama kepimpinan Islam ialah ayat 58 - 59, Surah al-Nisā' yang menjadi asas kepada seluruh sistem *al-dīn*, kebudayaan dan siasah Islam serta merupakan kaedah pertama di dalam perlembagaan *daulah Islāmiyyah*. Ayat ini menggariskan empat perkara utama yang perlu diberi keutamaan dalam usaha menunaikan amanah kepimpinan, iaitu:

1. Allah sebagai kemuncak pimpinan yang wajib ditaati.
2. Kesetiaan dan ketaatan kepada Rasulullah SAW sebagai jalan untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah.
3. Ketaatan dan kesetiaan para muslimin kepada *ulil 'amrī*, iaitu orang yang telah diberikan kekuasaan untuk memimpin masyarakat.
4. Mengiktiraf al-Quran dan al-Sunnah sebagai perundangan utama masyarakat Islam, sekaligus menjadikannya sebagai sumber rujukan untuk menyelesaikan segala persengketaan.

Menurut Abdul, Omar (t.t), Islam menganggap kepimpinan (*imrah*) adalah taklif atau bebanan tanggungjawab dan bukan satu tasyrif atau satu keistimewaan. Pemimpin diibaratkan sebagai “pengembala” yang akan diminta tanggungjawab atas gembalaannya (Hadis Rasulullah SAW diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim). Kepimpinan atau pemerintahan dalam Islam adalah alat dan bukan sebagai tujuan. Pemimpin perlu dipimpin oleh ilmu, iman dan amal untuk menjadikan kepimpinannya sebagai alat yang aktif serta dapat merealisasikan tujuan yang hendak dicapai, iaitu membela agama dan mengurus dunia. Lantaran itu, Islam menempatkan kepimpinan ditempat yang tinggi, sebagaimana sabda Rasulullah SAW di dalam hadis riwayat Ahmad :

حَدَّثَنَا فُضِيلٌ عَنْ عَطِيَّةَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أَحَبَّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَفْرَجُهُمْ مِنْهُ بَجْلِسَةً إِمَامٍ عَادِلٍ وَإِنَّ أَبْعَضَ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَشَدَّهُ عَذَابًا إِمَامٌ جَائِزٌ

Maksudnya :

“Makhluk yang paling dicintai Allah adalah imam yang adil, dan yang paling dibenci Allah adalah imam yang zalim”

Syarat-syarat pemilihan pemimpin yang disepakati oleh ulama, termasuk al-Māwardī (1993) yang merupakan pengarang kitab “*Al-Ahkām al-Sultānyyiyah*”, antaranya ialah:

- a. Muslim akil baligh dan lelaki. Kanak-kanak yang belum dewasa tidak boleh dijadikan ketua. Syarat lelaki ini didasarkan kepada sekatan atau halangan yang terdapat pada seorang wanita dalam pergaulan (seperti menjaga aurat selain keadaan fizikalnya). Tidak praktikal jika perempuan menjadi ketua negara atau jawatan yang sepertinya.
- b. Adil dalam melaksanakan hak-hak Allah SWT, tidak menyalahi kitab Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW. Pemimpin perlu bertakwa dan ikhlas, tidak meninggalkan solat dan kewajipan menunaikan zakat, puasa dan mengerjakan haji serta berupaya menjamin hak-hak manusia di bawah jagaannya dengan meliputi perkara-perkara agama, akal, keturunan, nyawa, harta dan kehormatan.
- c. Berilmu iaitu menguasai dan mengamalkan ilmu-ilmu fardu ain khususnya yang berkaitan dengan akidah, syariah dan sistem akhlak Islam. Malahan juga perlu menguasai ilmu-ilmu fardu kifayah sekaligus melaksanakan *amar ma 'rūf nahī munkar*. Ini bermakna pemimpin mesti banyak membaca dan bahan-bahan bacaannya harus sesuai dengan perubahan perekitaran dan peredaran masa supaya sentiasa proaktif menangani kepimpinan pasukan atau jemaah.
- d. Mempunyai kemampuan dalam menyelesaikan masalah berteraskan ilmu, hikmah, kebijaksanaan dan kaedah yang sesuai dengan masalah yang dihadapi.
- e. Beradab mengikut akhlak Islam, supaya mampu menjadi contoh teladan (*qudwah*) untuk diikuti oleh orang yang dipimpin. Pemimpin perlu melaksanakan setiap yang diperkatakan, mempunyai sifat-sifat mahmudah seperti takwa, jujur, ikhlas, merendah diri, pemaaf, tetap pendirian (*istiqamah*) dan seumpamanya. Sentiasa memastikan kebersihan jiwa dan rohani dengan sentiasa menyelidik dan memeriksa segala keaiban dan kelebihannya sendiri lalu memperbaikinya. Selain itu, seorang pemimpin perlu sentiasa menyemai sifat amanah terhadap tanggungjawab yang dipikulnya bahkan berkeyakinan untuk mampu melaksanakannya.
- f. Sempurna pancaindera dan sihat tubuh badan. Keperluan kesempurnaan dan kesihatan fizikal tubuh badan sama pentingnya dengan aspek-aspek keilmuan dan kerohanian (al-Māwardī, 1993).

Berdasarkan syarat-syarat yang disenaraikan oleh al-Māwardī, jelas memperlihatkan bahawa elemen berilmu dan bijaksana sangat penting kepada seseorang pemimpin kerana ianya sangat penting ketika berhadapan dengan perkara-perkara yang melibatkan isu kenegaraan, ketenteraan, ekonomi dan lain-lain. Pucuk pangkal kepada ilmu dan bijaksana adalah akal manusia itu sendiri. Justeru, artikel ini akan membahaskan mengenai akal dan dimensi yang dibawa oleh akal dalam platform kepimpinan Islam.

### **Akal Menurut Islam**

Menurut kamus arab, kalimah ‘*aqala* bermaksud “mengikat” dan “menahan”. Perkataan ‘*iqal* pula bermaksud tali pengikat serban yang berwarna hitam dan berwarna emas. Perkataan ‘*iqtqala* pula membawa maksud menahan orang di dalam pen'ara dan mu'taqal tempat tahanan (Shidqi, 1989). *Al-'aql* juga diertikan sebagai *al-nuha* iaitu kebijaksanaan, manakala perkataan lawannya adalah lemah fikiran. Selain itu, *al-'aql* juga membawa maksud *al-qalb* (hati) dan juga memberi maksud memahami (Manzur, 1958).

Islam telah menetapkan akal manusia mempunyai kedudukan yang sangat mulia. Walaupun begitu, ia tidak bermakna akal diberi kebebasan tanpa had sempadan. Islam mempunyai peraturan untuk meletakkan munasabah akal sebagaimana yang sepatutnya. Malah akal fikiran akan sentiasa mengikut syariat Allah SWT dalam setiap keadaan (Amin, 2018). Islam amat menekankan tentang bagaimana manusia harus menggunakan akal dalam meneruskan kelangsungan hidup di dunia ini. Segala tindak

tanduk manusia hendaklah dipandu oleh akal yang dinaungi oleh al-Quran dan as-Sunnah Rasul-Nya agar amalan mereka tidak tersasar dari jalan yang benar. Firman Allah subhanahu wata'ala dalam al-Quran, Surah al-'Alaq, ayat 1 :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۚ

Maksudnya :

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan (menyebut) nama Rabbmu yang menciptakan (sekalian makhluk)."

Di samping itu, Allah SWT menganjurkan manusia agar menggunakan akal untuk memikirkan kebesaran dan kekuasaan Allah melalui seluruh ciptaannya dan kejadian alam. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 164 :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفَلَكِ الَّتِي تَحْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَحَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَأَيْتَ لِقَوْمٍ يَعْقُلُونَ

١٦٤

164. Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering) -nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; Sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

Menurut al-Edrus (1993), banyak lafaz dari al-Quran dan hadis berkait anjuran supaya manusia menggunakan akalnya, ini sekali gus memberi gambaran tentang pentingnya menggunakan akal untuk berfikir. Akal merupakan anugerah terbesar yang diberikan oleh Allah SWT kepada umat manusia dan dengan akallah mereka dapat membezakan baik dan buruk serta dapat menuntun mereka untuk hidup bermartabat. Menurut Muhammad 'Abduh, manusia diberikan pelbagai jenis hidayah oleh Allah SWT yang meliputi:

- a. Hidayah Naluri
- b. Hidayah Indera dan Perasaan
- c. Hidayah Akal
- d. Hidayah Agama
- e. Hidayah Taufiq ('Inayah)

Satu di antara lima hidayah tersebut telah dinyatakan adanya hidayah akal. Oleh itu, Muhammad 'Abduh menyatakan bahawa akal merupakan hidayah dari Allah SWT dan ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah ali-Imran ayat 190-191:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَأَيْتَ لِأَولِي الْأَلْبَابِ ۖ ۱۹۰ ۗ يَذَكُّرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بُطْلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۖ ۱۹۱ ۗ

190. Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal;

191. (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka.

Dari dua ayat di atas, jelas bahawa orang-orang yang berakal akan sentiasa menjadi hamba-hamba yang soleh. Mereka sentiasa berfikir tentang alam semesta untuk menyingkap rahsia ilahi di dalamnya. Orang-orang yang berakal sentiasa akan terus berfikir tentang Allah baik ketika berjalan maupun ketika melakukan aktiviti hariannya. Malah istilah akal ini boleh didefinisikan sebagai renungan atau pertimbangan yang terperinci. Dari perspektif al-Quran terdapat tiga aspek utama istilah akal, iaitu:

a.*Fikr fī al-Khalāq*

Iaitu merenung ciptaan Allah SWT atau yang lebih hampir kepada *fikr fī al-Asmā'*, iaitu merenung nama-nama Allah SWT, ini kerana setiap sesuatu yang diciptakan Allah merupakan cerminan akan salah satu daripada nama-namaNya dan sifat-sifatNya.

b.*Fikr fī al-Āyāt*

Iaitu merenung tanda-tanda kebesaran Allah SWT seperti hujan, angin, struktur langit dan bumi, pergantian malam dan siang, dan sebagainya yang mana semua itu adalah tanda-tanda kebesaran dan kebijaksanaan Allah SWT.

c.*Fikr al-Nafs*

Iaitu merenung diri sendiri sebagai seorang manusia. Perkara ini dianggap sebagai aspek yang paling penting kerana manusia menjadi sampel dalam perhubungan konsep *al-Fikr*. Al-Quran telah berulang-ulang kali meminta manusia untuk merenung dan berfikir tentang ciptaan Allah SWT di dalam dunia ini dan ciptaan yang paling hampir sebenarnya adalah manusia itu sendiri. Ringkasnya, akal menurut Islam ialah akal yang memelihara jiwa, memahami hakikat, membezakan beberapa perkara, mengimbangi beberapa perselisihan pendapat, memerhati, berfikir dan menjaga ingatan dan penceritaan (Sayeh, 1991).

Penggunaan istilah akal di dalam al-Quran boleh difahami berdasarkan 10 konteks lafaz yang membawa kepada dimensi definisi yang sama, iaitu: (Najmudin, 2011)

- i.Kata *ya-qilūn*, maksudnya mereka yang berakal
- ii.Kata *yatafakkarūn*, maksudnya mereka yang berfikir
- iii.Kata *yatadabbarūn*, maksudnya mereka yang mempelajari
- iv.Kata *yarawna*, maksudnya mereka yang memberi perhatian
- v.Kata *yanzurūn*, maksudnya mereka yang memperhatikan
- vi.Kata *yabhathūn*, maksudnya mereka yang membahas
- vii.Kata *yadhkurūn*, maksudnya mereka yang mengingat
- viii.Kata *yata‘ammalūn*, maksudnya yang menginginkannya
- ix.Kata *yalamīna*, maksudnya mereka yang mengetahuinya
- x.Kata *yudrikīna*, maksudnya mereka yang mengerti
- xi.Kata *yarifūna*, maksudnya mereka yang mengenalnya
- xii.Kata *yaqra‘ūna*, maksudnya mereka yang membaca

Berdasarkan lafaz-lafaz di atas, ia menunjukkan bahawa Allah SWT sangat menggalakkan hambanya untuk berfikir, merenung, memahami, meneliti dan seumpamanya dalam matlamat untuk mengenali kebesaran dan kekuasaan Allah, lantas mengakui segala sifat dan zat kebesaranNya.

## Dimensi Akal Dalam Kepimpinan Islam

Setiap manusia memiliki akal dalam meneruskan kehidupan dalam konteks yang pelbagai. Dakwaan yang mengatakan bahawa manusia hidup di zaman batu seolah-olah telah merendahkan keadaan Nabi Adam AS, kerana mana mungkin manusia pertama yang Allah SWT turunkan ke atas bumi jahil tanpa ada ilmu, melainkan Allah jualah yang memberikan ilmu dalam mentadbir kehidupan sehari-hari dan sunnah Allah ini diteruskan dari satu generasi kepada generasi nabi yang lain hingga Rasulullah SAW menjadi penutup para Nabi. Wahyulah yang menjadi sumber utama ilmu para nabi dan rasul dalam hal-hal melibatkan keduniaan dan akhirat, dan dari wahyulah lahir cabang-cabang ilmu yang lain seperti mana yang dinukilkhan oleh al-Ghazali (2005) dalam kitabnya “*Jawāhir al-Qur’ān*” yang menjadi pelopor kepada cabang ilmu baru, iaitu *tafsīr al-Ijāz al-‘Ilmī* (*Tafsir Mukjizat saintifik*).

Dimensi akal pada konteks kepimpinan Islam merupakan persepaduan dari dimensi *al-qalb* dalam membentuk komponen kepimpinan Islam yang terbaik. Justeru itu, kajian telah mengumpulkan beberapa teori dari ulama-ulama pemikir Islam berkaitan konsep akal:

**Jadual 1: Elemen akal menurut ulama**

Pengkarya	Elemen
Imam Ghazali (2005)	<p>Empat tingkatan akal:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akal bererti kecerdasan, dimiliki oleh setiap manusia, yang membezakannya dengan haiwan-haiwan dan makhluk yang lainnya. Akal inilah yang dibawa oleh manusia semenjak lahir sebagai modal pokok hidup. Sebagaimana hubungan antara mata dan penglihatan atas apa saja yang disinarinya. Akal berfungsi sebagai memantulkan dan menyebarkan ilmu.</li> <li>• Akal bererti pengertian, yang tumbuh pada manusia setelah akalnya yang pertama mulai berjalan, dan berkembang semenjak dari kecilnya, terus meningkat naik pada usia muda, menjadi dewasa dan selanjutnya. Akal inilah yang telah mengerti akan benar dan salah, buruk dan baik, tercela dan menurut pengertian yang bias.</li> <li>• Akal berarti pengetahuan, yang timbul pengajaran dan pengalaman, yang telah menpelajari sesuatu dengan saksama. Akal inilah yang telah melahirkan ilmu pengetahuan yang begitu banyaknya, begitu tingginya dan begitu luasnya. Di dalam segala bidang, baik lapangan alam dan pengalaman, ia melahirkan ilmu-ilmu yang dinamakan “<i>natural sciences</i>”, mahupun di lapangan masyarakat, ia melahirkan ilmu-ilmu yang dinamakan <i>social sciences</i>.</li> <li>• Akal berarti <i>ma’rifah</i>, yang merupakan puncak dari segala tingkat akal, iaitu keinsafan rohani manusia yang menyadari akibat-akibat sesuatu, dan membawanya kepada keluhuran budi akhlak, serta memimpinnya kepada Tuhan Yang Maha Esa.</li> </ul>
Ibn Khaldun (1962)	<p>Jiwa manusia terbahagi kepada tiga jenis:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dengan tabiatnya, mampu mencapai ilmu pengetahuan, jiwa ini menggunakan pancaindera sebagai laluan untuk</li> </ul>

	<p>mendapatkan ilmu. Menurut Ibn Khaldun, akal mengenali setiap perkara menggunakan setiap pancaindera yang lima.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jiwa ini dapat menggarap ilmu pengetahuan secara rohani tanpa menggunakan alat-alat deria. Ini berdasarkan persediaan yang dikurniakan Allah kepada seseorang yang membolehkan manusia mencapai ilmu tanpa perantaraan pancaindera.</li> <li>• Berkait dengan cara Nabi mencapai <i>ma'rifah</i> atau ilmu yang dikenali sebagai wahyu. Ibn Khaldun menegaskan wahyu juga merupakan suatu sumber ilmu yang menjadi pedoman yang amat penting dalam kehidupan manusia.</li> </ul> <p>Peranan akal ada tiga tahap:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akal <i>tamyīzī</i> (pembeza). Berperanan mengenal pasti makna-makna yang didapati melalui pancaindera dengan cara menggambarkan segala perkara di luar. Dengan menggunakan akal <i>tamyīzī</i> manusia mampu menerokai kehidupannya dan menjauhi mara bahaya.</li> <li>• Akal <i>tajrībī</i> (eksperimen). Berperanan untuk mengenal pasti “hubungan”. Ianya adalah <i>taṣdiqāt</i> yang diperolehi daripada pengalaman-pengalaman lampau.</li> <li>• Akal <i>nazārī</i> (teori). Berperanan untuk menghasilkan keyakinan dan tanggapan serta mengandungi andaian, <i>taṣawwur</i> dan <i>taṣdīq</i>. Akal ini menggumpulkan antara imaginasi dan pembedaran. Ibn Khaldun menjelaskan kemuncak faedah akal ialah membayangkan setiap yang wujud itu berdasarkan keadaannya yang mencakupu seluruh jenis, fasal, sebab dan puncanya. Hakikat sesuatu itu akan lengkap dengan adanya penelitian terhadap perkara tadi.</li> </ul>
Haji Abdul Malik Karim Amrullah (2018)	<p>Keutamaan akal budi (al-Ghazali: Hamka):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sempurna akal dengan ilmu.</li> <li>• <i>Iffah</i> iaitu dapat menjaga kehormatan diri, kesempurnaananya adalah <i>wara<sup>c</sup></i> yang bermaksud tidak peduli kepada pujuhan manusia dan keduniaan.</li> <li>• <i>Shajā'ah</i> iaitu berani kerana benar dan takut kerana salah. Kesempurnaan <i>shajā'ah</i> ialah dengan jihad.</li> <li>• <i>Al-'adl</i> iaitu keadilan. Kesempurnaananya <i>al-'adl</i> ialah dengan keinsafan dan rasa tanggungjawab.</li> </ul>
Sa'īd Hawwa (1979)	<p>Domain akal:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Al-'aql al-taklīf</i> (hak dan tanggungjawab yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada setiap manusia dan mereka akan dipertanggungjawabkan atas apa yang telah mereka lakukan sepanjang kehidupan mereka di dunia ini).</li> <li>• <i>Al-'aql al-sharī'ah</i> (kemampuan seseorang untuk mengawal nafsu untuk mentaati Allah SWT, kefahaman dan patuh kepada segala titah perintah-Nya).</li> </ul>

**Rujukan:** Pemerhatian terhadap kajian-kajian lepas

HAMKA (1973) telah mencadangkan empat sifat yang perlu dimiliki oleh pemimpin bertujuan untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang akan ditempuh oleh para pemimpin agar mereka berjaya dalam pimpinan mereka, sifat-sifat tersebut adalah seperti berikut:

*i. Amanah*

Makna amanah untuk pemimpin lebih tinggi daripada makna amanah orang biasa, oleh yang demikian, para pemimpin janganlah membelanjakan harta awam untuk kepentingan diri sendiri, pemimpin juga dilarang mengkhianati kawan-kawannya. Mereka wajib jujur, ikhlas, tidak terlalu banyak menabur janji yang tidak dapat dipenuhi serta mereka hendaklah berusaha bersungguh-sungguh. Mereka bukanlah seorang yang jujur jika keadaan yang sebenarnya disembunyikan kepada pengikutnya. Kejujuran seorang pemimpin terletak pada keberaniannya dalam meninjau kembali pendirian yang akan berubah kerana perubahan waktu atau tempat (HAMKA, 1973).

*ii. Berani*

Sifat berani amat penting pada saat-saat genting, sebaliknya keraguan adalah permulaan kepada kekalahan. Para pemimpin hendaklah mempunyai sifat berani berterus terang untuk meluruskan kembali pendapat umum yang salah dan menyeleweng, walaupun mereka akan marah atau murka terhadap tindakan pemimpin tersebut.

*iii. Bijaksana*

Bijaksana ialah pandangan jauh menampakkan sesuatu yang belum jelas kelihatan oleh orang lain. Para pemimpin wajib mempunyai sifat bijaksana tersebut kerana sesbuah negara banyak memeterai perjanjian dengan negara-negara luar. Kebijaksanaan pemimpin diukur bukan sahaja dalam menjalankan tugas-tugas dalam negara, malah ia merangkumi hal-hal luar negara. Pemimpin yang bijaksana disebabkan banyak pengalaman adalah amat penting dan pemimpin yang bijaksana dapat mengukur kekuatannya.

*iv. Timbangrasa*

Para pemimpin hendaklah mempunyai sikap timbangrasa atau setia kawan, iaitu keteguhan hubungan pemimpin dengan rakyat terutamanya dengan rakan-rakan mereka yang terdekat. Para pemimpin sejati merasai apa yang dirasai oleh rakyat rakyatnya, menyelami apa yang dideritai oleh rakyat jelata dan hati mereka sentiasa terbuka menerima rakyat (HAMKA, 1973).

Berdasarkan kajian empat sifat tersebut memerlukan akal sebagai asas kepada pembinaan sifat dan karakter diri, malah akallah yang menentukan baik buruk seseorang sama ada akal berjaya menundukkan nafsu atau nafsu yang berkuasa ke atas akal, maka itulah yang menjadi timbang tara seorang pemimpin dalam dimensi akal. Justeri itu, berikut adalah elemen-elemen penting yang menjadi konstruk kepada kompenen akal dalam kepimpinan Islam:

**Rajah 1:** Elemen-elemen akal dalam kepimpinan Islam

**Rujukan:** Rumusan berdasarkan dapatan di dalam jadual 1

Imam al-Ghazali (Abu Hammid al-Ghazali 1870) secara jelasnya berpendapat bahawa:

*“Maslahah (kepentingan umum) adalah perlindungan dari tujuan syariah yang terdiri dari lima nilai: pemeliharaan agama, kehidupan, akal, keturunan dan kekayaan. Apa yang menjamin perlindungan dari lima nilai ini adalah maslahah (kepentingan umum),*

*dan apa sahaja yang menyebabkannya hilang adalah dianggap mafsadah (kerosakan), dan pencegahan serta penghapusannya adalah maslahah.”*

Konsep *Maqāṣid al-Shari‘ah* (*Hifz al-‘Aql*) adalah untuk mencegah kerosakan daripada menimpa minda manusia kerana kerosakan yang menimpa minda manusia membawa rasuah yang besar, dalam bentuk kehilangan kendali atas tindakan mereka (Mohamed El-Tahir, 2018). Minda inilah yang membentuk kesempurnaan ilmu yang menjadi tonggak kemajuan sesebuah negara. Tanpa ilmu yang benar, maka negara tersebut bakal mengalami kemerosotan dan kehancuran yang sukar untuk diperbaik dan diperbetul pada masa yang akan datang. Oleh hal yang demikian, Islam amat menitikberatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pemeliharaan *Maqāṣid al-Shari‘ah* (*Hifz al-‘Aql*), agar kesinambungan tamadun sesebuah negara dapat dipertahankan serta dipelihara secara tersusun (Saad & Rajamanickam, 2021).

## Rumusan

Kesimpulannya, akal merupakan komponen penting dalam diri seseorang pemimpin, kerana akal akan menjadi dasar dan asas kepada sesebuah keputusan. Sama ada ianya adalah kemahuan berlandaskan nafsu atau hikmah berlandaskan ilmu dan akal manusia. Justeru itu, tema akal sangat berkait rapat dengan ilmu falsafah yang mana ilmu ini menerokai segala bidang ilmu dunia pada prinsip logik akal manusia dalam memahami sesuatu perkara. Oleh itu, wahyu dan akal saling memerlukan bagi menjayakan segala panduan yang terdapat di dalam al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah berjaya mengenalpasti 10 elemen penting dalam komponen dimensi akal dari sudut perspektif Islam. Elemen-elemen ini dapat diperhalusi bagi mencari secara terperinci prinsip-prinsip bagi setiap pembangunan elemen tersebut dalam mencari hala tuju dan kesinambungan di antara dimensi akal dan kepimpinan Islam.

## Rujukan

- Abdul, O. (t.t). *Pemimpin dan Kepimpinan Menurut Perspektif Islam*. Melaka : Jabatan Pendidikan: Maktab Perguruan Perempuan Melayu.
- Amin, M. (2018). Kedudukan Akal dalam Islam. *Tarbawi: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 3(01), 79-92.
- Al-Ghazzālī, A. H. (1870). *Al-Mustaṣfā min ‘Ilm al-Usūl*. Vol. 1. Baghdad: Matba’at Muthanna.
- Al-Ghazzālī (2005). *Jawāhir al-Qur’ān wa Duroruhu*. Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah.
- Al-Edrus, S. M. (1993). *Epistemologi Islam, Teori ilmu dalam al-Quran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Māwardī, A. H. A. (1993). *Al-Ahkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah* (Hukum-hukum Pemerintah dan kekuasaan Agama). Diterjemahkan oleh Uthman Haji Khalid. Kuala Lumpur: Institut pengajian Tradisional Islam.
- El-Mesawi, M. E. (2018). *Maqasid AlSyariah: Explorations and Implications*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- HAMKA. (1973). *Pemimpin dan Pimpinan*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru & Pustaka Budaya Agensi.
- Ibn Manzur, M. I. M. (1958). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Sadir. Jilid 46, hal 458.
- Ibn Khaldun, A. A. A. W. (1962). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Kaherah, Juz 2 Tahqiq, hlm 516-517.
- Muhammad, A. H. M. (2005). *Al-Ghazali: Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn. Tahqiq: Muhammad Sa’id Muhammad*. Kaherah : Dār al-Bayān al-‘Arabī.

- Najmudin (2011). *Kecerdasan Akal Menurut Al-Quran*. Reference at: <http://najmudincianjur.blogspot.com/2011/09/kecerdasan-akalmenurut-Al-Qur'an.html> yang diakses tanggal 12 Januari 2012.
- Saīd Hawwa (1979). *Tarbiyyatuna al-Ruhīyyah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Arabiah.
- Saad, H. M., & Rajamanickam, R. (2021). Maqasid Memelihara Akal (Hifz al-'Aql) dan Hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Islamiyyat*, 43, 93-104.
- Shidqi, N. (1989). *Pembalasan Syurga dan Neraka*. Singapura: Pustaka Nasional. Pte.Ltd, Cet.1, hal 67.

## **BAB 8**

# **MANHAJ ITHBAT ULAMA SALAF DALAM BERINTERAKSI DENGAN SIFAT KHABARIYYAH MENURUT PENJELASAN IMAM ABU AL-HASAN AL-ASH'ARI.**

*Mohd Saiba Yaacob, Syed Hadzrullah Syed Omar & Engku Ibrahim Engku Wok Zin.*

### **Pendahuluan**

Selepas meninggalkan fahaman Muktazilah, Imam Abū al-Hasan al-Ash'ari (Imam al-Ash'ari) telah menghasilkan beberapa buah karya untuk menjelaskan manhaj yang sahih dalam berinteraksi dengan Sifat *Khabāriyyah* iaitu kitab *al-Ibānah*, *Maqālāt al-Islamiyyīn*, *al-Luma`*, *Istihsān al-Khawdī `Ilm al-Kalām* dan *Risālah ilā Ahl al-Thaghr*. Daripada lima buah karya tersebut, para sarjana Islam telah berbeza pendapat dalam menentukan karya Imam al-Ash'ari yang terakhir sama ada kitab *al-Ibānah* ataupun kitab *al-Lumā`* (Al-Mahmud, 1995; Wahab, 2019). Ia sekaligus mempunyai kaitan dengan *ikhtilāf* ulama tentang manhaj terakhir Imam al-Ash'ari sama ada bertunjangkan kepada *Ithbāt* ataupun berpaksikan kepada *Tafwīd* dan *Ta'wīl* (al-Rawi, 2013). Menurut al-Qaraḍāwī (al-'Asri, 2010), percanggahan pendapat tentang isu ini (yang berlaku sejak lebih kurang seribu tahun lalu) masih belum berkesudahan sehingga ke hari ini.

### **Permasalahan Kajian**

Melalui muqaddimah kitab *al-Ibānah* (Al-Ash'ari, 1998; 2010; Ibn 'Asakir, 2017), Imam al-Ash'ari menjelaskan bahawa manhaj akidah beliau adalah berteraskan kepada al-Quran dan hadis serta apa yang telah diriwayatkan daripada para Sahabat RA, tabi'in dan *a'imma* *al-Hadīth*. Merujuk kepada data-data yang terkandung dalam kitab *al-Ibānah*, Imam al-Ash'ari (Ibn 'Asakir, 2017) didapati telah menerima pakai manhaj *Ithbāt* ketika berinteraksi dengan sifat *Khabāriyyah* seperti *istiwā'*, *wajh*, *yad*, *majī*', *ityān*, *nuzūl* dan *qurb*. Justeru, apa yang boleh disimpulkan ialah Imam al-Ash'ari berpendapat bahawa para ulama Salaf telah menerima pakai manhaj *Ithbāt* dalam berinteraksi dengan sifat *Khabāriyyah*.

Permasalahan yang timbul ialah para sarjana Islam terkemudian telah berbeza pendapat dalam memperkatakan tentang manhaj *Ithbāt* yang diterima pakai oleh para ulama Salaf. Menurut Ibn Taymiyyah (2000), manhaj *Ithbāt* yang berkonsepkan *Tafwīd al-Kayfiyyah* merupakan satu-satunya manhaj yang telah disepakati oleh semua ulama Salaf, di mana ia juga merupakan manhaj terakhir Imam Abū al-Hasan al-Ash'ari. Berbeza dengan pendirian Ibn Taymiyyah di atas, al-Qaraḍāwī (2005) pula menjelaskan bahawa manhaj *Ithbāt* yang diterima pakai oleh ulama Salaf adalah berteraskan konsep *al-Ithbāt bi Lā Kayf*. Al-Qaraḍāwī (2005) turut menjelaskan bahawa majoriti ulama Salaf telah menerima pakai manhaj *Tafwīd al-Ma'na* dan sebilangan mereka telah menerima pakai manhaj *takwīl* yang sekaligus bertujuan untuk mengkritik pendapat Ibn Taymiyyah dari pelbagai aspek.

Memandangkan pendapat Ibn Taymiyyah sebagaimana yang dinyatakan di atas telah diperjuangkan oleh sebilangan sarjana Islam terkemudian seperti Ibn al-Qayyim (1988; 2004), 'Abd al-Wahhab (2013), al-Hakami (2017), Harras (2021), al-'Uthaymin (2012;

2013), al-Barak (2006), Omar (2017), Muhammad Noor (2014) dan ramai lagi, maka kajian ini berusaha untuk mengenal pasti konsep *Ithbāt* ulama Salaf dalam berinteraksi dengan sifat *Khabāriyyah* menurut penjelasan Imam al-Ash`ari dalam kitab *al-Ibānah* dan beberapa buah karya beliau yang lain tanpa mengambil kira sama ada ia merupakan manhaj Imam al-Ash`ari yang terawal ataupun yang terakhir. Sebagai pelengkap, kajian ini akan turut membincangkan tentang ciri-ciri manhaj *Ithbāt* ulama Salaf menurut perspektif Imam al-Ash`ari.

### Sorotan Literatur

Sejak beberapa dekad yang lalu, terdapat sebilangan sarjana Islam yang telah membincangkan tentang manhaj Imam al-Ash`ari dalam berinteraksi dengan Sifat *Khabāriyyah*. Kajian Al-Rawi (2013) contohnya menjelaskan bahawa Imam al-Ash`ari merupakan antara ulama terawal yang menerima pakai manhaj *Tafwīd al-Manā* dan manhaj *takwīl*, dan sekali gus memperakuinya sebagai manhaj Salaf yang sahih manakala manhaj *Tafwīd al-Kayfiyyah* pula tidak mempunyai kaitan langsung dengan manhaj Salaf bahkan mempunyai banyak persamaan dengan fahaman ahli *bid'ah al-Karamiyyah*. Kajian Kamarzaman (2019) pula hanya membincangkan tentang kesinambungan yang wujud antara akidah Salaf dan akidah Imam al-Ash`ari dalam mengisbatkan sifat Allah SWT tanpa membincangkan tentang konsep *Ithbāt* yang telah diterima pakai oleh ulama Salaf sama ada berpaksikan *al- Ithbāt bi Lā Kayf* ataupun bertunjangkan *Tafwīd al-Kayfiyyah*.

Manakala kajian Wahab & Hamat (2019) pula membincangkan tentang peranan dan kejayaan Imam al-Ash`ari dalam mempertahankan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* daripada serangan pelbagai aliran yang menyeleweng khasnya Muktazilah, di mana al-Ash`ari telah berjaya membentuk metodologi pendalilan tersendiri dalam perbahasan akidah berdasarkan dalil naqli dan dalil `aqlī. Perbincangan yang sama telah diperincikan oleh Wahab (2019) dalam tesis Ph.D beliau bertajuk, “*Pendalilan Mantiq Al-Ash`ari Dalam Akidah Ketuhanan*” menyimpulkan bahawa legasi pemikiran Imam al-Ash`ari yang kemudiannya diteruskan oleh al-Ghazālī, al-Sanūsī, al-Būtī, Tuan Minal dan para ulama Ashā'irah yang lain telah menyumbang kepada pengukuhan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* di seluruh dunia termasuk di Malaysia.

Setelah menyoroti pelbagai kajian terdahulu termasuk kajian-kajian di atas, kajian tidak menemui perbincangan tentang konsep *Ithbāt* yang diterima pakai oleh ulama Salaf dalam penjelasan Imam al-Ash`ari. Sehubungan dengan itu, kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu untuk mengenal pasti konsep *Ithbāt* ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari dalam kitab *al-Ibānah* dan dalam karya-karya beliau yang lain, dan keduanya untuk mengenal pasti ciri-ciri manhaj *Ithbāt* menurut perspektif Imam al-Ash`ari yang sekali gus mengisyaratkan bahawa itulah ciri-ciri manhaj *Ithbāt* yang diterima pakai oleh keseluruhan ulama Salaf.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kualitatif berdasarkan kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisaan data. Kaedah

pengumpulan data dilakukan dengan merujuk kepada karya-karya Imam al-Ash'ari khasnya kitab *al-Ibānah*, *Maqālāt al-Islamiyyīn* dan *Risālah ilā Ahl al-Thaghr* dan sebilangan karya ulama terkemudian, khasnya dalam kalangan *Ahl al-Hadīth* seperti Imam al-Bayhāqi, Ibn Kathīr dan al-Hāfiẓ Ibn Hajar al-`Asqalāni.

Kaedah penganalisaan data pula merangkumi kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah komparatif. Kaedah induktif digunakan dalam menganalisis data-data yang khusus dan terperinci yang diperolehi daripada karya-karya Imam al-Ash'ari bagi mengenal pasti manhaj *Ithbāt* yang diterima pakai oleh ulama Salaf dalam berinteraksi dengan sifat *Khabāriyyah* seperti *wajh*, *yad* dan *nuzūl*. Kaedah deduktif pula digunakan dalam merumuskan ciri-ciri manhaj Salaf berpandukan kepada data-data yang terkandung dalam karya Imam al-Ash'ari dan karya sebilangan ulama terkemudian. Kaedah komparatif pula digunakan untuk mengenal pasti konsep *al-Ithbāt bi Lā Kayf* berbanding konsep *Tafwīd al-Kayfiyyah* dan beberapa isu yang berkaitan dengan dua konsep *Ithbāt* yang berbeza tersebut.

### Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Berikut merupakan laporan dan perbincangan tentang tiga isu yang dibincangkan berkaitan kajian ini, iaitu:

#### Perbezaan Antara *Tafwīd Al-Kayfiyyah* Dan *Al-Ithbāt Bi Lā Kayf*

Secara umumnya, maksud manhaj *Ithbāt* yang berkonseptan *Tafwīd al-Kayfiyyah* ialah manhaj yang mengisbatkan tentang *kayfiyyat* iaitu bentuk, ciri (Abdul Aziz, 2011), rupa (Muhammad Noor, 2014) dan cara (Omar, 2017) yang tertentu bagi zat dan sifat Allah SWT, namun *kayfiyyat* tersebut hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja (Ibn Taymiyyah, 1993). Justeru itu, *takyīf* ataupun tindakan membincangkan tentang *kayfiyyat* dengan hati atau lisan (al-`Uthaymin, 2013) adalah dilarang sama sekali.

Dari segi istilah, maksud manhaj *Tafwīd al-Kayfiyyah* ialah (Harras, 2021):

وَمِنْ الْإِيمَانِ بِاللَّهِ الْإِيمَانُ بِمَا وَصَفَ بِهِ نَفْسَهُ فِي كِتَابِهِ، وَبِمَا وَصَفَهُ بِهِ رَسُولُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ عَيْرٍ تَحْرِيفٍ وَلَا تَعْطِيلٍ، وَمِنْ عَيْرٍ تَكْيِيفٍ وَلَا تَمْثِيلٍ.

Maksudnya :

*“Dan antara (tuntutan) beriman kepada Allah SWT ialah beriman kepada apa yang Dia (Allah SWT) telah mensifatkan akan Diri-Nya sendiri dalam kitabNya (al-Quran), dan dengan apa yang Rasul-Nya (Nabi Muhammad) SAW telah mensifatkan-Nya tanpa tahrif dan tanpa ta’til, serta tanpa takyif dan tanpa tamthil.”*

Melalui pernyataan di atas, Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa sebahagian daripada tuntutan beriman kepada Allah SWT ialah beriman kepada semua sifat *Khabāriyyah* menurut pengertian hakiki bertunjang kepada empat prinsip, iaitu tanpa *tahrif*

(mengubah lafaz atau mengubah pengertian hakiki dengan cara mentakwilnya dengan *ta'wīl tafsīlī*), tanpa *taṭīl* (menafikan pengertian hakiki dengan cara mentafsīlkan pengertiannya kepada Allah SWT dan kepada Rasulullah SAW), tanpa *takyīf* (menyatakan bentuk dan ciri-ciri sesuatu sifat Allah) dan tanpa *tamthīl* (menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk) (al-Hakami, 2017; ‘Uthaymin, 2012; Harras, 2021).

Dalam memperjuangkan pendapat di atas, Ibn Taymiyyah (t.t.) turut menegaskan bahawa pengertian nas al-Quran dan hadis yang berkaitan sifat *Khabāriyyah* adalah bersifat *muhkamat* dan menerima pakai pengertian hakiki yang selayaknya bagi Allah SWT adalah satu kemestian. Oleh itu, Ibn Taymiyyah (2006) telah mengisbatkan bahawa Allah SWT berada di atas ‘*arash* yang terletak di atas langit ketujuh dan seseorang diharuskan mengisyaratkan ke langit untuk mengisbatkan keberadaan Allah SWT di atas ‘*arash*.

Antara permasalahan yang timbul ialah sekalipun pada zahirnya Ibn Taymiyyah (2006) mengambil sikap untuk tidak mensabitkan dan tidak juga menafikan “tempat” bagi Allah SWT, namun secara tersiratnya beliau lebih cenderung untuk mengibarkan bahawa Allah SWT adalah bertempat di atas ‘*arash*. Sebagai contoh, Ibn Taymiyyah (t.t.) memberi sokongan kepada pandangan sebilangan ulama yang mengatakan bahawa keberadaan Allah SWT di atas ‘*arash* adalah berlaku secara hakiki, iaitu zat-Nya berada di atas zat ‘*arash*. Ibn Taymiyyah (2021) turut bersetuju dengan penjelasan Ibn Zamanin (2013) yang menyatakan bahawa Allah SWT berada di tempat yang sangat jauh sehingga tidak dapat dilihat oleh sesiapa. Selain itu, Ibn Taymiyyah (2001) turut memberi perakuan kepada pernyataan al-Dārimi (2007) yang menjelaskan bahawa Allah SWT yang bersifat *al-Hay al-Qayyūm* akan melakukan apa yang Dia kehendaki, di mana Dia bergerak apabila Dia kehendaki, Dia turun dan Dia naik apabila Dia kehendaki, Dia menggenggam dan membuka (telapak tanganNya serta berdiri) dan duduk apabila Dia kehendaki.

Berbeza dengan konsep *Tafwīd al-Kayfiyyah* menurut penjelasan Ibn Taymiyyah di atas, al-Qaradāwī pula menegaskan bahawa manhaj *Ithbāt* ulama Salaf adalah berkonsepkan *al-Ithbāt bi Lā Kayf* iaitu mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT beserta dengan menafikan kewujudan *kayfiyyat* secara total daripada zat dan Sifat Allah SWT. Dari segi istilah, apa yang dimaksudkan dengan manhaj *Ithbāt* yang berkonsepkan *al-Ithbāt bi Lā Kayf* ialah (al-Qaradāwī, 2005):

إِثْبَاتُ الصِّفَاتِ الْمُتَشَابِهَاتِ عَلَى ظَواهِرِهَا – كَمَا جَاءَتْ – لِلَّهِ تَعَالَى مَعَ نَفْيِ لَوْازِمِهَا الْمَفْهُومَةِ مِنْهَا  
عِنْدَ الْإِطْلَاقِ مِنَ الْجِسْمِيَّةِ أَوِ التَّرْكِيبِ أَوِ التَّحْيُّرِ فِي جِهَةٍ ... إِلَخ.

Maksudnya :

“Mengisbatkan sifat-sifat mutashābihat menurut lafaz-lafaz zahirnya – sebagaimana ia datang (dalam al-Quran dan al-Hadīth al-Sahīh) – bagi Allah Ta`ala beserta menafikan perkara-perkara lazim yang difahami daripadanya (lafaz-lafaz zahir tersebut) ketika digunakan secara itlaq (tanpa sebarang keterangan) seperti berjisim ataupun tersusun

dari bahagian dan anggota ataupun mengambil tempat di sesuatu arah ... dan seterusnya.”

Konsep *al-Ithbāt bi Lā Kayf* menurut penjelasan di atas mengandungi dua prinsip. **Pertama**, menerima pakai pengertian zahir sifat *Khabāriyyah* yang terkandung dalam ayat-ayat yang *shārih* dan hadis-hadis sahih seperti *wajh* (wajah), *yad* (tangan) dan *nuzūl* (turun) tanpa sebarang tafsiran (al-Bayhāqī, t.t.), tanpa tambahan, tanpa *takyīf* (membagaimanakannya), tanpa *tashbīh* (penyamaan dengan sifat-sifat makhluk), tanpa *tahrīf*, tanpa *tabdīl* (penukaran) dan tanpa *taghyīr* (pengubahan) bahkan mereka menerima sebagaimana ia datang (dalam al-Quran dan hadis-hadis sahih) dan dengan mengatakan bahawa takwilannya tidak diketahui kecuali oleh Allah SWT (al-Šābūnī t.t.; al-Maqdīsī, 2002). **Kedua**, menafikan perkara-perkara lazim yang difahami daripada pengertian zahir sifat *Khabāriyyah* seperti bertempat, berjisim, beranggota, turun dari atas ke bawah, naik dari bawah ke atas, *hulūl* dan *ittihād* (al-Ghazālī, 1994; al-Husayni, 2005; al-Husayni, 2012).

Sehubungan dengan itu, majoriti terbesar ulama pelbagai mazhab dan aliran pemikiran telah menafikan kewujudan *kayfiyyat* bagi zat dan sifat Allah SWT. Penafian tersebut difahami daripada penegasan Imam Malik (al-Bayhāqī, t.t.) yang diriwayatkan dengan sanad yang sahih, iaitu (وَالْكِيفُ عَيْنُ مَعْقُولٍ) yang bermaksud, “Dan (kewujudan) *kayfiyyat* (bagi zat dan sifat Allah SWT) adalah mustahil”. Selain itu, Imam Malik turut menegaskan (وَلَا يُفَالَ كَيْفُ، وَكَيْفُ عَنْهُ مَرْفُوعٌ) yang bermaksud, “Dan tidak boleh ditanyakan bagaimana? Kerana *kayfiyyat* itu sendiri adalah terangkat daripadaNya”. Menurut al-Qaradāwī (2005), penegasan Imam Malik membawa maksud beliau telah menafikan kewujudan *kayfiyyat* bagi zat dan sifat Allah SWT. Ini kerana apa yang dimaksudkan dengan *kayfiyyat* ialah hal dan keadaan yang baru mendatang dan boleh hilang serta boleh ditanggapi oleh akal fikiran dan juga oleh pancaindera (al-Shātīrī, t.t.; Mahmud, 2021; Khalid et al., 2006). Penafian *kayfiyyat* secara total sekaligus mempunyai kaitan dengan penafian *Lawāzim Sifat Khabāriyyah* sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

#### Konsep *Ithbāt* Ulama Salaf Menurut Penjelasan Imam Al-Ash'ari

Kajian ini mendapati bahawa ketika mengisbatkan sifat *Khabāriyyah* dalam kitab *al-Ibānah* dan kitab *Maqālāt al-Islamiyyīn*, Imam Al-Ash'ari (1998; 2010; 2009) telah menggunakan frasa *bi Lā Kayf* (tanpa *kayfiyyat*). Al-Hafiz Ibn `Asakir (2017) merupakan *Ahl al-Hadīth* terawal yang menukilkan bahagian pertama kitab *al-Ibānah* yang mengandungi frasa berikut:

وَأَنَّ اللَّهَ اسْتَوَى عَلَى عَرْشِهِ كَمَا قَالَ (الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى)، (طه: ٥) ، وَأَنَّ لَهُ وَجْهًا كَمَا قَالَ: {وَبَيْنَ وَجْهِ رَبِّكَ ذُو الْجُلَالِ وَالْإِكْرَامِ} (الرَّحْمَن: ٢٧)، وَأَنَّ لَهُ يَدًا كَمَا قَالَ: {بَنْ يَدَاهُ مَبْسُوتَاتَانِ} (الْمَائِدَة: ٦٤)، وَقَالَ: {لَمَا حَلَفْتُ بِيَدَيَّ} (ص: ٧٥)، وَأَنَّ لَهُ عَيْنًا بِلَا كَيْفٍ كَمَا قَالَ: {بَخْرِيٌّ بِأَعْيُنِنَا} (الْقَمَر: ١٤).

Maksudnya :

Dan bahawa Allah telah beristiwā di atas arasyNya sebagaimana yang Dia telah berfirman (yang bermaksud) “Iaitu (Allah) al-Rahman yang beristiwā di atas ‘arash (Taha, 20: 5)”; dan bahawa Dia mempunyai wajah sebagaimana Dia telah berfirman (yang bermaksud): “Dan akan kekallah zat Tuhanmu [terjemahan harfiyyah: Wajah Tuhanmu] yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan (al-Rahman, 55: 27)”; dan bahawa Dia memiliki yad sebagaimana Dia telah berfirman (yang bermaksud): “bahkan kedua tangan Allah sentiasa terbuka (nikmat dan kurniaNya luas melimpah-limpah)” (al-Mā’idah, 5: 64), dan (sebagaimana) Dia telah berfirman (yang bermaksud): “kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kekuasaanKu” (Sad, 38: 75); dan bahawa Dia mempunyai ‘ayn tanpa kayfiyyat sebagaimana Dia berfirman (yang bermaksud): “yang belseyur laju dengan pemeliharaan dan pengawasan Kami [terjemahan harfiyyah: dengan mata-mata Kami] (al-Qamar, 54: 14).

Penggunaan frasa *bi Lā Kayf* (tanpa *kayfiyyat*) di akhir pernyataan di atas menjelaskan bahawa manhaj *Ithbāt* yang diterima pakai oleh ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash’ari adalah bertunjangkan kepada konsep *al-Ithbāt bi Lā Kayf*, bukannya *Tafwīd al-Kayfiyyah*. Frasa *bi Lā Kayf* turut digunakan oleh Imam al-Ash’ari dalam kitab *Maqālāt al-Islamiyyīn* (2009) ketika mengisbatkan sifat *istiwā’* sebagaimana pernyataan berikut:

وَقَالَ أَهْلُ السُّنْنَةِ وَأَصْحَابُ الْحَدِيثِ: لَيْسَ بِجَسْمٍ وَلَا يُشْبِهُ الْأَشْيَاءَ، وَأَنَّهُ عَلَى الْعَرْشِ كَمَا قَالَ عَزَّ وَجَلَّ (الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى)، وَلَا نُقَدِّمُ بَيْنَ يَدَيِ اللَّهِ فِي الْقَوْلِ، بَلْ نَقُولُ: اسْتَوَى بِلَا كَيْفٍ.

Maksudnya :

“Dan telah berkata Ahl al-Sunnah dan Ahl al-Hadīth: Dia (Allah) bukanlah jisim dan (Dia) tidak menyerupai segala sesuatu. Dan bahawa Dia (beristiwā) di atas ‘arash sebagaimana yang difirmankan (oleh Allah) ‘Azza wa Jalla (yang bermaksud): “Iaitu (Allah) Al-Rahman yang beristiwā di atas ‘arash” (Taha: 5). Dan kita tidak akan mendahului Allah dalam membicarakan mengenainya; bahkan kami mengatakan: Dia telah beristiwā’ tanpa *kayfiyyat*.”

Melalui pernyataan di atas, Imam al-Ash’ari telah mengemukakan dua penegasan penting. **Pertama**, beliau menegaskan bahawa akidah ulama *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl al-Hadīth* adalah tertegak atas keyakinan bahawa zat Allah SWT adalah bukan jisim dan tidak menyerupai segala makhluk. **Kedua**, Imam al-Ash’ari telah mengisbatkan sifat *istiwā’* (tertinggi) di atas ‘arash dengan menggunakan frasa *bi Lā Kayf*. Dua penegasan ini membuktikan bahawa manhaj *Ithbāt* yang diterima pakai oleh ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash’ari adalah bertunjangkan kepada manhaj *al-Ithbāt bi Lā Kayf* iaitu menafikan kewujudan *kayfiyyat* secara total daripada zat dan sifat Allah SWT.

Imam al-Ash’ari (2010) menjelaskan lagi konsep *istiwā’* tanpa *kayfiyyat* melalui pernyataan berikut:

وَرَوَتِ الْعُلَمَاءُ أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأَمْمَةٍ سُودَاءَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُعْتَقَهَا فِي كَفَارَةٍ، فَهَلْ يَجُوزُ عِنْفَهَا؟ فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (أَيْنَ اللَّهُ؟) قَالَتْ: فِي السَّمَاءِ، قَالَ: (فَمَنْ أَنَا؟) قَالَتْ: أَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (أَعْتَقَهَا فِإِنَّهَا مُؤْمِنَةٌ). وَهَذَا يَدْلُلُ عَلَى أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ عَلَى عَرْشِهِ فَوْقَ السَّمَاءِ، فَوْقِيَّةً لَا تَزِيدُهُ فُرْبًا مِنَ الْعَرْشِ.

Maksudnya :

*“Dan para ulama telah meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah menjumpai Rasulullah SAW bersama hamba perempuan (berkulit hitam) lalu berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya saya mahu memerdekaannya sebagai suatu kaffarah, haruskah saya memerdekaannya? Maka Rasulullah SAW pun bersabda kepadanya (hamba perempuan tersebut): “Di manakah Allah?”. Dia menjawab: di (atas) al-Samā’ (segala bentuk ketinggian). Baginda bersabda: “Siapakah saya?”. Dia menjawab: Engkau Rasulullah. Maka Nabi SAW pun bersabda: “Bebaskanlah dia kerana sesungguhnya dia seorang yang beriman”. Dan (hadis) ini menunjukkan bahawa Allah ‘Azza wa Jalla (berada) di atas ‘arash yang (berada) di atas langit sebagai suatu ketinggian yang tidak menambahkanNya dekat kepada ‘arash (berbanding langit, bumi, dasar laut dan sebagainya).”*

Frasa (فَوْقِيَّةً لَا تَزِيدُهُ فُرْبًا مِنَ الْعَرْشِ) di akhir nukilan di atas bertujuan untuk menjelaskan bahawa sifat *istiwā*’ di atas ‘arash bukanlah bermaksud Allah SWT menjadikan ‘arash sebagai tempat menetap bagi zatNya. Ia sekaligus menjelaskan bahawa manhaj *al-Ithbāt bi Lā Kayf* telah memberi perakuan kepada kewujudan konsep *ta’wil ijmālī*, bukannya menerima pakai pengertian zahir sifat *Khabāriyyah* secara hakiki tanpa sebarang takwilan.

Manhaj yang sama turut dinyatakan oleh Imam al-Ash‘ari dalam kitab *al-Ibānah* (2010) ketika beliau mengisbatkan sifat *majī*’ (datang) dan sifat *qurb* (hampir) sebagaimana pernyataan berikut:

وَنَقُولُ : إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، كَمَا قَالَ سُبْحَانَهُ: {وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفَّا صَفَّا} (الفجر: ۲۲)، وَإِنَّ اللَّهَ يَقْرُبُ مِنْ عِبَادِهِ كَيْفَ شَاءَ بِلَا كَيْفٍ، كَمَا قَالَ: {وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْكُمْ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ} (ق: ۱۶ . . .)

Maksudnya :

*“Dan kami mengatakan: Sesungguhnya Allah ‘Azza wa Jalla akan datang pada hari kiamat sebagaimana firman (Allah) Yang Maha Suci (yang bermaksud): “Dan Tuhanmu akan datang sedang para malaikat berdiri dalam saf demi saf” (al-Fajr: 22). Dan sesungguhnya Allah akan mendekati hamba-hambaNya bagaimana yang Dia*

*Kehendaki tanpa kayfiyyat sebagaimana Dia berfirman (yang bermaksud): “Dan Kami lebih hampir kepada kamu berbanding urat leher kamu” (Qaf: 16) ... .”*

Penjelasan lanjut tentang konsep *al-Ithbāt bi Lā Kayf* ketika mengisbatkan sifat *majī*, dan *nuzūl* telah dikemukakan oleh Imam al-Ash'ari dalam kitab *Risālah ilā Ahl al-Thaghr* (1995: 227-229) sebagaimana huraian berikut:

وَأَجْمَعُوا عَلَى إِنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَجِيئُهُ يَوْمُ الْقِيَامَةِ وَالْمَلَكُ صَفَا لِعِرْضِ الْأَمْمِ وَحِسَابِهَا وَعِقَابِهَا وَتَوَاجِهَا ، فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ مِنَ الْمُذْنِبِينَ ، وَيُعَذِّبُ مِنْهُمْ مَنْ يَشَاءُ كَمَا قَالَ ، وَلَيْسَ مُحِيطُهُ حَرَكَةً وَلَا زَوَالًا ، وَإِنَّمَا يَكُونُ الْمَجِيءُ حَرَكَةً وَزَوَالًا إِذَا كَانَ الْجَاهِيُّ جِسْمًا أَوْ جَوْهَرًا ، فَإِذَا ثَبَتَ إِنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَيْسَ بِجِسْمٍ وَلَا جَوْهَرٍ لَمْ يَجِدْ أَنْ يَكُونَ مُحِيطُهُ نُفْلَةً ، أَلَا تَرَى أَكْثُرُهُمْ لَا يُبَيِّنُونَ بِعُوْلَمِهِمْ : ”جَاءَتْ زَيْدًا الْحَمَّى“ أَكْثَرًا تَنَفَّقْلَتْ إِلَيْهِ ، أَوْ تَحَرَّكْتْ مِنْ مَكَانٍ كَانَتْ فِيهِ ، إِذْ لَمْ تَكُنْ جِسْمًا وَلَا جَوْهَرًا ، وَإِنَّمَا مُحِيطُهَا إِلَيْهِ وُجُودُهَا بِهِ ، وَإِنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَنْزِلُ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا كَمَا رَوَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَلَيْسَ نُزُولُهُ نُفْلَةً لَأَنَّهُ لَيْسَ بِجِسْمٍ وَلَا جَوْهَرٍ .

Maksudnya :

*“Dan mereka telah berijmak bahawa Allah ‘Azza wa Jalla akan datang pada hari kiamat sedang para malaikat berada dalam saf-saf yang tersusun untuk memulakan perhitungan amalan semua umat, untuk membalaaskan kejahatan dan untuk memberi balasan pahala kepada mereka, lalu Dia mengampuni orang-orang berdosa yang dikehendakiNya dan Dia akan mengazabkan orang-orang berdosa yang dikehendakiNya sebagaimana yang telah difirmanNya; dan bukanlah “datangNya itu” satu pergerakan dan bukan juga satu perpindahan; kerana “datang” itu hanya berbentuk suatu gerakan dan perpindahan apabila sesuatu yang datang itu merupakan suatu jisim atau jawhar. Apabila telah sabit bahawa Allah ‘Azza wa Jalla adalah bukan jisim dan bukan jawhar, tidak wajiblah datangNya itu sebagai suatu perpindahan. Tidakkah engkau memahami bahawa mereka tidak bermaksud daripada kata-kata mereka: “Demam panas telah datang kepada Zayd” bahawa demam panas itu telah berpindah kepadanya (Zayd) ataupun ia telah bergerak dari tempat lain yang sebelum itu dia berada padanya, kerana ia (demam panas itu) bukanlah jisim dan bukan jawhar. Sebenarnya datangnya demam itu kepada Zayd adalah (bererti) wujudnya demam tersebut pada diri Zayd. Dan bahawasanya Allah ‘Azza wa Jalla turun ke langit dunia sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Nabi s.a.w, dan bukanlah turunNya (Allah s.w.t) itu suatu perpindahan kerana Allah bukanlah jisim dan bukan jawhar.”*

Melalui huraian terperinci di atas, Imam al-Ash'ari menegaskan bahawa dalam mengisbatkan sifat *Ityān* dan sifat *Nuzūl*, para ulama muktabar telah berijmak mengatakan bahawa dua sifat tersebut tidak boleh difahami dengan maksud berlakunya pergerakan ataupun perpindahan tempat bagi zat Allah SWT kerana zat Allah SWT adalah bukan jisim dan bukan *jawhar*. Penegasan yang sama turut diabadikan oleh Imam al-Ash'ari dalam kitab *al-Luma'* (2012) dan *Istihsān al-Khawd fī 'Ilm al-Kalām* (2012).

Konsep *al-Ithbāt bi Lā Kayf* yang dihuraikan di atas adalah menyamai penjelasan yang dikemukakan oleh Ibn Kathīr (1994) berkenaan konsep *Ithbāt* menurut perspektif ulama *Salaf* sebagaimana nukilan berikut:

إِمْرَأُهَا كَمَا جَاءَتْ مِنْ عَيْرٍ تَكْيِيفٌ وَلَا تَشْبِيهٌ وَلَا تَعْظِيلٌ، وَالظَّاهِرُ الْمُتَبَدِّلُ إِلَى أَذْهَانِ الْمُشَبِّهِينَ مَنْفِيٌّ عَنْ

الله

Maksudnya :

“Melalukannya (membaca dan menerima pengertianan *zahir Sifat Khabariyyah*) sebagaimana ianya datang (dinaskan) tanpa takyif (membayang atau membagaimanakan), tanpa mentashbihkan (menyerupakan dengan makhluk) dan tanpa *ta`til* (menafikannya), manakala (pengertian) *zahir* yang bersegera (tergambar) kepada fahaman *Mushabbihīn* (golongan *Mushabbihah*) adalah dinafikan daripada Allah.”

Penafian kewujudan *kayfiyyat* secara mutlak daripada zat dan sifat Allah SWT adalah bertujuan untuk membezakan antara zat dan sifat Allah SWT berbanding segala zat dan sifat makhluk. Antara hujahnya ialah penegasan Imam Malik bin Anas (al-Bayhāqī, t.t.) yang mengatakan (وَلَا يَقُلُّ كَيْفَ وَكَيْفَ عَنْهُ مِنْ قُوْغٍ) yang bermaksud, “Dan tidak boleh dikatakan bagaimana (*kayfiyyatnya*)? kerana *kayfiyyat* adalah terangkat daripadanya (Allah SWT).”

Justeru, sifat *istiwā’* (tertinggi di atas ‘*arash*) menurut manhaj *al-Ithbāt bi Lā Kayf* adalah tidak boleh difahami dengan maksud Allah SWT duduk (*julus* atau *qu’ud*), ataupun menetap (*istiqrār*) dengan zatnya di atas ‘*arash*. Manakala sifat turun (*nuzūl*) pula tidak boleh difahami dengan maksud berlakunya gerakan (*harakah*), perpindahan (*intiqāl*), *hulūl* (masuk ke dalam tujuh lapisan langit) ataupun *ittiḥād* (bersatu dengan makhluk). Demikian juga sifat yang bernama wajah, tangan dan mata adalah tidak boleh difahami dengan maksud anggota sebagaimana yang digunakan untuk makhluk (al-Bayhāqī, 1999).

Antara ulama Nusantara yang menerima pakai konsep *al-Ithbāt bi Lā Kayf* sebagaimana yang dijelaskan di atas ialah Shaykh Daud al-Fatani. Melalui kitab *al-Darr al-Thamīn* (t.t.) contohnya beliau menjelaskan :

“Adapun mazhab al-Salaf itu adalah mereka itu *tafwīd* ‘ilmunya itu kepada Allah dan wajib kita itiqadkan seperti barang yang ada pada zahir kataNya dan pada hakikat kita jauhkan segala kekurangan seperti kata Imam Malik: Kami ketahui erti “di atas” tetapi tiada kami ketahui hakikatnya, seperti kita kata: “Allah di atas” tetapi “tiada seperti di atas segala yang baharu”, dan “Allah Ta‘ala bertangan” tiada seperti segala tangan yang baharu, dan “Allah bermuka tiada seperti segala muka yang baharu”. Maka hakikatnya Ia yang mengetahui kehendakNya dan wajib kita tanzhikan menyerupa dengan yang baharu pada hakikatnya. Maka tiada mengapa muafakat pada nama. Inilah mazhab Salaf RA.”

Konsep yang sama turut terkandung dalam kitab jawi *Zahrah al-Murīd fī 'Aqā'id al-Tawhīd* (al-Kalantani, t.t.), *Risālah al-Tawhīd* (Yahya, 1952) dan *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf* (al-Mandili, t.t.).

### Ciri-ciri Manhaj *Ithbāt* Ulama Salaf Menurut Imam Al-Ash'ari

Merujuk kepada huraian tentang konsep *Ithbāt* ulama Salaf yang dihuraikan di atas, manhaj *Ithbāt* ulama Salaf menurut perspektif Imam al-Ash'ari memiliki beberapa ciri yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut :

#### Ciri Pertama

Imam al-Ash'ari hanya mengisbatkan sifat *Khabāriyyah* yang berasal daripada dua sumber sahaja. Pertama, ayat-ayat al-Quran yang *ṣāriḥ* seperti sifat *istiwā'*, *wajh*, *yad*, *ityān*, *majī'* dan *qurb*. Kedua, hadis-hadis sahih yang bertaraf *mutawātir* dalam kalangan *Ahl al-Hadīth* seperti *hadīth al-nuzūl* (al-Ṣābūnī, t.t.; Abu Shadi, 2007) dan hadis berkenaan *ru'yat* Allah di akhirat nanti. Tambahan daripada itu, *hadīth al-nuzūl* mempunyai kaitan dengan sifat *majī'* yang terkandung dalam surah al-Fajr (89: 22) manakala *hadīth ru'yat* Allah pula mempunyai kaitan dengan surah Yūnus (10: 26) dan surah al-Qiyāmah (75: 22-23) yang menjelaskan bahawa orang-orang beriman akan dapat melihat Allah di dalam syurga di akhirat nanti (al-Ṭabarī, 1992).

Kajian ini menjelaskan bahawa Imam al-Ash'ari tidak pernah mengisbatkan satu pun Sifat *Khabāriyyah* yang tidak disepakati oleh *Ahl al-Hadīth*. Ini kerana sifat tersebut bersumber dari hadis Ahad yang tidak disokong oleh al-Quran ataupun terdiri daripada riwayat-riwayat *al-Shadh al-Dā'iñah* (al-Ghazāli, 2011) ataupun ia merupakan hadis-hadis palsu seperti hadis *al-qu'ud* (al-Albāni, 2010), hadis *al-julus* dan hadis *istilqā'* (al-Khallal, 2018).

Dapatan kajian di atas sekaligus menolak fahaman dan akidah sebilangan sarjana Islam dari aliran *Tafwīd al-Kayfiyyah* yang mengisbatkan bahawa Allah SWT duduk di atas '*arash*, mempunyai dua mata, dua tangan, lima jari, *janb* (lambung), *hiqw* (pinggang), *saq* (betis), dua kaki dan sebagainya (Yasin, 2016). Kajian juga mendapati bahawa sifat-sifat tersebut sebenarnya tidak mempunyai satu pun dalil yang bertaraf *qaṭi*. Ia sebaliknya bersumber daripada *hadīth mawdū'* ataupun berasal daripada hadis Ahad yang tidak disokong oleh sebarang nas al-Quran (al-Bayhāqī, t.t.) ataupun kerana berlaku kekeliruan dalam memahami pengertian ses sebuah hadis seperti mengisbatkan bahawa Allah SWT memiliki dua mata ataupun dua tangan yang terdiri daripada lima jari (al-Bukhārī, 2010; al-Naysābūrī, 2005; Yasin, 2016). Ini kerana fahaman dan akidah sedemikian akan membawa kepada *tashbīh* atau *tajsīm* apabila diterima pakai menurut pengertiannya yang hakiki tanpa sebarang takwilan.

#### Ciri Kedua

Dalam mengisbatkan sifat *Khabāriyyah*, Imam al-Ash'ari (1998; 2009; 2010) kerap kali menggunakan frasa *bi Lā Kayf* (بِلَا كَيْفٍ). Prinsip ini bertepatan dengan penegasan tokoh-tokoh Salaf *mutaqaddimīn* seperti Imam Abu Ḥanīfah (2007) yang menggunakan frasa (بِلَا كَيْفٍ) dalam mengisbatkan sifat-sifat yang bernama *wajh*, *yad*, *nafs*, *ghaḍab* dan *riḍa*. Manakala Imam al-Awza'iyy, Sufyān al-Thawrī, Imam Malik dan

al-Layth bin Sa‘d pula mengatakan (أَمْرُوهَا كَمَا جَاءَتْ بِلَا كَيْفَيَّةٍ) yang bermaksud, “*Lalukan (bacalah dan terimalah) ia (ayat-ayat Sifat dan hadis-hadis sifat) sebagaimana ia datang tanpa sebarang kayfiyyat*” (al-Bayhāqī, 1999) iaitu dengan maksud untuk menafikan kewujudan *kayfiyyat* secara mutlak bagi zat dan sifat Allah SWT (al-`Asri, 2022).

Penggunaan frasa *bi Lā Kayf* (بِلَا كَيْفٍ) menjelaskan bahawa sekalipun Imam al-Ash‘ari telah menerima pakai pengertian zahir sifat *istiwā'*, *wajh*, *yad* dan sebagainya, namun beliau telah menafikan *Lawāzim Sifat Khabāriyyah* seperti duduk, bertempat, berjisim, beranggota, bergerak, berpindah dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Imam al-Ash‘ari telah menggunakan beberapa pendekatan untuk mensucikan Sifat Allah SWT daripada pengertian zahir yang bersifat *hissiyah* dan *jismiyyah*. **Pertama**, Imam al-Ash‘ari telah membahagikan sifat *Khabāriyyah* kepada dua kategori yang berbeza iaitu *Sifāt Dhātiyyah* dan *Sifāt Fi‘liyyah*. Sehubungan itu, sifat *yad*, `ayn dan *wajh* telah diithbātkan sebagai beberapa *Sifāt Dhātiyyah* yang termasuk dalam kategori sifat-sifat *ma-ānī*, iaitu sama seperti sifat *ilm*, *qudrat* dan *hayāt* (al-Ash‘ari, 2009). Manakala sifat *istiwā'* (al-A‘raf 7: 54), *majī'* (al-Fajr 89: 22), *ityān* (al-Baqarah 2: 210), *qurb* (Qaf 50:16) dan *nuzūl* pula telah diithbātkan sebagai *Sifāt Fi‘liyyah*, di mana empat sifat yang pertama adalah bersumber daripada ayat-ayat al-Quran yang *ṣāriḥ*, manakala sifat *nuzūl* pula bersumber daripada hadis-hadis sahih yang bertaraf *mutawātir* (al-Ṣābūnī, t.t.).

**Kedua**, Imam al-Ash‘ari (2002; 2012) menegaskan bahawa Allah SWT adalah berbeza daripada setiap makhlukNya secara mutlak hatta dari aspek yang sekecil mana sekalipun. Imam al-Ash‘ari (2012) turut menegaskan bahawa zat Allah SWT adalah bersifat Maha Esa dan bersifat *qadīm* (sedia kala), dan justeru itu maka zat Allah SWT adalah bukan jisim dan tidak juga bersifat dengan sebarang sifat jisim, *jawhar* dan `arad kerana kesemuanya adalah bersifat baharu.

Imam al-Ash‘ari (1998; 2010) juga telah mengisbatkan sifat *Khabāriyyah* menurut lafaznya yang asal, di mana beliau tidak pernah mengatakan bahawa Allah SWT “ber*istiwā'* dengan zatNya” atau “turun dengan zatNya” ataupun “datang dengan zatNya”. Beliau sebaliknya menegaskan bahawa *istiwā'*, *majī'* dan *nuzūl* merupakan beberapa perbuatan yang dilakukan oleh Allah SWT yang dinamakan sebagai *istiwā'*, *majī'* dan *nuzūl* (al-Bayhāqī, t.t.). Ketika mengisbatkan sifat *istiwā'* (tertinggi) di atas ‘arash contohnya Imam al-Ash‘ari (2010) menjelaskan :

فَكُلُّ ذِكْرٍ يُذْلِلُ عَلَىٰ أَنَّهُ تَعَالَىٰ فِي السَّمَاءِ مُسْتَوٍ عَلَىٰ عَرْشِهِ، وَالسَّمَاءُ بِإِجْمَاعِ النَّاسِ لَيْسَتِ الْأَرْضُ، فَدَلَّ عَلَىٰ أَنَّهُ تَعَالَىٰ مُنْفَرِدٌ بِوَحْدَانِيَّتِهِ، مُسْتَوٍ عَلَىٰ عَرْشِهِ مُنْزَهًا عَنِ الْخُلُولِ وَالْإِحْتِدَادِ... وَأَنَّهُ مُسْتَوٍ عَلَىٰ عَرْشِهِ بِلَا كَيْفٍ وَلَا إِسْتِقْرَارٍ... وَهَذَا يُذْلِلُ عَلَىٰ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَىٰ عَلَىٰ عَرْشِهِ فَوْقَ السَّمَاءِ فَوْقَيَّةً لَا تَنِيْدُهُ قُرْبًا مِنَ الْعَرْشِ.

Maksudnya :

“Maka semua itu menunjukkan bahwasanya (Allah) Ta‘ala (berada) di (atas) langit, ber*istiwā'* di atas ‘arash. Dan langit itu menurut ijmak semua manusia adalah bukan

*bumi. Maka ia menunjukkan bahawasanya (Allah) Ta·ala adalah bersendirian dengan sifat keesaanNya, beristiwā' di atas 'arashNya, Maha Suci daripada ḥulūl (berlakunya penyatuhan) dan ittiḥād (bersatu dengan makhluk) ... dan bahawasanya (Allah Ta·ala) beristiwā' (tertinggi) di atas 'arashNya, di atas al-Samā' (segala bentuk ketinggian) sebagai ketinggian yang tidak menambahkanNya dekat kepada arasy (berbanding langit, bumi dan sebagainya)."*

Melalui pernyataan di atas, Imam al-Ash·ari menjelaskan bahawa sifat *istiwā'* di atas '*arash* perlu difahami dengan maksud ketinggian *ma·nawi*, bukannya ketinggian *hissī* (fizikal). Konsep ketinggian *ma·nawī* turut diberi perakuan oleh para ulama dan sarjana Islam. Ketika mentafsirkan lafadz (الْعَلِيُّ) dalam firman Allah SWT di akhir ayat al-Kursi contohnya, Imam al-Qurṭubi (1996) menegaskan bahawa ia bermaksud (غُلُوُّ الْقَدْرِ وَالْمَنْزَلَةِ, لَا غُلُوُّ الْمَكَانِ) iaitu "ketinggian qadar dan kedudukan, bukannya ketinggian tempat". Manakala al-Hafiz Ibn Kathīr (2017) pula telah menggunakan istilah *al-Fawqiyyah al-Muṭlaqah* (الْفَوْقِيَّةُ الْمُطْلَقَةُ) sementara Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albāni (al-Wahhab, 2003) pula telah menggunakan istilah *al-`Uluww al-Muṭlaq* (الْعُلُوُّ) (المُطْلَق).

Bagi menghuraikan prinsip ini, Imam al-Bayhaqi (1999) menjelaskan bahawa wajib diketahui (dan diyakini) bahawa *istiwā'* Allah SWT bukan bermaksud *istiwā'* menjadi lurus daripada kebengkokan, bukannya menetap pada suatu tempat, bukan berlaku persentuhan dengan sesuatu pun dari makhlukNya, akan tetapi Dia beristiwā' di atas '*arash*Nya sebagaimana yang Dia telah khabarkan tanpa *kayfiyyat*, tanpa (bertempat) di mana-mana pun, berpisah (serta berbeza) daripada makhlukNya. Dan bahawa *ityān* Allah SWT bukanlah bermaksud kedatanganNya dari suatu tempat ke suatu tempat, *majī*'Nya bukanlah suatu pergerakan, *nuzūl*'Nya bukanlah suatu perpindahan (dari atas ke bawah), *nafs* (DiriNya) bukanlah jisim, *wajah*Nya bukanlah rupa bentuk, *yad*Nya bukanlah anggota dan `aynNya bukanlah bola mata.

### Ciri Ketiga

Merujuk kepada kandungan kitab *al-Ibānah* yang dinukilkhan oleh al-Hafiz Ibn `Asakir (2017), Imam al-Ash·ari telah mengisbatkan sifat *yad* dan sifat `ayn dengan menggunakan lafadz *mufrad* (tunggal), bukannya dengan menggunakan lafadz *yadayn* dan `aynayn. **Pertama**, penggunaan lafadz *mufrad* bertepatan dengan konsep *tawhīd* dan sifat *wahdāniyyah*, di mana para ulama menegaskan bahawa Allah SWT adalah bersifat Maha Esa pada zatNya, pada sifatNya dan pada *afāl* (pentadbiran)Nya (al-Ash·ari, 2012; al-Shāṭirī, t.t.).

**Kedua**, penggunaan lafadz *mufrad* adalah menepati sabda Rasulullah SAW sendiri yang menggunakan lafadz tunggal dalam sabda baginda (خَلَقَ آدَمَ بَيْتَهُ) yang bermaksud: "Dia telah mencipta (Nabi) Adam dengan *yad*Nya" (al-Ajurri, 2005). Demikian juga ketika berinteraksi dengan firman Allah SWT, (بَيْتَهُ لَمْ لَا شَسْجُدْ لِمَا خَلَقَ), Rasulullah SAW sendiri telah mentafsirkannya dengan lafadz tunggal iaitu lafadz *yamīn* sebagaimana sabda baginda :

وَكُلُّنَا يَدَنِيهِ يَمِينٌ

Maksudnya :

“Dan kedua tanganNya adalah yamīn”

[al-Naysābūrī, 2005: no. h. 4698].

Tafsiran ini sangat bertepatan dengan konsep *tawhīd* yang secara langsung menolak kewujudan konsep *ta`addud* (berbilang-bilang) bukan sahaja pada zat Allah SWT bahkan juga pada sifatNya.

**Ketiga**, penggunaan lafaz *mufrad* boleh diperkuuhkan dengan penjelasan sebilangan *Ahl al-Hadīth* yang turut membincangkan tentang konsep keesaan Allah SWT Al-Hafiz Ibn Kathīr (2017) contohnya menjelaskan :

وَإِنَّهُ سُبْحَانَهُ وَاحِدٌ فِي ذَاتِهِ، وَاحِدٌ فِي صِفَاتِهِ، وَاحِدٌ فِي مَخْلُوقَاتِهِ

Maksudnya :

“Dan bahawasanya (Allah) Yang Maha Suci adalah Maha Esa pada zatNya, Esa pada Sifat-sifatNya dan Esa dalam (mentadbir) sekalian makhlukNya”.

Manakala al-Hafiz Ibn Hajar al-`Asqalāni (2000) pula menegaskan :

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَنِ الْإِنْتِیَّةِ مِنْ كُلِّ وَجْهٍ

Maksudnya :

“Maha Suci Allah Ta`ala daripada bersifat dua dari semua aspek”.

Manakala ulama Ashā-īrah pula menjelaskan bahawa sifat *Wahdaniyyah* adalah menafikan segala bentuk *ta`addud* (berbilang-bilang) pada zat Allah SWT, pada sifat dan pada *Afāl* (pentadbiran)Nya (al-Shātīrī, t.t.).

Penggunaan lafaz tunggal oleh Imam al-Ash`ari turut dijelaskan oleh Ibn al-Qayyim (2006) melalui nukilan berikut:

فَصَحَّ قَوْلُ أَبِي الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيِّ: إِنَّ الْيَدَ مِنْ قَوْلِهِ {خَلَقَ آدَمَ بِيَدِهِ}، وَقَوْلُهُ: {إِنَّمَا خَلَقْتُ بِيَدِيَّ} (ص: ٧٥) صِفَةٌ وَرَدَتْ إِلَيْهَا الشَّرْءُ، وَلَمْ يَقُلْ: إِنَّهَا فِي مَعْنَى الْفُدْرَةِ، كَمَا قَالَ الْمُتَأَخِّرُونَ مِنْ أَصْحَابِهِ، وَلَا فِي مَعْنَى النِّعَمِ، وَلَا قَطْعَ بِشَيْءٍ مِنَ التَّأْوِيلَاتِ تَحْرِزاً عَنْ مُخَالَفَةِ السَّلَفِ، وَقَطْعَ بِإِنَّهَا صِفَةٌ تَحْرِزاً عَنْ مَذْهَبِ الْمُشَبِّهَةِ.

Maksudnya :

“Maka sahlah kata-kata Abū al-Hasan al-Ash`ari: bahawa al-yad dari sabda Baginda (yang bermaksud): “Dia telah menciptakan Adam dengan tanganNya, dan (dari)

*firmanNya (yang bermaksud): kepada apa yang telah Aku ciptakan dengan dua tanganKu, merupakan “satu sifat” yang telah dinaskan oleh syarak; dan beliau (Imam al-Ash`ari) tidak pernah mengatakan: Sesungguhnya ia digunakan dengan maksud qudrat (kekuasaan) sebagaimana yang dikatakan oleh golongan muta’akhkirin dalam kalangan para sahabatnya; dan tidak juga dengan erti nikmat-nikmat, dan beliau tidak memutuskannya dengan sebarang takwilan bagi memelihara diri daripada menyalahi (manhaj ulama) Salaf; dan beliau memutuskan (pendirian) bahawa ia merupakan “satu sifat” bagi memelihara diri daripada mazhab golongan *Mushabbihah*.“*

Melalui pernyataan di atas, Ibn al-Qayyim menjelaskan terdapat dua prinsip yang dipertahankan oleh Imam al-Ash`ari ketika berinteraksi dengan lafaz *yad*. **Pertama**, Imam al-Ash`ari telah mengisbatkan *yad* menurut lafaz *mufrad* tanpa sebarang takwilan. **Kedua**, Imam al-Ash`ari menegaskan bahawa *yad* merupakan “satu sifat” bagi Allah Ta`ala, di mana ia bertujuan untuk membelakangi mazhab golongan *Mushabbihah*. Prinsip kedua inilah yang telah dipertegaskan oleh Imam al-Ash`ari dalam kitab *Maqālāt al-Islāmiyyīn* (2009) melalui pernyataan berikut:

وَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ كُلَّابٍ : أَطْلَقَ الْيَدَ وَالْعَيْنَ وَالْوَجْهَ حَبَّاً، لِأَنَّ اللَّهَ أَطْلَقَ ذَلِكَ وَلَا أَطْلَقَ غَيْرَهُ، قَاتِلُ : هِيَ صِفَاتٌ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ كَمَا قَالَ فِي الْعِلْمِ وَالْقُدْرَةِ وَالْحَيَاةِ إِنَّهَا صِفَاتٌ.

Maksudnya :

“Dan `Abdullah bin Kullab berkata: Ithbātkanlah secara mutlak akan *yad*, `ayn dan wajh sebagai sifat *Khabāriyyah* kerana Allah (sendiri) telah mengisbatkan secara mutlak, dan Dia tidak mengisbatkan secara mutlak selain daripadanya. Maka saya mengatakan: Ia merupakan beberapa sifat bagi Allah `Azza wa Jalla sebagaimana yang Dia firmankan tentang `ilm, qudrat dan hayāt bahawa ia merupakan beberapa sifat.”

Melalui pernyataan di atas, Imam al-Ash`ari telah mengisbatkan *wajh*, *yad* dan `ayn sebagai *Šifāt Ma-ānī* (*Šifāt Dhātiyyah*) yang setaraf dengan sifat `ilm, qudrat, irādat dan sebagainya, di mana kesemuanya adalah bersumber daripada ayat-ayat al-Quran yang *sārih*. Justeru, dalam mengisbatkan sifat *yad* dan `ayn bertunjangkan kepada dua prinsip di atas, Imam al-Ash`ari bukan sahaja telah memelihara diri sendiri daripada menyalahi manhaj Salaf bahkan turut mempertahankan akidah Salaf yang bertunjangkan prinsip tauhid dan konsep *wahdāniyyah*.

Merujuk kepada hujah-hujah di atas, maka kandungan kitab *al-Ibānah* nukilan al-Hafiz Ibn `Asakir yang mengisbatkan sifat *yad* dan sifat `ayn dengan menggunakan lafaz *mufrad* adalah perlu dijadikan rujukan asasi untuk memahami manhaj Salaf menurut perspektif Imam al-Ash`ari. Justeru itu, apabila terdapat sebilangan sarjana Islam yang mengisbatkan bahawa Allah SWT mempunyai dua tangan, dua mata, dua kaki, lima jari tangan dan lima jari kaki (Yasin, 2016), maka ia perlu dinilai semula dari pelbagai aspek kerana pengisbatan sifat-sifat sedemikian adalah bercanggah dengan konsep tauhid dan menafikan sifat *Wahdāniyyah* Allah SWT. Bahkan sepanjang kajian ini dilakukan, penyelidik belum menjumpai sebuah pun karya ulama Salaf yang mengisbatkan sifat *yadayn*, `aynayn dan sebagainya.

## Penutup

Kajian ini mendapati bahawa manhaj *Ithbāt* yang diterima pakai oleh ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash'ari dalam kitab *al-Ibānah* dan *Maqālāt al-Islāmiyyīn* adalah berkonsepkan *al-Ithbāt bi Lā Kayf*, di mana Sifat *Khabāriyyah* yang diithbātkan adalah terhad kepada sifat-sifat yang bersumber daripada ayat-ayat al-Quran yang *sārih* dan hadis-hadis sahih yang disepakati oleh ijmak ulama Salaf seperti sifat *istiwā'*, *wajh*, *yad*, *'ayn*, *majī*', *ityān*, *nuzūl* dan *qurb*. Antara ciri-ciri utama manhaj ini ialah mengisbatkan pengertian zahir Sifat *Khabāriyyah* sebagaimana yang layak bagi Allah SWT dengan menafikan kewujudan *kayfiyyat* (bentuk, rupa, ciri dan cara), tanpa tafsiran, tanpa *ta'wīl*, tanpa *tamthīl* (penyamaan), tanpa *tashbīh* (penyerupaan) serta menafikan *lawāzim Sifāt Khabāriyyah* seperti bertempat, berjisim, beranggota, bergerak dan berpindah. Kajian ini turut menyimpulkan tiga ciri utama manhaj Salaf menurut perspektif Imam al-Ash'ari, iaitu mengisbatkan Sifat *Khabāriyyah* yang berasal daripada ayat-ayat al-Quran yang *sārih* dan hadis-hadis sahih yang *mutawātir*, mensucikan *Sifat Allah SWT* daripada pengertian zahir yang bersifat *hissiyyah* dan *jismiyyah*, dan mengisbatkan sifat *yad* dan sifat *'ayn* dengan menggunakan lafadz *mufrad*. Sekali gus, dapatan kajian ini mencabar kesahihan manhaj *Tafwīd al-Kayfiyyah* yang menetapkan kewujudan *kayfiyyat* tertentu bagi zat dan sifat Allah SWT dan enggan menafikan *lawāzim Sifāt Khabāriyyah* serta mengisbatkan beberapa sifat Allah SWT tanpa menggunakan lafadz *mufrad* seperti *yadayn*, *'aynayn* dan sebagainya.

## Rujukan

- Abdul Aziz, A. (2011). *Pegangan Ahli Sunnah dan Pendustaan Zamihan Terhadap Ulama Mereka*. Kuala Lumpur : Pustaka al-Ikhlas Enterprise.
- Abdullah. H. F. (2003). *Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Abi Zamanin, M. b. (2013). *Al-Dalīl Al-Rashīd ilā Mutūn Al-'Aqīdah wa al-Tawhīd*, c. 2. Kaherah : Dār al-Istiqlām.
- Abu Hanifah, Thabit, A. (2007). "Matn al-Fiqh al-Akbar" di dalam Mulla 'Ali al-Qari (2007), *Sharh al-Fiqh al-Akbar*, c. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Shadi, I. (2007), *al-Ikhtiyārāt al-'Aqā'idiyah lī al-Imām al-Albāni*. Kaherah : Dār al-Ghadd al-Jadīd.
- Al-'Asqalānī, A. A. H. (2000). *Fath al-Bārī bī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī*, tq. 'Abd al-'Aziz b. 'Abd Allah b. Baz. Shubra : Dār al-Taqwā lī al-Turāth.
- Al-'Aṣri, S. A. (2010). *Al-Qawl al-Tamām bī Ithbāt al-Tafwīd Madhhaban lī al-Salaf al-Kirām*, c. 2. 'Amman : Dār al-Faṭḥ lī al-Dirāsat wa al-Nashr.
- Al-'Aṣri, S. A. (2022). *Al-Qawl al-Tamām bī Ithbāt al-Tafwīd Madhhaban lī al-Salaf al-Kirām*, c. 4. 'Amman : Dār al-Faṭḥ lī al-Dirāsat wa al-Nashr.
- Al-'Uthaymīn, M. b. S. (2012). *Sharḥ Al-'Aqīdah Al-Wasītiyyah*, tq. Abu 'Abd al-Rahman Ṭal'at b. Ahmad Al-'Arafah. Kaherah : Maktabah Miṣr.
- Al-Ajurri, A. B. M. (2005), *Al-Shari'ah*, tq. Farid 'Abd al-'Aziz al-Jundi. Kaherah : Dār al-Hadīth.
- Al-Ash'ari, A. H. (1998). *Al-Ibānah 'an Usūl al-Diyānah*, ta'līq 'Abdullah Mahmud Muhammad 'Umar, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Ash̄ari, A. H. (2010). *Al-Ibānah `an Usūl al-Diyānah*, tq. Bashīr Muhammad `Uyūn, c. 4. Damshiq: Maktabah Dār al-Bayān.
- Al-Ash̄ari, A. H. (2009). *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, tq. Ahmad Jad, c. 2. Kaherah : Dār al-Hadīth.
- Al-Ash̄ari, A. H. (2002). *Risālah ilā Ahl al-Thaghyr*”, tq. `Abdullah Shakir Muhammad al-Junaydi, c. 2. Madinah : Maktabah al-`Ulūm wa al-Hikām.
- Al-Ash̄ari, A. H. (2012). *Al-Lumā` fī al-Radd `alā Ahl al-Zaygh wa al-Bidā`*, ed. Muhammad Amin al-Dannawi. Beirut : Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Barak, A. R. N. (2006). *Tawdīh Maqāṣid al-`Aqīdah al-Wasiṭiyah lī Shaykh al-Isām Ibn Taymiyyah*, ed. `Abd al-Rahman b. Ṣāliḥ al-Sudays. Al-Riyad: Dār al-Tadmuriyyah.
- Al-Bayhaqī, A. B. H. (t.t.). *Al-Asmā' wa Al-Ṣifāt*, tq. Fu'ad b. Siraj `Abd al-Ghaffar. Kaherah : Al-Maktabah Al-Tawfiqiyyah.
- Al-Bayhaqī, A. B. H. (1999). *Al-Itiqād wa Al-Hidāyah ilā Sabīl al-Rashād*, tq. Abū `Abdullah Ahmad b. Ibrahim Abū al-`Aynayn. Al-Riyad : Dār al-Faḍīlah lī al-Nashr wa al-Tawzī`.
- Al-Bukhārī, M. I. (2010). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah : Dār Ibn al-Jawzī.
- Al-Dārimī, U. b. S. (2007) Radd al-Imām al-Dārimī `alā al-Marisi al-`Anīd” di dalam: al-Nashshar, `Alī Sami wa `Ammar Jama`iy al-Ṭalībī, *Aqā'id al-Salaf*. Kaherah : Dār al-Salām.
- Al-Dhahabī, A. `A. M. (2010). *Mukhtaṣar al-`Uluww lī al-`Aliyy al-`Aẓīm*, tq. Muhammad Naṣīr al-Dīn al-Albāni. Beirut : Al-Maktab Al-Islāmī.
- Al-Farrā', A. Y. M. (t.t.). *Ibṭāl al-Ta'wīlāt lī Akhbār al-Ṣifāt*, tq. Abū `Abdullah Muḥammad b. Ḥamd al-Ḥamūd al-Najdī, j. 1. Kuwait : Dār Ilaf al-Dawliyyah lī al-Nashr wa al-Tawzī`.
- Al-Faṭāni, D. b. `A. (t.t.) *Al-Darr Al-Thamin*. Pattani: Matba`ah Bin Hallabi.
- Al-Ghazālī, A. H. M. (1994). *Iḥyā` `Ulūm al-Dīn*, c. 3. Beirut : Dār al-Khayr.
- Al-Ghazālī, A. H. M. (2011). *Majmū`ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*, tq. Yasīr Sulaymān Abū Shadi. Kaherah : Dār al-Tawfiqiyyah lī al-Turāth.
- Al-Ḥakamī, H. A. (2017). *Ma`ārij Al-Qabūl bī Sharh Sullam Al-Wusul ilā `Ilm al-Uṣūl fī al-Tawḥīd*. Riyad : Dār al-Ifham lī al-Nashr wa al-Tawzī`.
- Al-Ḥusaynī, I. S. (2005). *Dalā'il Al-Tanzīh fī Ibṭāl Bida` al-Taṭīl wa al-Tajsīm wa al-Tashbīh*. Nigeria : Hay'ah al-Buhūth al-`Ilmiyyah Hay'ah Kibār al-`Ulamā`.
- Al-Ḥusaynī, I. D. J. H. (2012). *Lubāb Al-Nuqūl fī Ta'wīl Hadīth Al-Nuzūl*, c. 2. Beirut : Sharikat Dār al-Mashāri`.
- Al-Jawziyyah, I. Q. (2006). *Badā'i` Al-Fawā'id*, tq. Sayyid `Imrān dan `Amīr Ṣalah. Kaherah : Dār al-Hadīth.
- Al-Jawziyyah, I. Q. (1988). *Ijtimā` Al-Juyūsh Al-Islāmiyyah `alā Ghazw Al-Mu`atṭilah wa Al-Jahmiyyah*, tq. Dr. `Awwad `Abdullah al-Mu`tiq. Riyad : Matābi` al-Farazdaq al-Tijāriyyah.
- Al-Jawziyyah, I. Q. (2004). *Mukhtaṣar Al-Sawā'iq Al-Mursalah `alā Al-Jahmiyyah wa Al-Mu`atṭilah*, tq. Sayyid `Imrān. Kaherah : Dār al-Hadīth.
- Al-Kalantani, M. `A. b. `A. R. (1396 H). *Zahrah al-Murīd fī `Aqā'id al-Tawḥīd*, c. 11. Pattani: Matba`ah Bin Hallabi.
- Al-Khallal, A. B. A. (2018). *Al-Sunnah*, tq. Abu `Abdullah `Adil b. `Abdullah Al-Hamdan, c. 3. Jeddah : Dar al-Awrāq wa al-Thaqāfiyyah.
- Al-Mahmūd, `A. R. b. S. (1995). *Mawqīf Ibn Taymiyyah min al-Ashā'irah*. Riyad : Maktabah al-Rushd.

- Al-Mandili, `A. Q. (t.t.). *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*. Pattani: Maṭba`ah Bin Hallabi.
- Al-Muṭ`inī, `A. `A. I. M. (1995). *al-Majāz `Ind al-Imām Ibn Taymiyyah wa Talāmidihīh Bayn al-Inkār wa al-Iqrār*. Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Al-Naysābūrī, M. b. H (2005). *Ṣahīh Muslim*, tq. Al-Shaykh Khalil Ma'mun Shiha. Beirut : Dār al-Ma'rifah.
- Al-Qaraḍāwī, Y. (2005). *Fuṣūl fī Al-`Aqīdah bayn Al-Salaf wa Al-Khalaf*. Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Al-Qurṭubī, A. `A. M. (1996). *Al-Jamī` lī Ahkām Al-Qur'ān*, c. 5. Beirut : Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Rawī, A. M. (2013). *Al-Wasīṭ fī `Aqā'id Al-Imām Al-Ash'ari*. `Amman : Dār al-Nūr al-Mubīn lī al-Dirāsat wa al-Nashr.
- Al-Ṣābūnī, A. `U. (t.t.). *`Aqīdah al-Salaf wa Aṣḥāb al-Hadīth*, ta'līq Muhammad b. Shams al-Din. T.tp.
- Al-Sharīf, A. b. `A. K. N. (2012). Faṣl al-Khiṭab fī Bayān `Aqīdah al-Shaykh Muhammad b. `Abd al-Wahhab Kama Warad fi Kutubih wa Rasa'ilih wa Fatawah di dalam: *Rasa'il Tabra' Bihā al-Dhimmah*. Kaherah : al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Rabi`ī, Y. (2016). *Namādhij min Al-Tajsīm wa Al-Tashbīh wa Al-Takfir wa Al-Taqlīl wa Al-Tazwīr `Ind Al-Wahhabiyah wa Adīyā' Al-Salāfiyyah* : *Wathā'iq Muṣawwarah min Kutubihim*, <https://www.facebook.com/yacine.ben.rabie>.
- Al-Shāṭirī, M. b. A. b. `U. (t.t.). *Durūs al-Tawhīd*. T.tp.
- Al-Ṭabarī, A. J. M. b. J. (1992). *Jamī` Al-Bayān fī Ta'wīl Al-Qur'ān*. Beirut : Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Tirmīdhī, M. b. `I. (2013). *Sunan al-Tirmīdhī*. Mansurah : Dār al-Mawaddah lī al-Nashr wa al-Tawzī`.
- Al-Wahhab, M. b. H. (2003). *Masā'il fī Al-`Aqīdah*. Kaherah : Maktab `Ibād al-Rahmān.
- Yahya, A. G. & `Umar Yusuf (ed.) (t.t.). *Risālah Al-Tawhīd*, Pattani : Maṭba`ah Bin Hallabi.
- Al-Zarkashī, B. D. M. (1994). *Al-Burhān fī 'Ulūm Al-Qur'ān*, tq. Yusuf `Abd al-Rahman al-Mar'ashli, et al., c. 2. Beirut : Dār al-Ma'rifah.
- Al-Zarqānī, M. `A. `A. (1998). *Manāhil Al-'Irfān fī 'Ulūm Al-Qur'ān*, c. 2. Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-`Arabī.
- Harras, M. K. (2021). *Sharḥ Al-`Aqīdah Al-Wasīṭiyah*, ta'līq Muhammad b. Ṣālih al-'Uthaymīn, c. 10. T.Tp: al-Durār al-Saniyyah.
- Ibn `Asākir, `A. b. H. (2017). *Tabyīn Kadhib Al-Muftarī fī Mā Nusiba ilā Al-Imām Abī Al-Hasan Al-Ash'ari*. Kaherah : Al-Maktabah Al-Azhariyyah lī Al-Turāth.
- Ibn Hanbal, A. b. M. (2003). *Al-Radd `alā al-Jahmiyyah wa al-Zanādiqah*, tq. Sabri b. Salamah Shahin. Riyad: Dār al-Thabāt lī al-Nashr wa al-Tawzī`.
- Ibn Kathīr, `I. I. (2017). *Kitāb Al-`Aqā'id*, tahqīq wa sharḥ : Dīyā' Muhammad al-Mashhadani. `Amman : Dār al-Fath lī al-Dirāsat wa al-Nashr.
- Ibn Kathīr, `I. I. (1994). *Tafsīr Al-Qur'ān Al-`Azīm*. Dimashq : Dār al-Fayhā'.
- Ibn Qudāmah, `A. b. A. (2002). *Dhamm Al-Ta'wīl*, ta'līq Muhammad b. Hamid b. `Abd al-Wahhab. Iskandariyyah : Dār al-Baṣīrah.
- Ibn Taymiyyah, T. A. (1993). *Al-Iklil fī Al-Muṭashābih wa Al-Ta'wīl*, ed. Muhammad al-Shaymi Shahatah. Iskandariyyah : Dār al-`Imān.
- Ibn Taymiyyah, T. A. (1993). *Sharḥ Hadīth al-Nuzūl*, tq. Muhammad `Abd al-Rahman al-Khumays. Riyad : Dār al-`Aṣīmah.

- Ibn Taymiyyah, T. A. (2000), *Majmū'ah Al-Rasā'il wa Al-Masā'il*, tq. al-Sayyid Muhammad Rashid Rida. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, T. A. (2001), *Sharḥ Al-'Aqīdah Al-Asfahāniyyah*, tq. Sa`id b. Nasr b. Muhammad. Riyad : Maktab al-Rushd.
- Ibn Taymiyyah, T. A. (2006), *Majmū'ah Al-Fatāwā*, tq. Farid `Abd al-'Aziz al-Jundi wa Ashraf Jalal al-Sharqawi, j. 5. Kaherah : Dār al-Hadīth.
- Ibn Taymiyyah, T. A. (2021). *Al-Mas'alah Al-Hamawiyah fī Al-Istiwa' wa Al-Šifāt Al-Khabariyyah*, tq. Daghsh b. Shabib al-'Ajami. Kuwait : Dār al-Khizānah.
- Ibn Taymiyyah, T. A. Matn Al-'Aqīdah Al-Wasiṭiyyah" di dalam Muhammad Khalil Harras (2021), *Sharḥ Al-'Aqīdah Al-Wasiṭiyyah*, taṣlīq Muhammad b. Salih al-'Uthaymin, c. 10. T.tp : al-Durār al-Saniyyah.
- Kamarzaman, M. H. (2019). Kesinambungan Akidah al-Ash`ari Terhadap Pendekatan Salaf Al-Salih Dalam Persoalan Sifat. *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 16 (Dec.).
- Khalid, O. et al. (2006). *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud, R. A. Z. (2021). *Qawl Al-Salaf fī Al-Šifāt Al-Khabariyyah wa Al-Tafrīqah bayn Madhhab Ahl Al-Sunnah wa Madhhabay Al-Jahmiyyah wa Al-Mujassimah*, c. 2. Kaherah : Dār Uṣūl al-Dīn.
- Muhammad Noor, A. (2014). *Aqidah Yang Membawa Ke Syurga*, Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Nukhbah min al-'Ulamā' (2013). *al-Dalīl al-Rashīd ilā Mutunn al-'Aqīdah wa al-Tawḥīd*, c.2. Kaherah : Dar al-Istiqamah.
- Omar, I. (2017). *Manhaj Aqidah Ahli Assunnah Wal Jamaah*, c. 3. Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Wahab, M. R. (2019). *Pendalilan Mantik al-Ash`ari Dalam Akidah Ketuhanan*. Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wahab, M. R. & Syed Omar, S. H. (2012). Metode Penghujahan Al-Ash`ari Mendepani Aliran Menyeleweng, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2): 99-115.

## **BAB 9**

### **HUKUM LOMPAT PARTI DARI SEGI PERSPEKTIF AGAMA ISLAM DAN HUKUM NEGARA.**

*Maafi Husin bin Ali Amran & Maimanah binti Samsuri.*

#### **Pendahuluan**

Politik adalah perang tanpa terjadinya pertumpahan darah, namun perang adalah pertumpahan darah kadang-kadang tidak memerlukan mekanisme politik. Oleh kerana itu, seseorang muslim yang bergiat dalam politik sepatutnya menyandarkan urusan politiknya dengan batasan syariat dan sesekali tidak boleh melampaunya dengan alasan feqah semasa. Politik yang indah adalah politik yang didasarkan kepada tuntutan syarak. Bahkan, sudah sekian maklum bahawa politik tidak dapat dipisahkan daripada agama. Umum mengetahui tentang perkara ini termasuklah para ulama feqah dan masyarakat Islam keseluruhannya. Ia adalah langkah yang paling utama dalam melaksanakan hukum-hukum Allah SWT ke atas manusia samada kepada golongan pemerintah atau golongan yang diperintah.

#### **Pernyataan Masalah**

Malaysia merupakan negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan multi-etnik serta multi-agama. Ini bermakna kewajipan mengundi itu adalah untuk semua rakyat Malaysia yang berkelayakan. Begitu juga permasalahan dalam pilihan raya terdapat rakyat yang tidak mahu mengundi dan juga yang merosakkan undian mereka (Abdul Rahman, 2013). Di samping itu, wujud konflik antara calon dan juga parti yang bertanding. Ini adalah disebabkan wujud pertentangan ideologi di antara calon (Hussein, 1994).

Oleh kerana itu, di dalam permasalahan kajian ini, kajian akan menganalisa persoalan wakil rakyat yang dipilih secara langsung oleh rakyat atas tiket parti tertentu, kemudian wakil rakyat tersebut keluar parti ataupun melompat ke parti yang lain. Adakah agama Islam membenarkan perkara tersebut? Adakah undang-undang negara membolehkan kejadian tersebut?

#### **Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai objektif daripada penganalisaan persoalan atau permasalahan yang ditimbulkan untuk dikaji, objektif tersebut ialah:

- a. Menilai dari segi hukum agama Islam terhadap wakil rakyat melompat parti.
- b. Mengkaji dari segi hukum negara terhadap wakil rakyat melompat parti.

#### **Analisa dan Perbincangan**

Dalam Islam, politik merupakan suatu tatacara yang mempunyai matlamat terbesar dalam kehidupan. Matlamat itu ialah mencapai keredhaan Allah SWT. Jika seluruh kehidupan ini adalah demi keredhaan Allah SWT, maka tiada lagi orang yang mengatakan bahawa ‘matlamat yang tertentu menghalalkan semua perkara’. Kata-kata seumpama ini sebenarnya adalah politik kotor yang digunakan oleh orang yang tidak beriman dan tidak mengendahkan tentang syariat Allah SWT. Sedangkan menurut

Islam, matlamat yang satu itu (mencapai keredhaan Allah) semestinya selari dengan cara yang dikehendaknya tanpa bercanggahan dengan setiap pemerintah dan larangan-larangan Allah (Abu Faris, 2000).

## Politik

Perkataan politik biasanya disebut dengan tatanegara. Ilmu tatanegara ialah satu ilmu yang membahas dan menyusun cara-cara yang diperlukan untuk membentuk organisasi kehidupan masyarakat dalam negara. Walau bagaimanapun, pengertian politik lebih luas daripada tatanegara. Perkataan politik berasal dari bahasa Yunani “*Polis*” yang bererti “Negara”. Pada permulaannya ia diertikan sebagai segala sesuatu yang berhubung dengan negara. Kemudian ia digunakan sebagai kata benda untuk menamakan praktik memerintah dan kebijaksanaan memerintah, dan selanjutnya ditambah dengan pengertian lain, iaitu seni atau kemampuan untuk memerintah (Azmi, 1999).

Adapun asal usul perkataan “politik”, berasal dari bahasa Yunani “*Politikus*” atau bahasa Latin “*Politica*”. Pemakaian kata ini yang pertama kali dalam abad ke 5 S.M. Asal perkataannya ialah dari “*Polis*” bererti “Negara Kota”. Pada waktu itu, negara Yunani kuno menganggap dunia ini hanya seluas daerah negerinya dan memusatkan masyarakat dan negara mereka kepada ibu kotanya, kota Athens. Kemudian, ssetelah Athens bergabung dengan kota-kota Sparta, Thesallia, Corynthe untuk mempertahankan diri dari serangan luar dan perkataan “*Polis*” masih tetap dipakai untuk pemerintahan yang telah mengalami perluasan wilayahnya.

## Politik Dalam Islam

Semasa di Mekah iaitu sebelum Nabi SAW diutus menjadi Rasul, Rasulullah telah menunjukkan kebijaksanaan dalam pengurusan, amanah, berkemampuan untuk menyelesaikan sesuatu konflik dalam permasalahan yang berlaku dengan baik. Peristiwa meletakkan balik *hajar al-aswad* ke tempat asalnya telah membuktikan beliau mempunyai kewibawaan yang tinggi dan ketokohan sebagai pemimpin. Di samping itu, memiliki kemahiran dan strategi yang tinggi dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan permasalahan yang berlaku (Mohd Zin, 2012).

Di Mekah juga, Rasulullah SAW telah menjalankan dakwah secara *sirrī* (rahsia) selama tiga tahun untuk membina kekuatan Islam dalam kalangan sahabat-sahabatnya. Ketokohan dan kepimpinan Nabi Muhammad SAW telah pun menyerlah pada masa di Mekah lagi, iaitu semasa beliau diangkat menjadi Rasulullah dan mendapat wahu pertama pada malam 17 Ramadan bersamaan 6 Ogos 610M. Pada masa itu, Rasulullah SAW sedang ‘uzlah (mengasingkan diri) di Gua Hira’. Setelah menerima wahu pertama, Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW menyampaikan dakwah secara terang-terangan kepada kaum-kerabat dan seluruh masyarakat di Mekah.

Zaman pemerintahan Rasulullah SAW secara khusus bermula dengan beberapa orang penduduk Mekah yang dipilih oleh Allah SWT untuk berhijrah ke Madinah pada 24 September 622M bersamaan 12 Rabi-ul Awwal tahun pertama Islam hijrah. Maka bermulanya penubuhan Negara Islam pertama di Madinah.

Di samping itu, membentuk Piagam Madinah merupakan satu agenda Rasulullah SAW untuk membina satu hubungan nasional dalam masyarakat Madinah. Piagam Madinah adalah bersifat kontrak sosial yang merupakan muamalah politik yang nyata (Awang, 2011).

Di Madinah, Rasulullah SAW tidak menghalang kaum Muslimin mengadakan hubungan yang baik dengan golongan bukan Islam seperti orang Yahudi selagi mereka tidak mendatangkan ancaman kepada Islam, iaitu mereka hendaklah memberi ketaatan

kepada pemerintah Islam. Ini menunjukkan sistem politik Islam menegakkan perinsip keadilan dan kesamarataan dalam menjaga hak bagi yang lemah tanpa mengira bangsa, etnik maupun warna kulit (Ibn Muhamad, t.t.). Politik Islam juga berperanan sebagai wasilah dakwah dan menolak sistem sekularisme. Kebangkitan para ulama dan tokoh Islam memberi amaran keras dan menolak pendapat yang memisahkan agama dan politik amnya, serta dakwah dan politik khususnya (M. Tahir, 2014).

Oleh kerana itu, di dalam agama Islam terdapat beberapa dalil yang membolehkan seseorang turut serta di dalam berpolitik, antaranya ialah Rasulullah SAW sendiri menggunakan kata politik (*siyāsah*) dalam sabda Baginda menerusi hadis riwayat Bukhari dan Muslim yang bermaksud :

*“Adalah Bani Israil, mereka diurusı (siyasah) urusannya oleh para Nabi (tasusuhumul anbiya). Ketika seorang nabi wafat, nabi yang lain datang mengantinya. Tidak ada nabi setelahku, namun akan ada banyak para khalifah.”*

Jelaslah bahawa politik atau siasah itu adalah menguruskan urusan masyarakat. Rasulullah SAW bersabda di dalam hadis riwayat Ṭabarānī yang bermaksud :

*“Sesiapa saja yang bangun di pagi hari dan dia hanya memperhatikan urusan dunianya, maka orang tersebut tidak berguna apa-apa disisi Allah; dan barang siapa yang tidak memperhatikan urusan kaum Muslimim, maka dia tidak termasuk golongan mereka (iaitu kaum muslim).”*

Oleh itu, adapun tujuan politik Islam ditubuhkan untuk menegakkan hukum Allah SWT dan syariat Allah SWT boleh dilaksanakan. Politik Islam juga mempunyai aktivitinya yang tersendiri iaitu berdasarkan Surah Ali-‘Imran 104 :

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا نَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ٤٠

104. Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

### Politik Menurut Pandangan Ulama

Ahli falsafah Islam seperti Abī Naṣr al-Farābī (339H) telah menghasilkan beberapa buku yang masyhur, antaranya ialah “*Risālah Al-Siyāsah*” dan “*Al-Fuṣūl Al-Madaniyyah*”. Sebahagian kajian menggelarkan beliau sebagai ‘Bapa Falsafah Politik Islam’ kerana perbincangannya yang meluas dalam hal politik.

Selepas beliau, munculnya tokoh falsafah Islam Ibnu Sina (428H) yang merupakan ahli falsafah agung yang terkesan dengan pemikiran al-Farabi. Namun beliau tidak memberi tumpuan khusus dalam isu politik sebagaimana juga perihalnya dalam tajuk-tajuk lain. Perbincangannya tentang politik tidak hanya berlebar di kalangan pemegang kekuasaan sahaja, bahkan meliputi semua individu dalam masyarakat. Kajian ini bersetuju terhadap pandangan ahli falsafah akhlak terkenal iaitu Ibnu Miskawayh berkenaan konsep kerajaan di dalam Islam menerusi kitab falsafah akhlaknya, “*Tahdhīb Al-Akhlaq wa Taṭhīr Al-Arāq*”, iaitu:

*“Dan orang yang menjalankan tugas sunnah ini dan tugas-tugas syara’ yang lain sehingga tidak hilang daripada kedudukan asalnya adalah al imam. Kerja imam adalah kerja seorang raja. Orang-orang terdahulu tidak menamakan seseorang itu sebagai raja melainkan orang yang menjaga ugama dan bersedia melaksanakan martabat, arahan dan larangannya. Adapun orang yang mengelak daripada menjaganya, dia hanya dinamakan penjarah (mutaghallib) yang tiada keahlian untuk diberi nama raja/pemerintah (al-malik). Ini adalah kerana agama merupakan undang-undang ilahi yang mendorong manusia dengan pilihan sendiri ke arah kebahagiaan yang tinggi. Raja adalah penjaga undang-undang ilahi yang menjaga manusia.”*

Politik menurut pandangan ahli falsafah sosial, iaitu Ibnu Khaldun di dalam buku “*Muqaddimah*” berkata :

*“Sebabnya adalah kerana mereka dengan sebab sifat liar mereka itu menjadikan mereka satu umat yang cukup payah untuk saling tunduk sesama mereka dengan sebab kebengisan dan kebencian, jauh himmah dan saling merebut kuasa. Maka sukar sekali ditemui penyatuan hati mereka.”*

Kedatangan agama dengan *nubuwwah* (kenabian) dan *wilayah Allah*, ia menghapuskan sifat buruk dari dalam diri manusia, iaitu sifat takbur dan berebut kuasa dengan menyemai rasa ketundukan dan penyatuan manusia. Semua ini disebabkan ajaran agama yang menolak sifat bengis dan benci, dengki dan saling berebut. Ibnu Khaldun juga menulis satu fasal khas yang menegaskan bahawa dakwah *dīniyyah* telah menambahkan lagi kekuatan negara ke atas kekuatan ‘*asābiyyah* yang sedia ada. Tambah Ibnu Khaldun lagi :

*“Sebabnya – sebagaimana telah disebut – adalah kerana acuan ugama tersebut telah menghilangkan sifat suka berebut dan saling berdengki yang wujud di kalangan ahli *asābiyyah*, lalu melorongkan tujuan kepada kebenaran. Apabila terjadi pencerahan itu pada diri mereka, maka tiada lagi penghalang kerana arah tuju adalah satu dan tuntutan adalah sama di antara mereka. Golongan *kuffar* masa itu pula yang turut merebut kerajaan (sekalipun mereka lebih ramai), tujuan mereka bercanggah-canggah dalam kebatilan. Mereka takut mati. Maka mereka tidak terlawan umat Islam sekalipun mereka lebih ramai. Mereka kalah dan dipercepatkan lagi kekalahan itu dengan sebab kemewahan hidup mereka sebagaimana kami telah sebutkan sebelum ini.”*

Ini sebagaimana terjadi dalam kemenangan - kemenangan yang dicapai di awal Islam. Jumlah tentera Islam di dalam perang *Al-Qadīsiyyah* dan Yarmuk adalah sekitar 30,000 lebih dalam setiap satunya. Manakala jumlah tentera Parsi di *Al-Qadīsiyyah* adalah lebih 120,000 orang dan tentera Hercules di Yarmuk pula adalah 400,000 orang (menurut Al Waqidi). Umat Arab tidak kalah dengan jumlah besar itu bahkan mereka mengalahkan musuh dalam peperangan tersebut.

Ibnu Khaldun memberi tumpuan kepada perihal siasah semasa – tidak sebagaimana Plato dan al-Farabi – dan beliau berusaha menyelongkar hukum semulajadi (sunnah alam) yang menghukum umat dan masyarakat seluruhnya. Beliau adalah ‘Bapa Pembangunan Politik’ ataupun disebut ilmu sosio politik. Beliau, dengan pengiktirafan orang barat sendiri adalah oarang pertama yang menulis mengenai ilmu ini.

## **Kaedah Pilihan Raya Dalam Perspektif Islam Di Malaysia**

Keterlibatan pengundi dalam pilihan raya adalah merupakan bilangan yang ramai kerana merangkumi rakyat yang berugama Islam dan juga bukan Islam. Pengundi hendaklah berumur dua puluh satu tahun ke atas. Di samping itu, hendaklah berkelakuan waras dan amanah. Oleh kerana itu pengundi pada pandangan Islam adalah sebagai seorang saksi yang adil, amanah dan sejarah kehidupan yang elok. Panduan pengundi sebelum membuat undian di Malaysia:

- a. Pengundi hendak mengundi dengan ilmu pengetahuan. Maknanya sebelum membuat undian sudah mengetahui maklumat tentang calon yang hendak dipilih.
- b. Pengundi muslim hendaklah mendengar segala sesuatu tentang calon yang hendak dipilih. Maknanya ada hak memilih iaitu memilih calon yang terbaik.
- c. Dasar dan manifesto parti juga menjadi ukuran pengundi.

Kemudian batasan calon sebagai wakil rakyat dan wakil parlimen di Malaysia:

- a. Calon itu tidak boleh mencalunkan dirinya sendiri
- b. Calon yang mengisi kekosongan oleh sebab tidak ada orang lain yang layak maka ianya mencalunkan dirinya sendiri. Hal ini sebagaimana pelawaan Nabi Yusuf a.s. dalam membantu negara Mesir dalam hal pengurusan kewangan negara (Muhammad Zuhaili Saiman, 1987).

Kemudian kelayakan sebagai pemimpin di Malaysia:

- a. Pemimpin yang menjadi pilihan rakyat ialah hendaklah mempunyai kemampuan (*quwwah*), amanah dan ketelusan.
- b. Pemimpin yang mempunyai kemahiran dan berkebolehan untuk mentadbir dan juga sentiasa menyokong perjuangan Islam.
- c. Pemimpin yang tidak berkompromi dengan orang yang zalim atau tidak adil membuat keputusan.

Oleh kerana itu, cara perlantikan pemimpin di Malaysia adalah selari dengan kaedah perlantikan ketua negara mengikut Islam iaitu melalui proses pilihan raya (Mohd Hashim, Azhar, 2010). Justeru itu, pilihan dibuat adalah mengikut suara majoriti dan ini adalah merupakan konsep syura. Pilihan ini melambangkan pemimpin itu ialah pemimpin yang mempunyai kriteria asas iaitu yang mempunyai keupayaan dalam melaksanakan amanah (Saiman, 1987). Sebaliknya bagi pemimpin yang tidak amanah akan membiarkan rakyatnya dalam kesusahan. Ini adalah kerana pemimpin tersebut membolot kekayaan dan kemewahan untuk dirinya serta kroni-kroni sahaja (Al-Qaradāwī, 2015).

Kemudian ciri-ciri parti yang bertanding juga diambilkira oleh rakyat dalam menentukan pilihan mereka. Ini bermakna rakyat juga menitikberatkan siapa pemimpin parti dan juga anggota-anggotanya. Manifesto dan dasar parti juga diambil perhatian oleh rakyat disamping akhlak dan kandungan percakapan calon (Saiman, 1987). Jikalau didapati pemimpin gagal dalam melaksanakan peranannya sebagai seorang pemimpin

yang amanah dan berwibawa disebuah negara Islam itu. Maka adalah dibolehkan rakyat menjatuhkan atau menggantikan dengan pemimpin yang lain (Al-Māwardī, 2006) Rakyat juga dibolehkan menegur pemimpin andai terdapat kesilapan dalam kepimpinannya. Begitu juga Islam membenarkan pimpinan diturunkan jika terdapat kepimpinan yang menyeleweng (Abdul Rahman, 2013). Justeru, secara umumnya melibatkan diri dalam politik Islam adalah diwajibkan. Ini bermakna bagi setiap rakyat yang layak mengundi adalah diwajibkan melibatkan diri dalam pilihan raya demi untuk memilih calon pemimpin untuk mewakili rakyat.

### **Pengertian Lompat Parti**

Secara amnya, beberapa tafsiran selalu digunakan di negara luar berkaitan lompat parti antaranya seperti ‘*party-switching*’, ‘*defection*’, ‘*party jumping*’ atau ‘*floor crossing*’ yang mana boleh ditafsirkankan sebagai bertukar parti, pembeleton parti dan bertukar kesetiaan kepada parti. Merujuk kepada arena politik di Malaysia, tindakan melompat parti seperti tafsiran tersebut bukanlah suatu yang luar biasa malahan ianya telah menimbulkan banyak perdebatan dan polemik dalam kalangan masyarakat umum. Selaras dengan perkara tersebut, cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen akan terus diperkasakan. Dalam hal ini, kerajaan komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti lompat parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada ahli politik ketika proses pilihan raya.

### **Hukum Ahli Parlimen atau Wakil Rakyat Melompat Ke Parti Lain Dari Segi Pandangan Agama**

Kajian ini melihat bahawa sebagai ahli parlimen atau wakil rakyat yang terpilih atas tiket parti tertentu di dalam pilihan raya kemudian wakil tersebut menang, namun bebberapa bulan kemudian wakil rakyat tersebut melompat ke parti lain boleh dianggap atau dinamakan sebagai khianat. Perkara ini merujuk daripada histori atau latarbelakang atas kemenangan tersebut sebagai wakil rakyat, di antaranya iaitu:

- a. Dipilih sebagai calon atas parti tertentu.
- b. Menang atas tiket parti tertentu.
- c. Persiapan jentera yang diusahakan oleh parti.
- d. Persiapan dari segi kewangan untuk keperluan benner, gambar, kayu dan lain-lain, yang telah diusahakan dan diperjuangkan oleh parti.
- e. Mempunyai matlamat yang baik atas budi bicara dan nasihat parti.

Oleh kerana itu, menurut hemat pengkaji bahawa berlakunya lompat parti ke parti lain merupakan tindakan khianat kepada individu, kelompok atau organisasi, kerana perkara tersebut dinilai dan dirujuk daripada histori dan latarbelakang wakil rakyat tersebut. Justeru perkara tersebut dikategori sebagai khianat, agama Islam sangat milarang perkara tersebut, kerana Islam meletakkan khianat pada tempat yang hina lagi dina, selain merupakan sebahagian dari tanda-tanda orang munafik. Allah menjelaskan orang yang beriman tidak boleh mengkhianati amanah yang telah diberikan. Ia telah tersurat dalam surah al-Anfāl ayat 27:

يٰ أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْوِلُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَحْوِلُوا أَمْنِتُكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ۚ ۲۷

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)*

Perbuatan khianat ini merupakan tanda-tanda daripada sifat Munafik, sebagaimana Nabi Muhammad SAW bersabda:

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا أُؤْتِمَ حَانَ

Maksudnya:

*“Daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda : Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati.”*

[Al-Bukhāri, *Sahīh al-Bukhāri*, Bāb ‘Alāmat al-Munāfiq, no hadis 32]

Oleh yang demikian, hadis di atas sangat jelas dan terang menunjukkan bahawa sifat munafik ialah salah satu sifat yang sangat dibenci oleh Allah SWT. Oleh itu, Umat Islam hendaklah menjauhi sifat tersebut. Kemudian tanda-tanda orang munafik ialah orang yang suka bercakap bohong, memungkiri janji apabila berjanji dan tidak menunaikan amanah.

### **Hukum Ahli Parlimen atau Wakil Rakyat Melompat Ke Parti Lain Dari Segi Pandangan Undang-Undang Di Malaysia**

Semenjak PRU-14 tersebut juga, Malaysia berhadapan dengan isu pergolakan politik sehingga menyebabkan berlaku pertukaran penyandang jawatan Perdana Menteri sebanyak tiga (3) kali dan bilangan ahli Parlimen Malaysia yang melompat parti adalah mencecah sehingga 39 orang. Angka tersebut juga dipercayai yang teramai dalam sejarah rekod ahli Parlimen yang melompat parti sejak lebih 60 tahun lalu. Ini merupakan satu isyarat yang jelas menunjukkan bahawa amalan demokrasi negara kita kini adalah tidak sihat dan membimbangkan.

Selaras dengan perkara tersebut, cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen akan terus diperkasakan. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti lompat parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada ahli politik ketika proses pilihan raya.

Bagi menjamin kestabilan politik dan mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap sistem pemilihan pemimpin negara, Parlimen pada baru-baru ini telah meluluskan sebuah mekanisme bagi mengekang aktiviti lompat parti dikalangan ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Mekanisme pencegahan ini dikuatkuakan menerusi sebuah Akta Parlimen yang dipanggil Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 atau dikenali sebagai Akta A1663 yang mula berkuatkuasa pada 5 Oktober 2022. Akta A1663 berperanan sebagai sebuah Akta pindaan terhadap beberapa Perkara dan Fasal didalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan kebebasan berpersatuan dan juga keanggotaan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Di antara ciri signifikan Akta A1663 adalah dengan tambahan peruntukan Perkara 49A didalam Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh definisi dan pengecualian terhadap aktiviti lompat parti di Dewan Rakyat. Menurut Perkara 49A (1) (a), seseorang ahli Dewan Rakyat yang mewakili suatu parti politik boleh didefinisikan sebagai melompat parti sekiranya beliau melepaskan keanggotaan parti politiknya, ataupun tidak lagi menjadi ahli anggota parti politik tersebut. Manakala, Perkara 49A (1) (b) turut mentakrifkan bahawa, seorang ahli Dewan Rakyat yang memenangi pilihanraya diatas tiket calon bebas, turut ditafsirkan sebagai melompat parti sekiranya beliau menyertai sesuatu parti politik sebagai anggota parti tersebut.

Sekiranya senario-senario di atas berlaku, maka keahlian seseorang ahli Dewan Rakyat tersebut adalah terhenti dan kerusinya haruslah dikosongkan. Hal ini sekiranya berlaku, sudah tentu akan menuntut sebuah pilihan raya kecil bagi kerusi Parlimen berkaitan diadakan sepertimana yang dituntut dibawah Perkara 49 (A) (4) Perlembagaan Persekutuan. Namun, larangan terhadap lompat parti ini bukanlah mutlak dan tertakluk kepada beberapa pengecualian. Hal ini dinyatakan dengan jelas menerusi Perkara 49A (2) Perlembagaan Persekutuan yang menggariskan tiga perkara yang tidak menghentikan keahlian seseorang ahli Dewan Rakyat.

Di antaranya ialah sekiranya parti yang diwakilinya dibubarkan atau pendaftaran parti politiknya dibatalkan. Keduanya sekiranya ahli Dewan Rakyat tersebut mendapat pelepasan keanggotaan dari parti politiknya apabila terpilih untuk dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Akhir sekali, sekiranya beliau dipecat daripada parti politik yang sedang dianggotainya. Manakala diperingkat Dewan Undangan Negeri pula, larangan dan pengecualian yang sama mengenai aktiviti lompat parti dinyatakan melalui pindaan terhadap Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan menerusi Akta yang sama. Namun bagi tujuan penguatkuasaan di peringkat negeri, ia perlulah mendapat persetujuan Sultan atau Yang di-Pertua Negeri di negeri yang bekenaan.

Oleh keran itu, menurut hemat pengkaji, berdasarkan undang-undang dan Akta yang baru di sahkan di dewan rakyat yang berkuatkuasa pada 5 Oktober 2022, perkara tersebut sebagai dalil dan bukti bahawa wakil rakyat yang telah dicalonkan oleh parti tertentu ketika bertanding semasa pilihan raya umum kemudian menang, dilarang melompat ke mana-mana parti lain dalam apa-apa alasan sekalipun.

### **Implikasi Tindakan Lompat Parti**

Secara umumnya, tindakan wakil rakyat atau ahli Parlimen yang lompat parti menyebabkan rakyat hilang kepercayaan terhadap ahli Parlimen yang dipilih melalui pilihan raya. Tidak dinafikan pelbagai alasan untuk seorang ahli Parlimen bertindak lompat parti misalnya pengaruh wang, kuasa dan dijanjikan jawatan dalam parti. Sikap dan tindakan lompat parti oleh ahli Parlimen secara langsung menggambarkan nilai kesetiaan terhadap parti yang diwakili.

Kehilangan ini secara langsung menggambarkan kepimpinan parti yang lemah dan memberi indikasi kepada rakyat mengenai ketidakstabilan politik dan Kerajaan yang memerintah. Amalan demokrasi melalui proses pilihan raya juga tidak lagi bernilai kepada ahli Parlimen yang lompat parti. Selain itu, tindakan ahli Parlimen yang lompat parti secara tidak langsung mengakibatkan implikasi negatif kepada institusi diraja sekaligus hak rakyat memilih Kerajaan yang memerintah dinafikan.

Oleh itu, dalam konteks ini, jelas negara memerlukan suatu remedii yang efektif bagi mengekang tindakan ahli-ahli Parlimen yang lompat parti. Tindakan ahli Parlimen Penggerang yang telah mengemukakan dua (2) usul iaitu Rang Undang-Undang (RUU) Pemecatan Ahli-Ahli Parlimen 2021 (*Recall of Members Parliament Bill 2021*) dan

RUU Pengawalan Lompat Parti dan Akauntabiliti Politik di bawah Peraturan Mesyuarat 49(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat merupakan salah satu cadangan mekanisme yang boleh dipertimbangkan bagi maksud mengekang tren lompat parti dalam kalangan ahli Parlimen jika ia mengikut peraturan yang betul dan teratur.

## Kesimpulan

Dalam Islam, politik merupakan suatu tatacara yang mempunyai matlamat terbesar dalam kehidupan. Matlamat itu ialah mencapai keredhaan Allah SWT. Jika keseluruhan kehidupan ini adalah demi keredhaan Allah SWT maka tiada lagi orang yang mengatakan bahawa ‘matlamat yang tertentu menghalalkan semua perkara.

Sebagai ahli parlimen atau wakil rakyat yang terpilih atas tiket parti tertentu di dalam pilihan raya umum kemudian wakil tersebut menang namun bebberapa bulan kemudian wakil rakyat tersebut melompat ke parti lain boleh dianggap atau dinamakan sebagai khianat. Perkara ini merujuk daripada histori atau latarbelakang atas kemenangan tersebut sebagai wakil rakyat, di antaranya iaitu pertama, dipilih sebagai calon atas parti tertentu. Kedua, menang atas tiket parti tertentu. Ketiga, persiapan jentera yang diusahakan oleh parti. Keempat, persiapan dari segi kewangan untuk keperluan benner, gambar, kayu dan lain-lain, yang telah diusahakan dan diperjuangkan oleh parti. Kelima, mempunyai matlamat yang baik atas budi bicara dan nasehat parti.

Oleh itu, berlakunya lompat parti ke parti lain merupakan tindakan khianat kepada individu, kelompok atau organisasi, kerana perkara tersebut dinilai dan dirujuk daripada histori dan latarbelakang wakil rakyat tersebut. Agama Islam sangat milarang perkara tersebut, kerana Islam meletakkan khianat pada tempat yang hina lagi dina, selain merupakan sebahagian dari tanda-tanda orang munafik.

Kemudian, berdasarkan undang-undang dan Akta yang baru di sahkan di dewan rakyat yang berkuatkuasa pada 5 Oktober 2022, perkara tersebut sebagai dalil dan bukti bahawa ahli parlimen atau wakil rakyat yang telah dicalonkan oleh parti tertentu ketika bertanding semasa pilihan raya umum kemudian menang, dilarang melompat ke mana-mana parti lain dalam apa-apa alasan sekalipun.

## Rujukan

- Abd Aziz, M. Z. (2012). *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi SAW*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Abu Faris, M. A. Q. (2000). *Pemerintahan Negara Islam Yang Sebenar*. Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise
- Al-‘Anbāriy, K. I. ’A. (2008). *Sistem Politik Islam menurut Al-Quran, Al- Hadis dan pendapat Ulama’ Salaf*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn.Bhd
- Al-Bukhārī, M. b. I. (1433H). *Sahīh Al-Bukhārī*. Damshiq : Dār Tuq al-Najāh
- Al- Māwardī, A. H. ‘A. (2006). *Al- Ahkām Al- Sultāniyyah*. Kaherah : Dārul Ḥadīth
- Al-Qaraḍāwī, Y. (1996). *Min Fiqh Dawlah*. Kaherah. Dār al-Shurūq
- Al-Tabrānī, A. Q. S. (1996). *Al-Mu‘jam Al-Kabīr*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Ibn Khaldūn, A. R. (1981). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Maktabah al-Ma‘ārif
- Idris, A. G. A. (1999). *Bagaimana Islam Berpolitik Dan Memerintah*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publisher
- M. Tahir (2014). *Konsep Berdakwah Melalui Politik Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya

- Mohd Hashim, M. I. A. & Azhar, A. (2010). Prinsip dan Model Negara Islam : Definisi dan Aplikasinya di Malaysia. *JGD - Journal of Governance and Development*, Vol.6, (53 - 68)
- Muslim, A. H. (1997). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Mesir: Dār al-Addīn.
- Saiman, M. Z. (1987). *Sembang-sembang Politik Islam*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd
- Hussein, S. A. (1994). *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia
- Zaharuddin, A. . (2013). *Indahnya Politik Islam*. Selangor : Galeri Ilmu Sdn.Bhd

## **BAB 10**

### **KEFAHAMAN AYAT AL-SIFAT MENURUT PANDANGAN BEBERAPA RUJUKAN ASHAIRAH NUSANTARA**

*Hamidun Mohamad Husin*

#### **Pengenalan**

*Ayat al-Sifat* umumnya merujuk ayat-ayat al-Quran mengenai Sifat-sifat Allah. Al-Quran yang membawa mesej utama kepercayaan kepada Allah telah menyatakan sekian banyak sifat-sifat Allah yang wajib diimani setiap muslim.

Sebahagian sifat-sifat Allah berdasarkan ayat-ayat al-Quran (termasuk 13 sifat wajib bagi Allah menurut Ashairah) seperti *Wujud* (Ada), *Qidam* (Sedia), *Baq'a* (Kekal), *Qudrah* (Berkuasa), *Iradah* (Berkehendak) dan yang lain seumpamanya diterima secara sepakat dalam kalangan aliran-aliran Ashairah, Maturidiyah dan Ahl al-Hadis (al-Salafiyah) meskipun menerusi istilah dan metod pendalilan yang berbeza antara satu sama lain.

Namun begitu terdapat pandangan-pandangan berbeza terhadap sifat-sifat Allah yang lain iaitu sifat *Rahmah* Allah, *Rukyatullah* (Allah dapat lihat di Akhirat), *Haya'* (malu), *Ridha* (suka)nya Allah Taala, *Hubb* (kasih), *Ghadhab* (marah), *Karahah* (benci), *Ityan* (datang), *Yad* (tangan), *Yamin* (kanan), *Wajah* (muka), *Ayn* (mata), Sifat *Istiwa' ala al-'Arsh* (*Istiwa* di atas *Arash*) dan sifat *Fauqiyyah* Allah (iaitu sifat ketinggian Allah/ Allah berada di atas), meski pun jumhur Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah (iaitu ketiga-tiga aliran Ashairah, Maturidiyah dan Ahl al-Hadis) sepakat menerima semua keyakinan tersebut sebagai sebahagian dari keimanan kerana ia sabit dengan dalil ayat Quran, antaranya seperti di dalam jadual berikut :

*Jadual 1.*

Sifat Allah	Ayat Quran	Terjemahan ayat	Surah & ayat:
1. Sifat <i>Rahmah</i>	الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ	(Dialah) al-Rahman al-Rahim	Al-Fatiyah ayat 2
2. <i>Rukyatullah</i> (Allah dapat lihat di Akhirat).	وَجْهٌ يُوْمَئِذٍ نَاضِرٌ إِلَى رَبِّهَا نَاظِرٌ	Wajah-wajah yang pada hari tu sangat ceria memandang Tuhan mereka.	al-Qiamah ayat 22-23
3. <i>Haya'</i> (malu)	إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِي	Sesungguhnya Allah tidak malu	al-Baqarah ayat 26
4. <i>Ridha</i> (suka)	رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنْ اتَّبَعَ رَضْوَانَهُ	Allah meredhai (suka akan) mereka.  Allah memberi hidayah dengannya (Quran) akan sesiapa yang menuruti keredhaanNya.	al-Taubah ayat 100  al-Maidah ayat 16
5. <i>Hubb</i> (kasih)	فَاتَّبِعُونِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ أَكْثَرٌ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ	Maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihimu.	Ali-Imran ayat 31

	<p>إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ</p> <p>إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَابِينَ</p> <p>وَيُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ</p> <p>وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ</p>	<p>Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertaqwa.</p> <p>Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang melakukan kebaikan.</p> <p>Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang beetaubat dan menyucikan diri.</p> <p>Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bersabar.</p>	
6. <i>Ghadhab</i> (Marah)	<p>غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ</p> <p>وَبَأْوَا بِغُضْبٍ مِّنَ اللَّهِ</p> <p>وَغُضْبُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَلَعْنَهُ</p>	<p>Bukan orang-orang yang dimurka (Allah).</p> <p>dan mereka mendapat kemurkaan Allah Taala.</p> <p>dan Allah murka serta melaknat ke atasnya.</p>	al-Fatiyah ayat 7  al-Baqarah ayat 61  al-Nisa' ayat 93
7. <i>Karahah</i> (benci)	<p>وَلَكُنْ كُرْبَةُ اللَّهِ اُبْعَاثُهُمْ</p> <p>وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ فَيَانَ اللَّهِ لَا</p> <p>يُحِبُّ الْكَافِرِينَ</p> <p>إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ</p> <p>الْمُفْسِدِينَ</p>	<p>Tetapi Allah tidak menyukai keberangkatan mereka.</p> <p>Dan Allah tidak menyukai orang-orang yang zalim.</p> <p>Maka sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang kafir.</p> <p>Dan Allah tidak menyukai orang-orang yang membuat kerosakan.</p>	al-Taubah ayat 46  Ali Imran ayat 57  Ali Imran ayat 32  Al-Qasas ayat 77
8. <i>Ityan</i> (Datang)	<p>هَلْ يَنْظَرُونَ إِلَّا أَنْ</p> <p>يَأْتِيهِمُ اللَّهُ فِي ظُلْلٍ مِّنْ</p> <p>الْعَمَامَ</p>	<p>Adakah mereka melihat kecuali Allah datang</p>	al-Baqarah ayat 210

	<p>هُل يَنْظَرُونَ إِلَّا أَنْ تَأْتِيهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَوْ يَأْتِي رِئَبُكُ أَوْ يَأْتِي بَعْضُ آيَاتِ رِبِّكَ</p> <p>وَجَاءَ رِئَبُكَ وَالْمَلَكُ صَفَّا صَفَا</p>	<p>Adakah mereka melihat selain datang para malaikat datang kepada mereka atau Tuhan datang atau datang beberapa tanda TuhanMu.</p> <p>Dan Tuhanmu datang sedangkan malaikat saling berbaris.</p>	al-An'am ayat 158 al-Fajr ayat 22
9. <i>Yad</i> (Tangan)	<p>بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ</p> <p>مَا مَنْعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا حَلَقْتُ بِيَدِي</p> <p>يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ</p>	<p>Bahkan dua tanganNya terbuka luas</p> <p>Apa yang menahanmu dari sujud kepada apa yang Aku jadikan dengan dua TanganKu</p> <p>Tangan Allah di atas tangan-tangan mereka</p>	al-Maidah ayat 64 Sad ayat 75 al-Fath ayat 10
10. <i>Yamin</i> (Kanan)	<p>وَالسَّمَوَاتُ مَطْوِيَّاتٌ</p> <p>بِيمِينِهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى</p> <p>عَمَّا يُشْرِكُونَ</p>	<p>dan langit digulung dengan tangan kananNya, Maha Suci dan Maha Tinggi Dia dari apa yang mereka persekutukan.</p>	al-Zumar ayat 67
11. <i>Wajh</i> (Muka)	<p>فَشَّمَ وَجْهَ اللَّهِ</p> <p>يُرِيدُونَ وَجْهَهُ</p> <p>وَيَقِنَى وَجْهَ رِئَبِكَ دُوَّ</p> <p>الْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ</p>	<p>Maka di situlah (kamu menghadap) Wajah Allah.</p> <p>Mereka mahu mencari WajahNya.</p> <p>Dan yang kekal Wajah Tuhanmu yang memiliki Ketinggian dan kemuliaan.</p>	al-Baqarah ayat 115 al-An'am ayat 52 al-Rahman ayat 27
12. <i>Ayn</i> (mata)	<p>وَلَنْصُنْعُ عَلَى عَيْنِي</p> <p>وَاصْنُعُ الْفَلَكَ بِأَعْيُنِنَا</p> <p>وَوَحِينَا</p>	<p>Dan supaya kamu diasuh dibawah pengawasanKu (mataKu).</p> <p>Dan binalah kapal dibawah pengawasan (mata) dan Wahyu kami</p>	Taha ayat 39 Hud ayat 37

	واصِبْرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا	Dan bersabarlah dengan ketetapan Tuhanmu kerana sesungguhnya kamu di bawah pemerhatian (mata) Kami.	al-Tur : 48
13. Sifat <i>Istiwa' ala al-'Arsh</i> ( <i>Istiwa</i> di atas <i>Arash</i> )	ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى	Kemudian (Dia) <i>Istiwa</i> di atas <i>Arash</i>  Al-Rahman <i>Istiwa</i> di atas <i>Arasy</i>	al-A'raf ayat 54  Taha ayat 50
14. <i>Fauqiyyah</i> (ketinggian/sebelah atas)	وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ يَخَافُونَ رَهْمَمِ مِنْ فَوْقِهِمْ إِلَيْهِ يَصْعُدُ الْكَلْمُ الطَّيِّبُ	Dan Dia yang menguasai atas hambaNya  Mereka takut akan Tuhan mereka dari sebelah atas mereka.  KepadaNya naik perkataan yang baik.	al-An'am ayat 18  al-Nahl ayat 50  Fatir ayat 10

Sementara mereka bersepakat atau hampir tidak berselisih langsung mengenai tujuh sifat pertama dalam jadual di atas (iaitu sifat *Rahmah Allah*, *Rukyatullah* (Allah dapat dilihat di Akhirat), *Haya'* (malu), *Ridha* (suka)nya Allah Taala, *Hubb* (kasih), *Ghadhab* (marah) dan *Karahah* (benci), tujuh sifat yang berikutnya [iaitu *Ityan* (datang), *Yad* (tangan), *Yamin* (kanan), *Wajah* (muka), *Ayn* (mata), Sifat *Istiwa' ala al-'Arsh* (*Istiwa* di atas *Arash*) dan sifat *Fauqiyyah* Allah (iaitu sifat ketinggian Allah/ Allah berada di atas)] menerima pandangan yang berbeza-beza dalam kalangan Ashairah, Maturidiyah dan Ahl- al-Hadis. Kategori ayat *al-sifat* ini justeru dikenali sebagai *Ayat Mutashabihat* – iaitu ayat yang menimbulkan kekeliruan kesan kecaburan pada makna kerana sifat-sifat Allah SWT dalam ayat tersebut pada zahirnya sama dengan sifat makhluk. Sifat-sifat Allah tersebut turut dipanggil *Sifat Khabariyah* Allah Taala kerana ia diterima sebagai kebenaran lantaran ia dikhabarkan menerusi nas.

Umumnya dalam masalah *ayat al-sifat / sifat khabariyah* Allah Taala ini terdapat 2 pandangan utama iaitu mazhab *Tafwidh* dan mazhab *Takwil*. Ringkasan perinciannya adalah seperti berikut :

### Mazhab *Tafwidh*

Dalam memahami sifat *Ityan* (datang), *Yad* (tangan), *Yamin* (kanan), *Wajah* (muka), *Ayn* (mata), Sifat *Istiwa' ala al-'Arsh* (*Istiwa* di atas *Arash*) dan sifat *Fauqiyyah* Allah (iaitu sifat ketinggian Allah/ Allah berada di atas), pandangan yang dipelopori generasi *Salaf al-Ummah* ini (300 tahun terawal) telah menetapkan (*ithbat*) semua ayat berkenaan dan mentafwidhkan (menyerahkan) makna kefahamannya kepada Allah Taala. Semboyan yang dipegang adalah sebagaimana dinyatakan Imam Malik rahimahullah ketika ditanya bagaimana Allah beristiwa' :

الاستواء غير مجهول، والكيف غير معقول، والإيمان به واجب، والسؤال عنه بدعة

Maksudnya : *Istiwa'* itu diketahui (dalam urusan agama Islam), dan perincianya (kaifiyat *Istiwa*) itu tidak difahami, beriman dengannya adalah wajib, manakala bertanya (mengenai *istiwa'*) adalah bidaah (al-Bayjuri 2004 :105; Zayn al-Din al-Fathani t.t : 50)

Cara pemahaman ini adalah hasil penjelmaan budaya yang telah disemai Nabi SAW dan diwariskan kepada generasi pelapis selepasnya.

### **Mazhab Takwil.**

Berbeza pandangan pertama yang mengitibaikan apa sahaja sifat Allah di dalam al-Quran tanpa sebarang perincian lanjut, mazhab *takwil* yang dipelopori kalangan *khalaif* ( golongan terkemudian, selepas 300 tahun selepas Nabi SAW) telah mentakwilkan maksud *ayat al-sifat* menggunakan kaedah-kaedah Bahasa Arab yang absah (*Balaghah, Bayan, Badi'* dan sebagainya) bagi mencapai matlamat mensucikan Allah Taala dari sebarang persamaan atau penyerupaan (*tashbih*) dengan makhluk. Allah datang, *Yadullah, Wajhullah, Istiwa'* dan ketinggian umpamanya ditakwilkan dengan maksud yang menepati akidah (tidak berlaku *tashbih*) dan sejajar dengan daya kefahaman semasa umat. Maka timbul makna telah datang (ketetapan) Allah, Kudrat Allah mengatasi kudrat mereka, maka menghadaplah kepada Zat Allah, *istiwa* di atas Arasy dengan maksud Allah yang menguasai Arasy, manakala ketinggian Allah pula ialah tinggi paksaan dan penguasaan.

### **Permasalahan Kajian**

Mutakhir ini polemik antara dua mazhab *Tafwidh* dan *Takwil* kembali meruncing menyaksikan segelintir individu dari kelompok Ashairah yang mendokong pendekatan *Takwil Khalaf* telah sama sekali menolak pendekatan *Tafwidh* yang umumnya didokong aliran salaf. Di atas nama mempertahankan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah penceramah agama menjelaskan bahawa satu-satunya keyakinan yang benar adalah dengan mentakwil ayat-ayat *mutasyabihat* ([https://www.youtube.com/watch?v=A1023G4\\_ILA&t=133s](https://www.youtube.com/watch?v=A1023G4_ILA&t=133s)).

Ini dilihat berlaku ketika mereka cuba mempertahankan pendekatan *takwil* yang diserang begitu kerass dan bertubi-tubi oleh ‘pihak lawan’ di pentas kuliah agama, persada akademik, penulisan alam maya termasuk capaian media sosial. Ashairah menurut ‘musuhnya’ adalah sebaris dengan golongan yang menolak ayat Quran tertentu (*muattilah*), yang menyamakan Allah dengan makhluk (*mushabbihah*) atau menyakini Allah mempunyai jisim atau bentuk jasmani (*mujassimah*) (<https://arabiyy.wordpress.com/2018/06/27/hakikat-kesesatan-ashairah/>). Malah dalam menanggapi isu ini timbul sangkaan terdapat dikotomi kental bahawa Ahl al-Hadis bermazhab *Tafwidh* manakala Ashairah dan Maturidiyah pula bermazhab *Takwil* (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2007: 20).

Kajian ini berusaha meneliti apakah sebenarnya pandangan sah kelompok mutakhir Ashairah dalam isu *Ayat al-Sifat/ Sifat Khabariyah* Allah Taala menerusi penelitian terhadap beberapa rujukan Ashairah Nusantara. Ia akan mengukur sejauh mana kebenaran dakwaan bahawa golongan Ashairah menolak pandangan Salaf mengenai *Sifat Khabariyah Allah Taala*.

### **Metod Kajian**

Kajian menggunakan pendekatan analisis kandungan berkenaan isu *takwio* dan *tafwidh ayat al-sifat / mutasyabihat* di mana 3 rujukan Ashairah nusantara diteliti. Rujukan

tersebut adalah al-Durr al-Thamin karangan Shaykh Daud bin Shaykh Abdullah al-Fathani, terbitan tanpa tarikh oleh Matbaah Bin halabi Fathani Thailand, ditulis dengan cetakan tulisan jawi Bahasa Melayu bercampur Bahasa Arab.

Kitab rujukan yang kedua pula adalah Syarah Matan Jauharat al-Tauhid Imam al-Laqqani oleh seorang ulama jawi yang tidak dinamakan, yang selesai ditulis pada hari Rabu, dalam bulan Ramadhan tahun 1292 Hijrah di Kampung Parit Dalam, Sambas berhampiran dengan (kediaman) Sultan Muhammad Safiuddin, Sambas dan terbitan tanpa tarikh oleh Matbaah Bin Halabi Fathani Thailand. Rujukan ini juga ditulis dengan cetakan tulisan jawi Bahasa Melayu bercampur Bahasa Arab.

Manakala kita ketiga adalah Aqidat al-Najin Fi Ilmi Usul al-Din karangan Shaykh Zayn al-Abidin bin Muhammad al-Fathani, terbitan tanpa tarikh oleh Matbaah Bin halabi Fathani Thailand, ditulis dengan cetakan tulisan jawi Bahasa Melayu bercampur Bahasa Arab.

### Ayat al-Sifat Menurut Pandangan Rujukan Ashairah Nusantara

al-Durr al-Thamin karangan Shaykh Daud bin Shaykh Abdullah al-Fathani Shaykh Daud pada halaman 44-45 antara lain menyatakan:

“(Dan) tatkala adalah mazhab itu dua, satu mazhab al-salaf dan kedua mazhab al-khalaf pada barang yang disebutkan didalam al-Quran dan hadis yang memberi waham bagi mneyerupai dengan yang baharu maka telah menyatakan ia dengan katanya ( وكل نص أوهم )

(الت شبها # أوله أو فوض ورم تزيها) dan tiap-tiap nas Quran atau Hadis yang mewahamkan ia akan serupa dengan yang baharu seperti menunjukkan ada berjihadseperti firmanNya ( يخافون ربهم من فوقهم ) takut mereka itu akan Tuhan mereka itu daripa a atas meeka itu maka menyatakan ayat keadaan Tuhan pihak atas,

atau menunjukkan berjisim seperti firmanNya ( وجاء ربكم ) dan telah datang Tuhanmu maka adlah ayat ini menunjukkan berjisim kerana datang tiada dikatakan melainkan ada jisimnya. Demikian lagi seperti disebutpada hadis seperti sabda Nabi SAW

(إن الله خلق آدم على صورته) bahawasanya Ia menjadikan Adam atas rupanya maka adalah hadis ini menunjukkan adalah bagi Allah rupa, dan yang menunjukkan beranggota seperti seperti firman Allah Taala ( ويقى وجه ربكم \* يد الله فوق أيديهم ) dan yang tinggal itu wajah Tuhanmu, (Dan) tangan Allah di atas tangan-tangan mereka itu mala dua ayat ini menunjukkan beranggota.

Maka mazhab al-Khalaf wajib kita takwilkan yakni tonggengkan atas menyalahi zahirnya, maka ditakwilkan diatas ketinggian dan diatas kebesaran buka diatas dua tempatnya. Dan ditakwilkan datang itu dengan datang pesuruhanNya yang membawa azab atau membawa rahmat atau pahalanya iaitu Malaikat. Dan dikehendaki dengan rupaNya itu atas sifatNya dan mukaNya itu zatNya, dan tangan itu kudratNya. Demikianlah ditakwilkan tiap-tiap ayat atau hadis yang memberi waham akan menyerupa baharu, atau petolongNya atau ilmuNya seperti firmanNya

. أينما تولوا فثم وجه الله \* وهو معكم أينما كنتم . Ini mazhab yang muaqquad mazhab al-khalaf.

Adapaun mzhab al-salaf itu adalah mereka itu tafwidh ilmunya itu kepada Allah dan wajib kita i'tiqadkan seperti barang yang ada pada zahir katanya, dan pada hakikat kita jauhka nsegala kekurangan seperti kata Imam Malik : Kami ketahui arti diatas, tetapi tiada kami ketahui hakikatnya seperti kita kata Allah diatas tetapi tiada seperti diatas segala yang baharu.

Dan Allah Taala bertangan tiada seperti segala tangan tiada seperti segala tangan yang baharu. Dan Allah bermuka tiada seperti segala muka yang baharu. Maka hakikatnya Ia yang mengetahui kehendakNya.

Dan wajib atas kita tanzihkan menyerupa dengan yang baharu pada hakikaynya, Maka tiada mengapa muafaqah pada nama. Inilah mazhab salag radiallahu anhum, maka adalah dua ini Tariq dari daripada Ahu Sunnah wa al-Jamaah jua.”

Syarah Matan Jauharat al-Tauhid Imam al-Laqqani karangan seorang ulama jawi yang tidak dinamakan Pengarang yang tidak bernama pada halaman 24-25 menyatakan bahawa:

“ wajib atas kamu memelihara akan barang yang dikhabarkan oleh syara’ , atau memberi izin Syara’

Dan isti’mal akandia dan barang yang dikhabarkan oleh nas Quran yang amat mulia atau hadis Nabi SAW di dalam zahirnya iaitu mustahil bagi Allah Taala maka dalamnya itu dua mazhab, pertama mazhab salaf dan kedua mazhab khalaf.

Dan sebab demikian itu kata musannif radiallahu anhu

( وكل نص أوهن التشبيها # أوله أو فرض ورم تنزيها ) yakni tiap-tiap lafaz nas Quran yang amat tinggi atau hadis yang memberi ibham pada kita didalam zahirnyabagi hak Allah Taalamaka dlamnya itu dua mazhab. Maka mazhab khalaf itu katanya engkau takwilkan akandia dengan takwil yang patut bagi hak Allah Taala.

Dan kata mazhab salaf itu engkau *tawwidhkan* akandia kepada Allah Azza wa Jalla halnya, qasadkan mesucikan Allah Azza wa Jalla daripada makna yang zahirnya itu mustahil bagi Allah Taala. Dan yaitu ittifaq dua mazhab dalam takwilkan yang ijma’serta mesucikanakan Allah Azza wa Jalladaripada zahirnya nas.

Dan ikhtilaf dua mazhab itu dalam takwil yang tafsil seperti firman Allah Azza wa Jalla (يُدَلِّ اللهُ فوْقَ أَيْدِيهِمْ ) dan ( وجاء ربك ) ( ويقي وجه ربك ) ila Akhirihi, dan barang lainnya,

yakni lafaz وجاء and lafaz جاء and lafaz يد sumanya itu mustahil kepada Allah Taala didalam zahir maknanya kerana bahwasanya makna wajah pada lughah itu muka, dan makna جاء itu datang and menunjukkan berjisim zat Allah Taala dalam zahir maknanya.

Dan makna يد dalam bahasa lughah itu makai aitu tangan yang zahir itu, maka makna sumanya itumustahil kepada AllahTaala dalam zahirnya.

Maka mazhab ulama yang salaf itumemberi takwil yang ijmal serta mustahil ia akan Allah Azza wa Jalla, maka katanya bahwasanya Allah Taala itu mempunyai wajah dengan wajah yang layak ia bagi Allah Azza wa Jalla. Dan demikian lagi يد . Dan memberi takwil mazhab ulama khalaf dengan takwil yang munfasil serta mesucikan akan Allah daripada zahirnya nas maka katanya makna وجه(wajah) itu Zat Allah Taala yang wajib al-wujud . Dan makna يد itu qudrah Allajh Taala and demikian lagi barang lainnya.

Tetapi mazhab ulama yang salaf itu terlebih aslam dan mazhab ulama yang khalaf terlebih aq’ad yakni terlebih teguhsebab banyak perbantahan daripada orang yang sesat daripada orang Jabariah dan Qadariah and Mu’tazilah and Mujassimah and orang Falasifah and barang lainnya.”

### **3- Kitab Aqidat al-Najin Fi Ilmi Usul al-Din karangan Shaykh Zayn al-Abidin bin Muhammad al-Fathani**

Shaykh Zayn al-Abidin al-Fathani pada halaman 49 menyatakan:

“ dan telah lalu sesat orang yang berpegang dengan zahir segala ayat *mutasyabihat* atau segala hadis *mutasyabihat* itu jadi kufur maka sekarang hamba hendak menyebutkan jalan takwil demikian itu zahir atas dua mazhab, maka keduanya itu sebenarnya maka barangmanya salah suatu daripada keduanya apabila kita taqlid lepaslah kita daripada sesat. Dan salah suatu daripadanya mazhab ahli al-salaf dan yang kedua mazhab khalaf. وكل نص أو هم التشبيها # أوله أو فرض ورم تزييها artinya tiap-tiap nas Quran atau Hadis yang memberi wahamis akan Tasybih Allah itu dengan yang baharu takwillah olehmu atau serahkan olehmu akan pengetahuan itu kepada Allah dan qasad olehmu akan suci Allah Taala daripada menyerupai dari segala yang baharu.

(Bermula) Murad tasybih itu menyerupai dan murad dengan takwil itu tonggengkan dia atas bersalahan zahirnya serta menyatakan makna yang dikehendaki, maka murad dengan takwil itu *takwil tafsil* seperti bahawa adalah padanya menyatakan makna yang dikehendaki seperti barang yang ia pada mazhab khalaf...

... dan bermula tarekat salaf itu terlebih selamat kerana barang yang di dalamnya selamat daripada meta'yinkan maknanya terkadang ada ia bukan dari murad bagi Allah Taala, maka zahir daripada barang yang ditaqrir itu *muwafaqah* oleh salaf dan khalaf atas menyucikan Allah Taala daripada makna yang mustahil yang menujuk (menunjuk) atasnya oleh demikin yang zahir itu ...

... ( والراسخون في العلم الخ ) itu jumlah permulaan kalam pula maka atas qaul ini tiada tahu takwilnya yang tafsili yang meta'yinkan makna murad itu melainkan Allah Taala jua tiada lainNya, maka pada qaul ini berlakulah atas qaul salaf yang mentakwil oleh mereka itu atas jalan ijmal maka ditafwidh makna muradnya itu kepada Allah. Dan hasilnya bahawasanya apabila datang pada Quran atau sunnah oleh barang yang memberitahu ia dengan mesabitkan jihah bagi Allah atau berjisim atau rupa aatau beranggota nescaya muafakatlah oleh ahli ulmu dan lain daripada mereka itu melainkan kaum mujassimah dan mushabbihah...

... wajib ditanzih akan Allah Taala daripada barang yang menunjukkan atasnya oleh barang yang tersebut itu dengan sekira-kira zahirnya maka setengah daripada barang yang memberi waham akan berjihah itu firman Allah Taala ( يخافون ربهم من فوقهم ) maka ahl al-salaf berkata mereka itu atas itu tiada kami ketahui akan dia tetapi maha suci tuhan itu bertempat di atas dan khalaf berkata mereka itu murad dengan فوق itu tinggi pada kebesaran maka maknanya takut oleh mereka itu arti malaikat akan Tuhan mereka itu daripada ketinggiannya dan kebesarannya.

... Dan setengah daripadanya ( الرحمن على العرش استوى ) maka salaf berkata oleh mereka itu tiada kami ketahui akan hakikat tertinggi itu tetapi maha suci ZatNya itu berhubung dengan Arasy, dan khalaf berkata mereka itu bermula murad dengan tertinggi di atas Arasy itu memerintah dan memiliki ju...

... (dan) setengah daripada barang yang memeberi waham berjisim itu firman Allah Taala (ربك وجاء) dan telah datang Tuhan engkau ... maka datang Tuhan pada ayat ... itu memberi waham ... akan berjisim Tuhan kerana tiada dikatakan datang ... melainkan ada tubuhNya maka berkata oleh salaf datang... tiada kami ketahui ... (dan bermula) khalaf berkata mereka itu dan murad dengan datang itu azab Tuhan engkau atau pekerjaan Tuan engkau yang melengkapi bagi azab...

... (dan setengah) daripada barang yang memberi waham beranggota firman Allah Taala (يَدِهِ وَجْهِ رَبِّكَ) artinya dan kekal oleh muka Tuhan engkau dan lagi firmanNya (اللهُ فُوقَ أَيْمَانِهِ) artinya bermula tangan Allah Taala di atas tangan mereka itu ... dan bermula khalaf itu berkata mereka itu bermula murad daripada muka itu ZatNya dan murad dengan tangan itu Qudrah... (dan) hasil tarekat salaf dan khalaf itu Ahlu al-Sunnah (keduanya demikian lagi)."

### Kesimpulan

Berdasarkan penelitian kajian ini menyimpulkan bahawa Ashairah sebenarnya merangkul kedua-dua aliran salaf dan khalaf dan menerima kedua-dua pendekatan *takwil* dan *tafwidh* sebagai pandangan yang absah. Disaat pendekatan *takwil* dinilai lebih kukuh (*aq'ad*) dan pendekatan *tafwidh* dipandang lebih sejahtera (*Aslam*). Walaubagaimana pun secara umum pendekatan *Takwil* lebih dikedepankan atas faktor kesesuaian dengan pola fikir semasa umat sejak beberapa lama. Pun demikian tidak bermakna pendekatan *Tafwidh* tidak lagi relevan dan ditinggalkan. Justeru dakwaan bahawa golongan Ashairah menolak pandangan Salaf mengenai *Sifat Khabariyah Allah Taala* tidak benar dan jauh tersasar.

### Rujukan

- \_\_\_\_\_. (1292H). *Syarah Matan Jauharat al-Tauhid Imam al-Laqqani*. Kampung Parit Dalam, Sambas berhampiran dengan (kediaman) Sultan Muhammad Safiuddin, Sambas.
- al-Bayjuri, Ibrahim b Muhammad (2004). *Tuhfat al-Murid Syarh Jauharat al-Tauhid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007) *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong*. Batu Caves : PTS Publications.
- al-Fathani, Shaykh Daud bin Shaykh Abdullah. (\_\_\_\_\_) *al-Durr al-Thamin*. Thailand: Matbaah Bin Halabi Fathani.



IN COLLABORATION WITH



UNIVERSITI ISLAM SELANGOR  
جامعة إسلام سلاغور  
SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY



UNIVERSITI ISLAM SELANGOR  
FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM  
FACULTY OF ISLAMIC CIVILISATION STUDIES



9 789672 808374  
FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM